- (c) Restoration of the certificate of registration of the Lever Brothers and subsidiary Companies Employees Union after it had complied with the necessary formalities prescribed by the Registrar

At the last session of this House, the Minister of Labour solemnly promised that he would introduce the Social Security Scheme at this session of Parliament. He subsequently repeated this assurance several times outside this House. I have looked at the Order Paper for this session carefully, and the Social Security Scheme is conspicuous by its absence. This is another example of the credibility gap of the Alliance Government. How can the country believe the Alliance Government if it goes on gaily breaking promises solemnly given?

It is obvious that a major shake-up is needed to reorganise labour legislation and labour machineries to make them effective instruments of development of the nation as a whole. I propose that an all party Parliamentary Committee be established to make a thorough probe into all aspects of labour and make recommendations to the Government.

LANGUAGE

We in the Gerakan have been challenged to state clearly our stand on this issue. Let me state that the GERAKAN supports the provisions of the Constitution to have Malay as the national and official language. We need this for nation building and practical living. We also support the need for the use of the other languages where reason, justice and humanity demand it. On our part, the Gerakan will do its utmost to promote the use of the national language.

DEFENCE

With the British decision to withdraw East of the Suez, the Alliance Government has gone into its habitual spell of panic. The Deputy Prime Minister has taken a swing through Europe and has even gone to Russia to shop or even to beg for military hardware. More than that, the Alliance Government has sponsored the Five-Nation Defence Talks between Malaysia, Singapore, Australia, New Zealand and Great Britain. Any military pact will not necessarily solve the security problems of Malaysia nor of those of South-East Asia.

At a press conference before her departure from Malaysia, the Prime Minister of India had this to say of military alliances, and I quote:

"These alliances create a lot of tension. It is really for each country to decide for itself. I personally think that military alliances create problems rather than provide solutions."

Malaysia has quite rightly refused to be cajoled into openly joining SEATO which is now moribund, if not dead. Why this indecent haste to create a new military alliance which may well be misunderstood by our neighbours and therefore cause more tensions in this part of the world?

In any case, what is this new military pact supposed to solve? Can Australia or New Zealand fill the vacuum that is left by the withdrawal of the British? When one considers that both these two countries are not terribly strong in manpower, nor do they possess the sophisticated military weapons that are necessary to conduct a modern war, how can they come to our rescue if Malaysia is attacked? Have these two countries the logistics that are necessary to carry their troops to this country in an emergency? The answer is simple. They have neither the manpower nor the logistics that are necessary in an emergency to come to our rescue. Conversely, we do not have the manpower nor the logistics to go to their rescue in the event of an attack on them. Why then should we enter into a futile military pact with them?

Australia, in the past, has stated that her northern boundary lies in Malaya, as she then was. She has been careful not to repeat such statements recently, but let me warn the Alliance Government not to make Malaysia the battle ground for Australia and New Zealand.

As for Britain, with her withdrawal east of the Suez, she is thousands of miles away from us and, with the withdrawal of the last of her troops and the dismantling of her bases in Malaysia and Singapore, she is in no position to play a meaningful and useful part in any military pact for this region. The Anglo-Malaysian Defence Pact should be scrapped and all British

and Commonwealth military installations and troops should be withdrawn.

What is meaningful, and realistic, is that the defence of Malaysia and Singapore is indivisible and both these two countries should enter into defence talks to ensure that their territorial integrity and sovereignty is not violated. Instead of military pacts, the Alliance Government would do well to get military aid of the right kind to help us defend ourselves. Malaysia should rely on her own armed forces and on the efforts of her own people to defend her independence and sovereignty through a strengthened and revitalised United Nations.

Mr Speaker, Sir, this House yesterday heard the former Minister of Home Affairs say that the defence talks that are currently being carried on in Kuala Lumpur are in a manner, putting the cart before the horse. He has suggested that what should be done is not to establish military pacts first but rather he has stated and asked the Government to consider the neutralisation of this region of South-East Asia, and I would strongly support the former Minister of Home Affairs in his proposal for the neutralisation of this part of Asia, guaranteed by the great powers, including the People's Republic of China.

FOREIGN POLICY

Closely allied to defence is the fact that Malaysia should adopt a foreign policy that should not be aligned to any power bloc and that we should establish friendly relations with all countries on the basis of equality and mutual respect. Thus we should not favour either the Western bloc or the Communist powers. By all means we should have diplomatic ties with the Western powers but it is right that we should as we now have, diplomatic relations with the Eastern European powers and with the U.S.S.R.

Our Deputy Prime Minister should not only make a swing through Europe and Moscow, but should also make a journey to Peking. The People's Republic of China is one of our principal purchasers of rubber and we have an

adverse trade balance with her. The Alliance Government should encourage trade mission, especially rubber mission, to the People's Republic of China in order that we may sell more to her. If each of the 700—odd million people of China can be persuaded to wear one pair of rubber shoes, think of the increased amount of rubber we can sell to her.

The handling of the Philippines' claim to Sabah by the Alliance Government may not only weaken ASEAN but also may break out into an open quarrel between Malaysia and the Philippines. In the Senate there have been cries to break-off diplomatic relations with the Philippines. We know that these ties have been severely strained so as to cause the Prime Minister of Thailand to hurry to Penang to meet the Tunku. Let us hope that Thailand succeeds in her role of peacemaker between Malaysia and the Philippines. The GERAKAN calls on the Philippine's Government to drop her claims on Sabah. The people of Sabah have indicated clearly that they are part of Malaysia and do not want to be colonised by the Philippines, and they cannot be treated like cattle to be bartered away at the behest of the Philippines. For the sake of peace and harmony in South-East Asia, the Philippines would do well to drop her claims on Sabah thus giving no opportunity to the Alliance to exploit the situation for any forthcoming general election in this country.

CORRUPTION

The GERAKAN maintains that there is corruption in high places, especially amongst politicians, but very little has been done to cure it for obvious reasons. The Alliance Party is effete and corrupt and in the main it is led by self-seeking and ineffectual politicians who are living off the fat of the land. It is a well known fact that a number of Alliance politicians at all levels of representative government have amassed lands, houses, bank balances, businesses, etc., during their term of office and they seem to have acquired an immunity against investigation and arrest that is baffling to the rest of the country.

Mr Speaker, Sir, almost every day I receive letters alleging corruption in high places. Quite a number of them I have sent to the Director of the Anti-Corruption Agency. I have here with me a letter which is dated 2nd June, 1968, and, with your permission, Mr Speaker, Sir, I shall quote a few excerpts from it:

"We want to see this country got rid of corruption, particularly in high places, for that is where corruption is biggest and easiest to happen. The most effective way of doing this is to net the big fish rather than the small fry. For Allah's sake, please get the *ikan yus* and not the *ikan bilis*."

It goes further to say:

"It is widely known here the Dato' So-and-so is highly corrupted, but we rate-payers and businessmen dare not come forth to give evidence openly from fear of reprisals and harm that will be done either to ourselves or to our families."

Tuan Yang di-Pertua: From whom is the letter and to whom is it addressed?

Dr Tan Chee Khoo: This is from Malacca, Mr Speaker, Sir. It goes on to say:

"We have been patiently waiting for the culprits to be brought to book, but everything seems quiet on the corruption front involving top politicians. Should the law be made null and void and inoperative for top politicians like Dato' So-and-so? It seems the order of the day that they can flout the law and get away with it, richer and more prosperous every time."

Mr Speaker, Sir, here is another letter that has been addressed to the Deputy Prime Minister, a copy of which has been sent to me and the Member for Ipoh, and I shall quote a very small excerpt from it:

"This is indeed a clear case of a Government officer having used her official position for her personal advantage. If responsible officers of the Judicial Department could resort to this sort of crime, what can the public expect from them in meting out justice?"

So, Mr Speaker, Sir, one can go on quoting cases of corruption in high places *ad infinitum*. From these two letters that I have quoted, it will be seen that corruption in high places is rife and serious and the GERAKAN calls on the Alliance Government to make a real and sincere effort to stamp it out before it is too late. Thank you.

Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda (Pasar Puteh): Tuan Yang di-Pertua, ini-lah perbahathan atas Uchapan Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kali yang terakhir dalam tempoh Dewan Ra'ayat Yang Kedua yang akan berakhir pada awal tahun 1968 ini.

Saya suka mengambil bahagian berchakap sedikit sa-banyak berkenaan dengan beberapa perkara termasuk perkara² yang tersentuh dalam Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ini. Memandang kepada isi dan kandungan Titah Seri Paduka Baginda ini, terasa benar kepada saya bahawa kandungan Titah ini tidak-lah sa-meriah dan sa-gemilang-nya istiadat perbarisan pada sa-belah pagi-nya sa-belum Uchapan Titah ini di-sampaikan oleh kerana kandungan² yang di-sebutkan dalam Titah Seri Paduka Baginda ini membayangkan keadaan kedudukan negara kita yang begitu muram terutama sa-kali dari segi kedudukan kewangan negara dan dari segi kedudukan ekonomi negara kita sendiri. Keadaan kemuraman itu telah dibayangkan oleh Seri Paduka Baginda sendiri tentang betapa perlu-nya soalan² kenaikan gaji mengikut bagaimana yang di-chadangkan dalam Penyata Suffian akan di-bekukan oleh memikirkan kepada kedudukan kewangan negara yang agak merunching pada masa² yang akhir ini.

Sa-benar-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak suka lagi hendak menyentoh, buat masa ini, apa-kah sudah tiba masa-nya pehak Kerajaan hendak membekukan pelaksanaan Penyata Suffian ini atau pun sudah sampai masa-nya. Soal yang sa-benar-nya ialah mengkaji dari segi nilai pentadbiran dan nilai² pelaksanaan rancangan ekonomi dan kedudukan kewangan negara dari beberapa tahun sejak daripada sekarang ini hingga kebelakangan. Kedudukan ekonomi negara dan kedudukan kewangan negara pada masa² yang akhir ini bukan-lah satu hal yang terjadi dengan spontan begitu sahaja bukan-lah satu hal yang timbul oleh kerana sa-mata² jatoh-nya harga getah dan jatoh-nya harga bijeh, tetapi pada pandangan kami di-sini kedudukan ekonomi negara ini ada-lah mempunyaï

rantai² yang bertali-temali, yang berhubung rapat dari tahun yang akhir ini dengan tahun² yang terdahulu daripada ini sa-telah kita sedari keadaan kemungkinan berlaku-nya kemerosotan ekonomi negara ini sejak beberapa tahun yang lalu.

Dalam ucapan membahatkan belanjawan negara pada awal tahun ini, saya telah mengemukakan dengan panjang lebar bagaimana kedudukan kewangan negara itu jika kita ambil perhatian sejak daripada tahun 1959 atau pun di-ambil daripada tahun 1957 sejak negara kita ini di-ishtiharkan sa-bagai sa-buah negara yang merdeka. Pandangan² dan chatitan² yang saya telah kemukakan itu menunjukkan bahawa sejak daripada tahun 1957 lagi keadaan kehidupan ekonomi dan perjalanan kewangan negara sejak daripada itu tidak-lah memberikan satu gambaran akan membawa negara kita ini kepada satu kedudukan yang lebeh stable atau yang lebeh tegap dalam segi kedudukan ekonomi-nya, atau pun kedudukan kewangan-nya sendiri. Ini apabila kita perhatikan pada chara² pelaksanaan ranchangan pembangunan dan chara² sumber kewangan di-dapati untuk ranchangan pembangunan sumber yang besar sa-kali daripada sumber pinjaman wang, baik daripada dalam mahu pun luar negeri. Kita sedar bahawa sa-bagai sa-buah negara yang muda dan baharu merdeka, kita perlu kepada sokongan kewangan yang kuat daripada puncha² pinjaman daripada luar atau pun dalam negeri. Kita tahu semua ini, tetapi pernah di-nyatakan oleh beberapa kalangan daripada Anggota Dewan ini sendiri bahawa meminjam wang daripada luar ka-dalam itu tidak salah, tetapi melaksanakan pinjaman wang itu sendiri dan meletakkan nilai pinjaman itu dari segi jumlah dan dari segi pelaksanaan-nya itu ada-lah satu perkara yang paling mustahak sa-kali jika sa-kira-nya negara kita ini mahu tegap sa-bagai sa-buah negara yang tegoh dari segi ekonomi-nya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sa-sudah kita mengkaji kedudukan² saperti ini, mengkaji dari segi pinjaman-nya dan mengkaji dari segi pelaksanaan-nya, maka

ternyata-lah kepada kita bahawa chara² pinjaman dan chara² pelaksanaan ranchangan pembangunan-nya dan jenis²-nya ada-lah menggambarkan kepada kita lebeh daripada 50 peratus bahawa chara² pelaksanaan dan jenis² pembangunan itu ada-lah merupakan chara² dan jenis² yang kita dapat memberikan pertolongan kepada kementerian ekonomi dan kewangan negara kita ini sendiri. Sa-bagai chontoh yang dapat kita perhatikan bahawa sa-bahagian besar daripada ranchangan pembangunan itu menunjukkan kepada ranchangan² untuk kemegahan dan ranchangan² untuk kepentingan politik atau ranchangan² yang sama sa-kali tidak dapat mewujudkan kestabilan ekonomi dalam erti kata yang sa-benar-nya. Ranchangan² yang saya maksudkan itu ia-lah ranchangan² mendirikan gedong² besar termasuk Gedong Parlimen kita ini sendiri dan pada masa yang akhir ini sa-buah gedong yang di-megahkan sa-bagai Gedong Angkasapuri ia-itu satu gedong yang paling indah, paling megah dan paling mashhor sa-kali dalam negara kita ini, sebab dia yang paling terbaharu dan yang paling termoden.

Tuan Yang di-Pertua, membena gedong² untuk Kementerian atau untuk kegunaan negara ada-lah satu perkara yang wajar. Soal-nya bukan membena gedong itu tetapi mewujudkan gedong yang sa-demikian hebat-nya dalam saat negara kita sedang mengalami kemerosotan ekonomi, atau pun dalam saat kesatabilan ekonomi kita belum dapat di-harap lagi ada-lah sangat² tidak kena pada tempat-nya dan sangat² tidak menasabah dan tidak sesuai. Gedong Angkasapuri boleh di-megahkan sa-bagai gedong yang indah, tetapi mungkin dalam masa yang tidak berapa lama lagi gedong itu akan menjadi satu lambang, lambang dari kemerosotan ekonomi negara itu sendiri, ia-itu lambang daripada keborosan, lambang daripada ketidakada-nya tilek pandang yang teliti dan chermat dari segi pelaksanaan untuk menjagakan kedudukan persaimbangan kewangan negara dan ekonomi negara.

Apa yang saya dapat perhatikan, mithal sahaja-lah, Tuan Yang di-Pertua, kalau bangunan itu sa-besar

itu juga di-kehendaki kerana demikian-lah perlu-nya kepada beberapa bahagian yang terkandung di-bawah Kementerian Penerangan dan Penyiaran itu sendiri dan sa-besar itu-lah juga yang kita kehendaki, tetapi saya rasa bangunan yang sa-besar itu dengan suatu bentuk yang sederhana akan dapat mengurangkan hampir² sa-paroh daripada anggaran perbelanjaan yang telah di-belanjakan untuk harga pembangunan itu sendiri.

Saya perhatikan umpama-nya "sudu" yang di-sabelah luar-nya—saya katakan "sudu" ia-lah kerana bentuk-nya seperti sudu yang terpampang di-sabelah luar merupakan sa-bagai dinding. Sudu² itu sendiri, Tuan Yang di-Pertua, kalau-lah hendak di-buat satu² sudu itu, entah berapa ribu harga sudu² itu, saya tidak tahu butir yang sa-benar, tetapi saya perchaya harga-nya itu mungkin tidak kurang daripada sa-ribu atau pun hampir kepada harga sa-ribu ringgit satu². Berapa ratus sudu terpaksa di-letakkan di-sekeliling bangunan Angkasapuri itu untuk menambahkan indah, menambahkan hebat, menambahkan chantek bentuk bangunan itu sendiri, sedangkan sudu² itu kalau di-tiadakan, ganti-lah dengan benda² lain yang merupakan bangunan biasa, bukan-kah dapat di-selamatkan wang negara ini dengan sa-baik²-nya. Saya perhatikan, umpama-nya, bangunan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar di-mana terletak Bilek Gerakan yang menjadi ibu, yang menjadi Pusat bagi semua ranchangan² pembangunan di-negara kita. Bangunan yang begitu sederhana, bangunan yang saya rasa murah, entah berapa puluh kali ganda daripada harga Bangunan Angkasapuri itu sendiri. Kenapa Kementerian² seperti Kementerian Penerangan dan Penyiaran itu tidak dapat mengadakan sa-buah bangunan, atau beberapa buah bangunan yang sa-nilai atau sama nilai-nya dengan bangunan yang menjadi pusat arahan segala bentuk pembangunan dalam negara kita ini sendiri?

Ini sa-bagai satu contoh sahaja, Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi bangunan² Kementerian yang telah dibena terlebih dahulu daripada itu

merupakan suatu bangunan yang begitu sederhana, begitu tawadzu' dalam rangka pembangunan rumah² atau pun binaan² untuk Kementerian kita sendiri, dan saya dapat khabar mungkin Kementerian Ke'adilan akan mendirikan sa-buah bangunan yang lain lagi dan konon khabar-nya Kementerian Ke'adilan akan mendirikan sa-buah rumah yang sa-imbang dengan nama Ke'adilan itu sendiri. Akan menjadi satu bangunan yang nombor dua, yang merupakan lambang demokrasi, nombor dua daripada Bangunan Parlimen ini sendiri. Kalau itu di-laksanakan kelak, Tuan Yang di-Pertua, alang-kah ke-chewa-nya negara kita. Apa-kah lambang demokrasi dan lambang ke'adilan itu terletak pada bentuk bangunan rumah, atau pun terletak dari segi perlaksanaan dari erti kata demokrasi dan ke'adilan itu sendiri.

Pada faham saya, Tuan Yang di-Pertua, demokrasi dan ke'adilan ini bukan terletak kepada bentuk bangunan, bukan terletak kepada simbol² bukan terletak kepada chogan²-kata, tetapi terletak kepada amalan yang di-lakukan oleh negara yang berjanji hendak melaksanakan amalan demokrasi dan amalan ke'adilan dalam negara kita ini sendiri. Dalam hal ini saya akan sentoh kemudian sedikit tentang dasar² ke'adilan dan demokrasi yang sudah dan sedang berlaku dalam negara kita.

Kembali kepada soal ini, Tuan Yang di-Pertua, itu sa-bagai satu contoh yang kecil yang dapat saya tunjukkan bagaimana mewah-nya negara kita ini membelanjakan wang untuk menunjukkan kemegahan kepada dunia luar, bahawa Malaysia sa-bagai sa-buah negara yang baharu merdeka, sa-bagai sa-buah negara muda, sa-bagai sa-buah negara yang sedang membangun dapat melayakkan diri-nya dengan bangunan² serba indah, yang serba megah, yang serba gah, serba chantek, kepada dunia luar. Saya rasa chara seperti ini tidak dapat menolong kedudukan negara ini. Betul-lah, Tuan Yang di-Pertua, pelawat² daripada luar negeri datang ka-negara kita ini semua-nya memuji² Malaysia sa-bagai satu negara yang baik, bangunan² baru Malaysia sa-bagai satu negara demokrasi menjadi contoh,

Malaysia itu, Malaysia ini. Pujian² yang di-berikan oleh orang, memang, Tuan Yang di-Pertua, kalau orang datang bertamu ka-rumah kita, ta' kan-lah keji yang di-berikan ta' kan-lah kritik yang di-berikan, kalau orang yang bertamu ka-rumah kita, kalau kita hidangkan dengan lauk yang kurang sedap, dengan hidangan budu, atau pun sambal belachan atau pun chenchalok, mereka akan mengatakan, "Amboi! sedap-nya budu ini, sedap-nya chenchalok ini, sedap-nya sambal belachan ini, ah! sedap-nya ikan kering goreng ini!" Mesti orang memuji, sebab itu-lah etiket, itu-lah adat chara berbudi bahasa kata orang, dalam pergaulan hidup antara manusia sa-sama manusia ini. Jadi, kalau-lah kita hanya mengharap-kan pujian orang, kita boleh menyimpan kepujian itu sampai beribu bakul, Tuan Yang di-Pertua untuk di-simpan sa-bagai kenang²an, tetapi negara ini tidak akan dapat hidup dengan pujian². Negara ini tidak akan dapat di-tegakkan dengan pujian². Negara ini tidak akan dapat menjadi stable kedudukan ekonomi-nya sa-mata² dengan pujian² orang dari luar. Apa yang kita nampak sa-hari dua ini, negara kita ini lebeh mementingkan soal pujian daripada pelaksanaan sa-benar-nya untuk pembangunan ekonomi kita.

Maka sa-chara ringkas-nya, Tuan Yang di-Pertua, jika di-nilai dari segi ini, maka timbul-lah soal Penyata Gaji Suffian terpaksa Kerajaan mengambil tindakan membekukan dan nanti Penyata Gaji Aziz akan keluar kelak serta gaji guru², dan ini mungkin akan di-bekukan, berapa lama Surohanjaya ini menjalankan kerja-nya, berapa lama Surohanjaya Aziz sedang menjalankan kerja-nya, kesemua-nya hasil yang di-kemukakan itu akan dimasukkan dalam peti ice dan ia akan berlumut-lah dengan kesejukan, entah berapa lama lagi meter sejok itu akan di-buka besar² supaya ia dapat tahan lama dalam peti sejok itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa hal yang saperti ini tidak dapat di-salahkan kepada pekerja² atau pun pegawai² Kerajaan yang menuntut tangga gaji yang lebeh baik dan lebeh sempurna. Satu daripada jalan keluar yang telah di-ambil oleh Kerajaan sekarang ini ia-

lah memberikan kenaikan gaji kepada pekerja² Division Empat, Pekerja² I.M.G. dan ahli Angkatan Tentera yang berjawatan rendah. Jadi pada dasar-nya chara saperti ini memang di-pandang bagitu baik sa-kali, sa-olah² Kerajaan kita ini mempunyai bagitu perasaan ihsan dan kasehan belas kepada gulongan² rendah ini sendiri. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, soal ini akan menimbulkan beberapa soal di-belakang hari. Apa-kah pertimbangan untuk memberi kenaikan gaji kepada pekerja² Division Empat, I.M.G. dan Angkatan Tentera yang berjawatan rendah ini benar² merupakan suatu langkah timbang rasa yang bagitu mendalam, atau pun pertimbangan ini di-lakukan sa-bagai sa-mata² merupakan jalan keluar untuk menutup mulut pekerja² yang pulohan ribu banyak-nya dalam negara kita ini, untuk menutup mulut pekerja² yang sa-bahagian besar-nya terdiri daripada kakitangan yang berjawatan rendah, atau pun langkah ini di-ambil sa-bagai satu langkah kilat sa-bagai persediaan untuk menghadapi pilehan raya tahun 1969? Ini akan menimbulkan beberapa persoalan di-kalangan masharakat kita.

Yang kedua, kenaikan gaji yang akan di-beri kepada pekerja² yang berjawatan rendah, Division Empat, I.M.G. atau pun Angkatan Tentera yang berjawatan rendah ini di-anggarkan jumlah kenaikan-nya itu antara empat dengan lima juta ringgit. Apa-kah asas perhetongan yang akan di-lakukan oleh Kerajaan bagi menaikkan gaji pegawai² yang berjawatan rendah ini di-pegang kepada asas, atau di-ikut kepada asas yang terkandung di-dalam Penyata Suffian, atau pun menchari satu asas yang lain sa-bagai asas sementara saperti mana pernah di-lakukan oleh Kerajaan memberikan penambahan sementara beberapa tahun yang lalu kepada pekerja² Division Empat. Ini satu persoalan juga sebab melihatkan kepada angka antara empat dengan lima juta ringgit, kata-lah lebeh daripada lima juta ringgit, satu angka yang terlalu kechil jika di-bandingkan dengan jumlah wang yang akan di-libatkan sa-kira-nya Penyata Suffian itu di-terima, ia-itu di-anggarkan hampir \$100 juta, atau \$96 juta lebeh. \$5 juta,

erti-nya hanya beberapa peratus sahaja maseh menjadi tanda tanya sekarang dengan wang yang \$5 juta itu, berapa sen yang akan dapat di-terima oleh pekerja² yang berjawatan rendah. Lain-lah kalau kenaikan gaji yang akan di-beri pertimbangan kepada pegawai² berjawatan rendah ini di-ambil daripada asas Penyata Suffian sendiri, atau pun Penyata² lain yang berkenaan. Soal-nya sekarang ini kita tahu bahawa Penyata Suffian itu sudah di-terima pada dasar-nya oleh negara, oleh Kerajaan, chuma perlaksanaan-nya sahaja yang tidak mahu di-laksanakan. Kalau sa-kira-nya hendak di-bekukan Penyata Suffian itu sa-bagai pembekuan total, pembekuan pada keseluruhan-nya, tentu-lah tidak dapat hendak di-gunakan sa-paroh² daripada-nya, tetapi hendak di-gunakan sa-paroh² daripada-nya, hendak di-gunakan pengeshoran berkenaan dengan kenaikan gaji pegawai² yang berjawatan rendah Division Empat, I.M.G. atau pun Pegawai² Tentera yang berjawatan rendah yang di-ambil daripada pengeshoran daripada Penyata Suffian itu, maka nyata-lah bahawa Penyata Suffian itu tidak di-beku pada keseluruhan-nya, chuma sa-paroh kepala sahaja di-masukkan dalam peti sejok, yang ekor-nya di-luar pada peti sejok, terpaksa di-chairkan; ini satu persoalan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya takut lupa ia-lah perkara perlaksanaan gaji sama kepada pegawai², atau pekerja² wanita mengikut nilai darjah kerja yang sama. Dengan di-bekukan Penyata Suffian maka ikut terbeku sama-lah kedudukan hendak menyamakan gaji wanita dengan gaji lelaki ini, dan ini satu perkara yang saya rasa banyak orang yang sedeh termasuk-lah Ahli Yang Berhormat dari Jitra dan Padang-Terap dan Ahli² Yang Berhormat—dua orang yang lain itu yang tentu-lah ini menyentoh benar perasaan lubok hati Ahli² Yang Berhormat itu yang saya rasa pernah di-bangkitkan oleh Ahli² Yang Berhormat itu sendiri.

Saya terbacha dalam Penyata Suffian yang telah menggambarkan tugas²-nya dan menggambarkan pandangan yang

di-beri oleh Penyata Suffian itu sendiri menyatakan bahawa hendak di-samakan kedudukan sa-buah Kerajaan yang ada, sa-buah Kerajaan yang bersifat sa-bagai majikan yang ada pekerja² di-bawah-nya dengan satu Jabatan Majikan, atau satu Majikan yang bersifat sa-bagai pengusaha, atau pun saudagar² dengan pekerja² di-bawah-nya tidak-lah dapat di-lakukan sa-demikian. Walau bagaimana pun sa-bagai sa-orang saudagar, dia dapat menilaikan gaji pekerja² di-bawah-nya berasaskan kepada untung rugi perdagangan yang di-lakukan-nya. Kalau besar keuntongan-nya, besar gaji-nya. Maka Kerajaan tidak dapat-lah berkeras demikian walau pun pekerja² sharikat ini bersifat sa-bagai buroh dan Kerajaan itu sa-bagai majikan. Tetapi perhetongan pembayaran gaji majikan, Kerajaan sa-bagai majikan itu terhadap buroh² tidak-lah dapat di-letakkan perhetongan-nya sa-bagai majikan yang berniaga, tidak boleh di-letakkan perhetongan-nya kepada nilai kewangan negara kepada hasil kemasokan negara dan sa-bagai-nya, tetapi perhetongan-nya boleh di-berikan oleh Kerajaan sa-bagai majikan terhadap buroh² di-bawah-nya mesti-lah di-letakkan kepada keadaan keadilan, kepada keadaan yang wajar apa-kah tangga gaji saperti itu sudah wajar atau pun tidak. Dan Kerajaan sendiri sedar bahawa tangga gaji sa-bahagian besar daripada kaki-tangan Kerajaan sekarang ini maseh belum wajar dengan keadaan kedudukan ekonomi negara sa-demikian rupa. Jadi perhetongan kepada keadaan kewangan negara, tetapi di-perhetongkan kepada keadaan wajar atau pun tidak, menasabah atau pun tidak, adil atau pun tidak—susah. Tetapi timbul pula persoalan-nya, kalau negara tidak ada wang bagaimana membayar gaji? Persoalan yang timbul saperti itu-lah dikaitkan oleh sa-bahagian besar daripada ra'ayat negeri ini kepada kedudukan kewangan negara sejak dari sekarang hingga sampai kepada tahun² yang kebelakangan saperti apa yang telah saya sentoh baru sa-bentar tadi, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi daripada pandangan kami daripada pehak sini, Tuan Yang di-Pertua,

pembekuan Penyata Suffian yang di-letakkan sebab² oleh kerana kedudukan kewangan negara sekarang ada-lah terlalu tidak wajar dan perlu-lah pembekuan itu di-kaji kembali. Kalau barang itu sudah masuk ka-dalam peti ice, di-keluarkan kembali dan di-nilai kembali dan chari-lah sebab² yang lebeh menasabah lagi sa-lain daripada sebab demikian, tetapi saya perchaya Kerajaan tidak akan dapat sebab yang menasabah sa-lain daripada sebab kewangan negara. Timbul-lah soal sekarang ini bagaimana kewangan negara kita ini dapat di-stabilkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, satu masa dahulu, kalau tak salah ingatan saya, dalam tahun 1964, pernah saya telah menyatakan dalam Rumah yang mulia ini tentang soal pelaksanaan Rancangan Pembangunan Negara. Dan baru-lah saya lihat akhir² sejak tahun 1966 sampai sekarang ini ada sedikit sa-banyak perubahan dalam segi pelaksanaan, perlancharan pelaksanaan pembangunan negara yang di-lakukan oleh Kerajaan kita ini, ia-itu banyak perubahan saya katakan tadi daripada bentuk pembangunan yang bersifat kemegahan, yang bersifat tidak sa-chara direct memberikan keuntungan ekonomi baik sa-chara langsung, atau pun sa-chara tidak langsung. Pinjaman wang luar negeri yang di-ambil oleh negara kita untuk menyediakan parit dan taliayer bagi menambahkan hasil padi umpama-nya, pinjaman untuk membuat binaan² yang boleh membena, projek² yang sa-chara langsung, atau tidak langsung, boleh di-hasilkan nilai² ekonomi itu, ada-lah satu perkara yang sangat di-perlukan, sangat di-pentingkan. Bertambah banyak projek² saperti ini di-laksanakan dalam negara kita erti-nya bertambah baik kedudukan kemegahan kewangan negara kita pada masa yang akan datang.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, pernah saya sebutkan di-satu masa dahulu kata saya, bahawa kalau boleh sa-dapat²-nya pinjaman wang luar negeri ini hendak-lah di-laksanakan bagi projek² yang sa-chara langsung dan sa-kurang²-nya sa-chara tidak langsung dapat menghasilkan kepada kedudukan ekonomi negara. Mithalan, kata saya

pinjaman wang luar negeri itu dapat di-gunakan dengan sewajar-nya kepada pembentokan industry sa-chara co-operative, atau sa-chara sharikat kerjasama, atau dapat di-bentokkan kepada pembangunan² yang bersifat ekonomi. Pinjaman untuk MARA, umpama-nya, dan melalui MARA mendirikan kilang² atau sa-bagai-nya. Ini semua-nya dapat di-pertanggung-jawabkan bahawa pinjaman itu tidak merupakan satu pinjaman yang membazir kepada kedudukan kewangan atau pun ekonomi negara. Tetapi dengan wang pinjaman kita hendak mendirikan projek² yang langsung tidak dapat mempertalikan soal² pembangunan ekonomi. Ini adalah sangat di-kesalkan. Mithal-nya, saya katakan pembenaan balai raya, pembenaan sekolah² yang besar² sedangkan guru²-nya tidak cukup, pembenaan sekolah² yang endah² dan megah² sedangkan alat²-nya tidak ada, pembenaan Hospital Universiti mithalan-nya menelan belanja sampai berpulohan juta ringgit, tetapi keadaan pentadbiran-nya, banyak perkara kerumitan yang timbul yang hendak saya terangkan itu payah sangat, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi nyata-lah bahawa kalau-lah kita ini berhati² dalam menjalankan projek² pembangunan saperti ini, benda² yang saperti ini dapat di-lakukan supaya beransor², dapat dibuat binaan² yang sesuai dengan kehendak² sa-kurang²-nya tidak lebeh lima tahun yang akan datang. Kehendak² yang saya sebutkan itu dengan menyediakan tapak² yang boleh di-sambong lagi pembenaan-nya pada tahun² yang akan datang.

Jadi nyata-lah, Tuan Yang di-Pertua, chara hendak membetulkan kembali kedudukan kewangan negara kita mesti-lah dasar pelaksanaan pembangunan, dasar mengambil wang pinjaman wang luar negeri dan dasar mentadbirkan soal pembentokan kestabilan ekonomi atau kementerian ekonomi negara kita ini mesti di-susun kembali, di-ubah kembali. Jika tidak, negara kita akan menuju kepada kehanchoran dan dengan demikian maka dengan kehanchoran negara kita itu, kita tidak dapat lagi bersorak² kepada dunia luar yang kita ini negeri yang baik sedikit dari segi ekonomi.

Malang-nya, Tuan Yang di-Pertua, kita selalu bermegah² kepada dunia luar yang kita ini negara yang kedua mewah, negara yang kedua dalam Asia ini tentang baik-nya kedudukan ekonomi di-samping yang pertama-nya ada-lah negara Jepun. Ini kita telah bermegah² kepada dunia luar dan bagaimana chara-nya mereka hendak menutup megah ini. Bagaimana chara-nya kita hendak mempertahankan kemegahan ini. Ini-lah soal-nya sekarang ini. Jadi dalam mempertahankan kemegahan ini, chara-nya kita telah buat dengan chara lain, dengan chara symbol, chara slogan, dengan chara mendirikan projek² yang megah.

Saya tahu, Tuan Yang di-Pertua, pernah di-arahkan oleh Timbalan Perdana Menteri sendiri, atau pun Perdana Menteri atau Menteri Kewangan bahawa negara kita kurang, lemah kewangan-nya, jangan-lah di-buat projek² yang unok megah. Kalau Kerajaan Negeri hendak membuat bangunan Pejabat Kerajaan Negeri pun ta' usah-lah chuba buat besar², buat yang sederhana, kalau ta' ada duit jangan-lah buat lagi. Negeri Kelantan hendak buat sa-buah Bangunan Pejabat Setia-usaha-nya yang sudah burok dan robek sejak zaman Jepun itu pun, bila kita hendak pinjam wang, ta' usah-lah lagi; itu ranchangan unok kemegahan sahaja itu, kalau boleh rumah yang robek, kalau yang bochor di-tampal, yang sudah reput di-ganti sadikit dengan yang baru; gunakan-lah yang itu.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah chukup. Persidangan ini di-tempohkan hingga pukul 4.00 petang hari ini.

Persidangan di-tangguhkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Persidangan di-sambung sa-mula pada 4.00 petang.

(Tuan Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Meshuarat)

**UCHAPAN TERIMA KASEH
KAPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA
BAGINDA YANG DI-PERTUAN
AGONG**

Perbahathan di-sambung sa-mula.

Tuan Timbalan Yang di-Pertua:
Ahli² Yang Berhormat, Perbahathan

atas Usul yang di-buat oleh Yang Berhormat Tuan Chew Biow Chuon ini akan terbuka kepada Ahli² Yang Berhormat sa-hingga pukul 6.30 petang hari esok; dan pada hari Khamis, Yang Berhormat Menteri² akan menjawab dan menerangkan atas pandangan², pendapat² dan tegoran² daripada Ahli² Yang Berhormat. Dari itu, saya mintalah Ahli² Yang Berhormat yang dapat peluang berchakap membuat uchapannya sa-berapa rengkas supaya dapat ramai lagi Ahli² Yang Berhormat yang lain mengambil bahagian.

Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, pagi tadi saya telah mengambil bahagian yang agak panjang sadikit berkenaan dengan kedudukan ekonomi dan kewangan negara kita. Pada petang ini saya berasa sukachita menyambong sadikit sabanyak dalam beberapa perkara yang tertentu.

Perkara yang pertama yang saya hendak sentoh pada petang ini ia-lah soal pertahanan negara. Nampak-nya soal pertahanan negara ini telah menjadi satu maudzu yang begitu penting bagi negara kita pada masa² yang akhir ini. Ini di-sebabkan oleh langkah yang telah di-ambil oleh pehak Kerajaan British akan menarek keluar angkatan tentera-nya yang berpengkalan di-sabelah timor Terusan Suez sa-lepas tahun 1970 ini. Sunggoh pun penarekan Tentera² British itu akan memberi kesan yang bukan sadikit pada kedudukan pertahanan negara² kechil di-sabelah timor, khusus-nya negara Malaysia, tetapi pada pandangan saya penarekan tentera saperti ini tidak-lah sangat memberikan keraguan atau menyebabkan kita ini berasa panic dalam mengadap hakikat kenyataan ini, malah pada pandangan saya wujud-nya Perjanjian Pertahanan antara British dengan Malaysia itu sa-benar-nya tidak wajar. Bagi sa-buah negara yang benar² merdeka dan berdaulat meletakkan pergantungan pertahanan negara-nya kapada sa-buah negara asing ada-lah sadikit sa-banyak-nya menyentoh kehormatan dan kedaulatan negara kita sendiri. Dengan wujud-nya keadaan² saperti demikian, pada fahaman saya, sudah tiba masa dan ketika-nya bahawa

Perjanjian Pertahanan antara Malaysia dengan British itu di-tinjau kembali atau dalam kalimah yang lain di-hapuskan, sebab seperti kata saya tadi, wujud-nya Perjanjian Pertahanan itu sedikit sa-banyak-nya menyentoh kehormatan negara kita.

Sekarang satu persidangan yang boleh di-katakan penting sedang berlaku di-Ibu Kota kita ini, ia-itu di-Kuala Lumpur kita ini, Persidangan Lima Negara membahathkan kedudukan pertahanan di-Tenggara Asia ini dan memberi satu gambaran kepada kita sendiri bahawa persidangan yang tersebut adalah sa-mata² di-wujudkan hasil daripada wujud-nya tindakan British itu sendiri. Apa-kah persidangan ini akan mengambil kesimpulan untuk mengadakan otomatis bagi mengganti tempat kekosongan yang akan tinggal yang dilakukan oleh Kerajaan British ini, atau pun untuk menchari satu jalan yang lain, belum-lah ada satu kesimpulan yang tertentu, akan tetapi pada fahaman saya hendak mewujudkan sa-suatu bagi memenohi kekosongan ini dengan menggantikan tempat yang kosong untuk Tentera² British itu dengan tentera² Commonwealth yang lain juga merupakan satu hal yang tidak wajar.

Saya bagitu bersimpati dan rasa-nya sesuai dengan pendapat saya sendiri apa yang telah di-bentangkan oleh Yang Berhormat bekas Menteri Dalam Negeri kita ini sendiri yang telah menerangkan beberapa konsep yang bagitu berharga dan berguna bagi mengatasi kedudukan pertahanan negara kita ini. Ada pernah timbul beberapa pendapat dari kalangan orang² yang mengambil berat dan memberikan perhatian yang bersungguh² terhadap pertahanan negara kita ini ia-lah soal kenapa Kerajaan kita, Kerajaan Malaysia kita ini, tidak chuba meninjau pendapat² daripada negara² jiran sendiri dalam sa-suatu usaha, atau pun ikhtiar bagi mewujudkan satu sikap bersama dalam menghadapi pertahanan negara di-Tenggara Asia ini.

Mahu atau tidak mahu, Tuan Yang di-Pertua, soal pertahanan bagi Malaysia merupakan pertahanan bagi Tenggara Asia sendiri. Malaysia tidak dapat berdiri sendiri, sa-buah negara yang

bebas dan merdeka dalam soal pertahanan-nya di-sekitar Tenggara Asia kita ini. Keadaan² yang wujud di-Vietnam, keadaan² yang wujud di-sekitar akan menyentoh satu sama lain dengan kedudukan² negara di-Tenggara Asia, negara² jiran seperti negara Indonesia, negara Thai, merupakan negara² yang sa-chara langsung terlibat dengan kedudukan pertahanan di-tenggara Asia kita ini.

Perhimpunan atau persidangan lima negara yang sedang bersidang di-Kuala Lumpur pada hari ini tidak di-ikuti sama oleh negara² jiran. Memang benar-lah, Tuan Yang di-Pertua, bahawa persidangan itu khusus bagi negara² yang menjadi anggota Commonwealth, akan tetapi memikirkan soal² yang mengenai kedudukan pertahanan bagi negara² Tenggara Asia kita ini, soal negara Commonwealth ada-lah merupakan soal yang kedua, soal yang pertama sa-kali ia-lah soal keselamatan di-daerah Tenggara Asia sendiri. Sebab itu, sa-waktu lawatan Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri ka-Indonesia, ramai orang² yang mengharapkan bahawa dalam kunjongan Yang Teramat Mulia Tunku itu soal² pertahanan bersama bagi negara² di-kawasan Asia Tenggara ini patut dan perlu di-perbincangkan, tetapi alangkah malang-nya, Tuan Yang di-Pertua, soal itu tidak pun timbul sama ada di-luar persidangan rasmi, atau pun di-dalam persidangan rasmi itu sendiri semenjak apa yang berlaku sa-masa kunjongan Tunku Perdana Menteri kita ka-Indonesia itu. Apa-kah soal ini mempunyai atau pun kejadian² yang mempunyai erti² dan maksud² tersendiri supaya dapat kita tinjau sa-hingga hari ini akan tetapi pada fahaman saya sudah sampai masa-nya bahawa soal pertahanan negara ini mesti-lah di-rundingkan bersama dengan negara² jiran, negara² yang sa-chara langsung terlibat dari segi kedudukan keselamatan negara² Tenggara Asia.

Memang ada satu masaalah yang mungkin menjadi kechachatan dalam usaha² untuk merapatkan perhubungan dan kerjasama pertahanan negara² Tenggara Asia ini dengan keadaan perhubungan yang tidak baik dan tidak

bagitu mesra antara Kerajaan kita Malaysia dengan Kerajaan Filipina akibat daripada tuntutan Filipina terhadap Sabah. Sunggoh pun soal Sabah ini pada mula-nya merupakan satu tuntutan yang bagitu sahaja, tetapi ini merupakan satu kudis, merupakan satu bisul, di-dalam memelihara ketenteraman, keselamatan dan perhubungan baik antara negara² di-wilayah Tenggara Asia kita itu, maka sudah sampai masanya juga bahawa soal tuntutan Filipina terhadap Sabah ini mesti-lah di-berikan perhatian yang wajar.

Tuan Yang di-Pertua, pehak kami sendiri pun merasa bahawa memang sangat-lah tidak patut dan sangat-lah tidak wajar bagi negara Filipina mengemukakan tuntutan ka-atas Sabah ini dengan bagitu rupa dan kita merasa bahawa tuntutan Filipina itu ada-lah merupakan tuntutan politik yang mempunyai perkaitan yang erat dengan kempen² pilihan raya President yang mungkin akan berlaku di-negara Filipina itu sendiri.

Bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, sama ada Marcos akan kekal menjadi President, atau pun Macapagal akan kembali menjadi President di-Filipina, soal Sabah tidak akan di-diamkan bagitu sahaja, sebab bagi Filipina soal Sabah merupakan soal issue politik yang bagitu penting, yang bagitu menikam perasaan dan bagitu menarek perhatian sa-genap penduduk² dan warganegara Filipina itu sendiri. Jadi, mempertalikan soal kepentingan politik dalam negeri dengan soal kepentingan² keselamatan negara² Tenggara Asia ini, bagi kami di-sini Filipina terpaksa mengkaji kembali asas² tuntutan itu di-samping pehak kita sendiri juga terpaksa-lah meninjau kembali tentang sikap pendirian kita sendiri. Soal-nya, Tuan Yang di-Pertua, sama ada Filipina berhak menuntut atau pun tidak terhadap Sabah bukan-lah patut di-persoalkan. Soal yang besar sa-kali ia-lah apa-kah ra'ayat, atau penduduk Sabah itu suka atau pun bernafsu hendak dudok di-bawah pemerintahan Filipina atau pun mahu kekal di-dalam hidup sa-bagai keluarga di-dalam negara Malaysia.

Bagi orang² Filipina, bagi Kerajaan Filipina sendiri menganggap bahawa

soal itu maseh belum putus. Penentuan yang di-buat sa-belum wujud-nya Malaysia dahulu bagi anggapan mereka penentuan yang belum pasti, penentuan yang di-lakukan tidak dengan chara yang wajar. Kalau itu-lah kedudukan tapak tempat pendirian Filipina sekarang dalam hendak menentu atau menilaikan bagaimana kemahuan ra'ayat Sabah itu sendiri terhadap Malaysia atau pun Filipina, kalau itu-lah menjadi pokok persoalan, pehak Malaysia sendiri, rasa saya, dapat mengemukakan satu sikap yang berani dan tegas dalam soal ini, ia-itu memberikan suatu kesanggupan tawaran kepada Filipina sendiri bahawa kalau-lah penentuan yang di-berikan oleh ra'ayat sa-chara tidak langsung sa-belum wujud-nya Malaysia itu tidak memberi kepuasan hati kepada Filipina, maka boleh kita buat satu penyelesaian dengan mengadakan satu referendum yang baharu dalam negeri Sabah sendiri sa-hingga ra'ayat Sabah dapat memberikan kepastian melalui referendum itu bahawa mereka hendak kekal dalam Malaysia dengan satu ketentuan bahawa Filipina sendiri tidak akan menuntut da'awa-da'awi lagi terhadap negeri Sabah sa-sudah selesai referendum itu sendiri. Ini-lah sahaja satu jalan.

Sa-benar-nya dengan mengemukakan soal Sabah oleh Filipina ka-Mahkamah Antarabangsa sa-kali pun perkara ini tidak akan di-perselesaikan dengan bagitu mudah, sebab negeri Sabah bukan-lah satu keping tanah yang di-perselisihkan, bukan-lah sa-keping tanah yang hendak menentukan siapa tuan-nya, tetapi Sabah ia-lah sa-buah negeri yang mempunyai penduduk, Sabah ia-lah sa-buah negeri yang terlingkong dalam negara Malaysia, Sabah bukan-lah soal barang atau benda yang boleh di-pertentukan oleh Mahkamah, Sabah ia-lah milek ra'ayat dalam negeri Sabah itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, jadi ini-lah satu²-nya kata saya yang mungkin menjadi penghalang, atau pun mungkin menjadi sedikit gangguan sa-kira-nya usaha² ka-arrah menjaga keselamatan negara² di-Tenggara Asia ini hendak di-wujudkan melalui persefahaman dan kerjasama antara negara² jiran di-sekitar Malaysia kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, berchakap berkenaan dengan masaalah luar negeri kita, saya suka-lah menyatakan rasa keraguan sedikit apakala saya mendengar ucapan dari Ahli Yang Berhormat yang menchadangkan Usul yang kita bahathkan pada hari ini menghendaki supaya perhubungan dengan China Kominis itu dapat di-pereratkan, di-adakan perhubungan perdagangan di-mana bahan² mentah kita dapat dijual dengan China Kominis itu sendiri. Soal yang besar sa-kali berhubung dengan China Kominis ini, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah soal pengiktirafan terhadap wujud negara itu sendiri. China Kominis belum menjadi anggota Bangsa² Bersatu dan sa-hingga ini walau pun ada usul² daripada negara² supaya China Kominis itu di-terima sabagai anggota Bangsa² Bersatu, tetapi sa-hingga hari ini usul itu tinggal mungkin tenggelam dalam Bangsa² Bersatu. Soal yang besar sa-kali ini ia-lah apa-kah Malaysia ini dapat mengadakan perhubungan sa-chara perhubungan diplomatik antara Malaysia dengan negara China Kominis saperti perhubungan diplomatik yang telah dibuat oleh negara kita dengan negara Russia, atau dengan negara² Eropah Timor saperti yang sedang berlaku dengan lanchar-nya sekarang ini. Perlu-lah soal ini di-beri peninjauan yang lebeh mendalam, kepentingan perhubungan perdagangan antara Malaysia, apa-kah kepentingan perhubungan perdagangan antara Malaysia dengan China Kominis itu menjadi pokok utama, atau pun soal² yang lain menjadi pokok utama. Kalau soal kepentingan perhubungan dagangan antara Malaysia dengan China Kominis itu menjadi pokok yang utama dalam menchari perhubungan² luar negeri maka sudah sampai waktu-nya negara kita ini mesti merupakan atau mengemukakan soal pengiktirafan, atau soal kemasokan negara China Kominis menjadi anggota Bangsa² Bersatu dan dengan demikian perhubungan diplomatik antara Malaysia dengan China Kominis itu akan dapat di-buat dengan sa-wajar-nya. Ini bukan-lah bererti saya menyuroh, atau meminta Kerajaan ini mengadakan perhubungan diplomatik dengan China Kominis, sebab walau bagaimana sa-

kali pun soal mengadakan perhubungan diplomatik itu ada-lah satu soal yang lain, chuma apa yang saya sentoh ini apakala pehak penchadang kapada chadangan ini menghendaki bahawa Malaysia mengadakan perhubungan yang lebeh rapat dengan China Kominis.

Berchakap berkenaan dengan perhubungan diplomatik antara negara kita Malaysia dengan negara² Kominis, termasuk Russia atau dengan China Kominis, bagi saya, ini satu maudzu' yang tertentu. Sampai sekarang ini bagi saya maseh lagi merasa suatu kebimbangan dalam semangat dan dalam perasaan sendiri tentang perhubungan diplomatik yang telah berlaku antara negara Soviet Russia dengan Malaysia. Apa-kah perhubungan diplomatik ini akan memberikan keuntongan kapada Malaysia kita baik dari sudut perdagangan atau pun dari mana² sudut yang lain. Kalau hendak menchari keuntongan dari segi perdagangan supaya getah atau bijeh kita, hasil² mahsul negara kita ini, dapat di-jual kapada negara Russia, maka demikian perlu di-adakan perhubungan diplomatik yang bagitu kemas, yang bagitu erat, maka itu ada-lah wajar, tetapi soal-nya apa-kah perhubungan perdagangan itu tidak dapat di-wujudkan tanpa wujud-nya perhubungan diplomatik yang rapat dengan mengadakan Kedutaan-nya timbal balek atau sa-bagai-nya.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak Malaysia ini mengadakan perhubungan diplomatik dengan Russia, semenjak Russia telah menghantar Duta Besar-nya di-Malaysia kita ini, semenjak lawatan Menteri² kita ka-Russia, terutamanya lawatan pertama dahulu oleh Senator, yang sekarang ini memegang jawatan Menteri Ta' Berjabatan, maka saya merasa bahawa kadang² perhubungan antara atau perhubungan yang lahir dari chakap² dan sedikit² amalan yang di-lakukan oleh beberapa Menteri itu memberi suatu gambaran yang agak membimbangkan sa-kali. Waktu lawatan Menteri Ta' Berjabatan kita—pada masa itu, saya rasa belum lagi Menteri Ta' Berjabatan—ka-negeri Russia dan bila kembali ka-Malaysia ini kadang² terasa bagi sa-tengah² orang di-Malaysia ini Menteri Ta' Berjabatan

itu telah pun membiarkan diri-nya sa-
bagai suatu alat propaganda bagi
negara Russia untok mencheritakan
tentang kemajuan Russia, kebebasan
beragama dan sa-bagai-nya. Padahal
soal ini ada-lah soal yang terlalu nisbi
untok di-perbincangkan, sebab per-
soalan tentang kebebasan beragama,
kemajuan negara Russia itu ada-lah
satu persoalan yang tersendiri yang
maseh banyak lagi benda² atau perkara²
yang perlu di-kaji, di-tinjau dan di-
bahathkan. Lebeh² lagi pada masa²
yang akhir² ini sa-sudah datang-nya
Duta Besar bagi Russia di-negeri kita
ini telah menjadikan suatu kempen
politik yang paling hebat di-mana waktu
Duta Besar Russia ini melawat ka-
negeri Johor, mithalan-nya, mendapat
tempat yang baik dalam akhbar di-bawa
oleh Menteri Ta' Berjabatan kita dan
sa-hingga menimbulkan ulasan dalam
akhbar bagaimana mesra-nya antara
Duta Besar Russia dengan ra'ayat di-
Malaysia. Dan ini menjadikan bandi-
ngan kepada Duta² Besar negeri² barat
yang lain saperti Duta Besar dari Ameri-
ka Sharikat dan sa-bagai-nya. Hal ini
ada-lah satu perkara yang agak kurang
menyenangkan. Apa-kah negara kita,
atau Menteri² kita ini, sanggup dengan
sa-chara langsung atau tidak langsung
menjadi alat propaganda kepada
negara² luar yang di-mana Duta² Besar
bagi negara² itu ada dalam negeri kita.
Lebeh² lagi apakala pehak Menteri Ta'
Berjabatan kita mengemukakan tentang
rancangan untok menghantar berapa
banyak lagi pelajar² kita belajar di-
negeri Russia untok menuntut ilmu
atau sa-bagai-nya, sa-olah²-nya tidak
ada lagi negeri dalam dunia ini yang
hendak di-chari, sudah penoh lapangan
pendidikan, pelajaran baik dari segi
teknologi dan sa-bagai-nya di-negeri²
lain sa-lain daripada Russia, maka
sekarang terpaksa menghadapkan muka
ka-Russia untok menghantar pelajar²
kita di-sana.

Tuan Yang di-Pertua, kita hendak-lah
sedar dengan sejarah yang berlaku di-
negara jiran kita sendiri di-mana pada
masa yang lalu di-zaman pemerentahan
Sukarno-Subandrio banyak pelajar²
daripada Indonesia yang di-hantar ka-
Soviet Russia, sama ada dengan belanja
Kerajaan Indonesia, sama ada dengan

basiswa yang di-beri atau di-hulorkan
oleh Kerajaan Russia. Kita telah me-
ngetahui sa-bahagian besar dari pelajar²
itu sendiri telah dapat di-resapi oleh
fahaman kominis dan pengaruh kominis
yang bagitu kuat. Sa-kembali-nya
mereka ka-tanah ayer mereka menjadi
tulang belakang dalam gerakan P.K.I.
atau Parti Komunis Indonesia dalam
perjuangan parti itu untok mengembang-
kan di'ayah², propaganda² kominis dan
menamakan fahaman atau bibit kominis
itu dalam negeri Indonesia itu sendiri.
Jadi ini satu perkara yang perlu di-
fikirkan.

Saya bagitu bersimpati dan ber-
setuju dengan sentelan yang di-sentoh
dalam sa-buah surat khabar dalam
negeri ini, kalau saya tidak salah,
surat khabar *Utusan Melayu* pernah
memberikan satu sentelan tujuan kata
surat khabar *Utusan Melayu* itu—
saya ingat dalam renchana Pengarang
atau pun ruangan sudut-nya—tujuan
kita mengadakan perhubungan diplo-
matik dengan Russia ia-lah sa-mata²
untok menjual bahan² mentah kita.
Yang perlu di-persoalkan semenjak
kita mengadakan perhubungan diplo-
matik dengan Russia ini berapa per
cent bertambah-nya getah kita yang
dapat di-jual ka-Russia, berapa per
cent bertambah-nya timah kita yang
dapat di-jual ka-Russia? Bukan soal²
yang lain. Ini-lah soal yang pertama
sa-kali. Bukan soal hendak menghant-
tar pelajar, bukan soal menghadkan
kelas bahasa Russia—tidak salah
mengadakan kelas bahasa Russia,
tetapi soal yang penting sekarang ini
soal perhubungan perdagangan. Kita
hendak menchari sa-berapa banyak
keuntungan dengan perhubungan diplo-
matik yang di-adakan dengan sa-
sabuah negeri itu, terutama-nya kalau
kita telah bagitu berani berkorban
mengadakan perhubungan diplomatik
dengan sa-sabuah negara yang terang²
memegang asas kominis yang kita
tahu negara² besar kominis saperti
Russia itu sendiri dalam sejarah-nya
yang sekarang—akan datang saya
tidak tahu—dalam sejarah-nya di-
mana wujud-nya Kedutaan bagi sa-
buah negara kominis itu di-situ-lah
wujud-nya tempat gerakan sabversive,
tempat atau sa-kurang²-nya gerakan

di'ayah propaganda mengembangkan faham komunisem itu dalam negara itu sendiri. Jadi kita telah berani, kita telah berani mengorbankan sikap kita sa-lama ini begitu tegas menentang fahaman komunis, kita telah berani mengadakan perhubungan diplomatik dan berani bertanggung-jawab sa-kiranya wujud sa-barang gerakan sabversive dalam negara kita ini, dengan tujuan untuk mengaut keuntungan yang sa-banyak²-nya di-lapangan perdagangan. Ini-lah soal yang utama sa-kali. Sekarang soal perhubungan sudah wujud. Tidak perlu di-persoalkan lagi. Apa yang perlu di-persoalkan sekarang ini ia-lah nilai² dagang yang telah, sedang dan mungkin akan wujud antara negara kita Malaysia dengan Soviet Russia dan negara² Eropah Timor dan demikian pula dengan negara China Komunis yang mungkin akan wujud pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya beraleh sekarang ini kepada ucapan saya—saya hendak chuba ringkaskan ucapan saya petang ini untuk memberi peluang kepada sahabat² yang lain—beraleh kepada soal dasar ke'adilan dalam negara kita ini. Pagi tadi saya telah sentoh sedikit sa-banyak sa-waktu saya menyentoh tentang kemungkinan atau timbul-nya ura² atau niat daripada Kementerian Ke'adilan hendak mendirikan sa-buah bangunan yang indah yang menjadi simbol bagi demokrasi dan menjadi simbol bagi ke'adilan dalam negara kita. Soal ini saya pernah mengatakan bahawa ke'adilan demokrasi tidak akan hidup sa-mata² dengan simbol di-negeri kita ini. Sekarang ini kalau di-tinjau dari segi amalan ke'adilan dan demokrasi dalam negeri kita ini kadang² timbul satu perasaan bagi kita apa-kah benar ini-lah yang di-namakan demokrasi dan apa-kah benar ini yang di-namakan ke'adilan. Ini, Tuan Yang di-Pertua, terutama sa-kali dalam soal pertarongan antara partai² politik, di-masa² yang akhir ini, lebeh² lagi hampir² menjelang pilihanraya besar yang akan berlangsung dalam tahun 1969 ini.

Tuan Yang di-Pertua, kadang² bagi perasaan kita terasa apa-kah kita ini sudah kembali hidup di-zaman peme-

rentah Jepun sa-lama sa-tahun jagong atau pun sa-lama tiga tahun lebeh kurang dahulu atau pun kita ini kembali di-zaman bahana, sebab di-zaman Jepun dahulu, Tuan Yang di-Pertua, apabila berlaku perselisihan kechil antara satu keluarga dengan keluarga lain, antara satu peribadi dengan peribadi yang lain, yang kebetulan satu daripada peribadi itu orang penting atau yang mempunyai perhubungan yang rapat dengan Kempitai, maka lambat laun saminggu dua minggu orang yang bertelagah dengan beliau itu akan dapat di-tangkap dan di-bawa kepada Kempitai di-beri seksaan tanpa di-kemuka ka-muka pengadilan. Kadang² nasib orang² itu bebas kemudian-nya, kadang² nasib orang itu menjadi makanan Samurai.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini kita rasa kembali pada zaman itu. Kadang² pertikaian politik di-kampong² antara satu partai dengan satu partai yang lain, antara anggota partai dengan anggota partai yang lain, pertikaian politik biasa yang kadang² pertikaian politik itu agak panas, kadang² suam², tetapi oleh kerana timbul pertikaian yang saperti ini di-tambah lagi dengan pertentangan peribadi yang telah wujud sa-lama²-nya, maka kesempatan digunakan oleh suatu golongan yang lain buat laporan kepada pehak Kerajaan, buat laporan kepada polis, maka akhir-nya orang itu di-tangkap tidak di-kemukakan ka-muka pengadilan, di-tangkap di-bawah berbagai undang², ada yang di-tangkap di-bawah Undang² Keselamatan Dalam Negeri, ka-Batu Gajah-lah tempat-nya, ada yang di-tangkap di-bawah Undang² P.C.O. (Prevention of Crime Ordinance) maka ka-daerah² yang jauh-lah tempat-nya, ada yang di-tangkap di-bawah Undang² R.R. atau pun menghadkan Tempat Kediaman, maka ka-negeri lain-lah pula tempat buangan-nya berpisah daripada kaum keluarga-nya dan sa-bagai-nya. Ini berlaku, pernah berlaku, telah berlaku dan baharu sahaja berlaku dan mungkin akan berlaku lagi, terutama-nya dalam negeri Kelantan, sebab kita tahu pertentangan politik ini di-mana

kuat-nya tempat partai Pembangkang dalam negeri kita ini, maka di-situ-lah pertentangan yang hebat. Di-mana tempat-nya partai yang menyokong Kerajaan itu kuat tidak banyak timbul pertentangan. Ini sudah menjadi adat kebiasaan. Tetapi kalau amalan seperti ini berjalan, Tuan Yang di-Pertua, maka saya rasa kehidupan demokrasi dan ke'adilan di-dalam negara kita ini akan muram dan lambat laun akan anchor, hanchor, dan kita sendiri akan merangkak di-atas kehanchoran ke'adilan dan demokrasi di-dalam negara kita ini.

Memang betul, Tuan Yang di-Pertua, pehak Kerajaan akan dapat mengemukakan hujjah² dan alasan² dengan berderet² chakapan, dengan berpuluh² sebab yang membolehkan sa-saorang itu di-tangkap. Bila sa-orang itu di-tangkap, bila sa-orang yang bernama Ya'akub di-tangkap, mithal-nya di-bawah P.C.O. atau R.R. maka pehak Polis akan mengemukakan sampai sa-puluh atau dua puluh kejadian² yang kadang² semua yang di-kemukakan itu benar, kadang² ada sa-paroh benar, kadang² kesemua-nya tidak benar—ini memang boleh di-kemukakan. Tetapi di-atas alasan itu-lah, Tuan Yang di-Pertua, banyak orang² yang telah melakukan jenayah dalam negeri ini, sama ada jenayah itu sudah terbukti di-dalam Mahkamah dia telah di-hukum, sama ada jenayah² yang di-lakukan telah tidak terbukti dalam Mahkamah, berkali² naik Mahkamah tetapi tidak dapat di-kemukakan, atau tidak dapat di-hukum kerana tidak chukup bukti atau kenyataan, berpuluh² report yang di-kemukakan oleh pehak² yang tertentu, mithal-nya. Ada juga orang² yang seperti itu yang dapat hidup berlelgang kangkong di-dalam kampung-nya dengan bebas, dengan megah sa-bagai samsing, sa-bagai gangster di-kampung, orang ini tidak di-tangkap. Orang itu di-letakkan di-bawah P.C.O., orang itu di-letakkan di-bawah R.R.—ini yang menimbulkan persoalan. Sedangkan orang² yang tidak terkenal di-dalam lapangan jenayah, tidak terkenal sa-bagai pengapak kepala, tidak terkenal sa-bagai gangster, tidak ada kejadian tidak pernah

di-dalam Mahkamah, tidak pernah di-kemukakan di-dalam Mahkamah sehingga dia bebas oleh kerana tidak sabit atau tidak nyata, orang² seperti ini di-tangkap, di-singkirkan dan sa-bagai-nya.

Ini kalau-lah pehak Kerajaan atau pun pemerintah ini benar² hendak mengawasi dan menjaga perkara ini terpaksa kena berteliti dan berchermat dan saya perchaya dengan wujud-nya sa-orang Menteri Muda yang baharu dalam Kementerian Dalam Negeri, Menteri Muda Dalam Negeri ini yang baharu orang ahli undang², orang yang pernah berkhidmat di-dalam lapangan undang², jawatan tinggi, sa-orang pegawai Kerajaan yang telah lama, saya perchaya dengan beliau akan mengambil initiative yang berharga sa-kali bagi meninjau kembali chara² penangkapan di-lakukan dan bagaimana keadaan² dan nasib orang² yang telah di-asingkan daripada kaum keluarga sampai ka-tengah² hutan rimba, sampai keluar negeri, sampai tengah² gunung-ganang. Ini bukan-lah chakapan seperti chakapan tambahan, tetapi ia-lah dengan benar, ada orang yang di-asingkan sampai keluar negeri, di-letakkan di-tengah² gunung—tengah gunung saya katakan tidak ada jalan raya-lah, tidak ada kaum keluarga, tidak ada mata pencharian, orang yang sekarang ini sampai tidak dapat hidup kerana tidak ada mata pencharian, bergantung kapada ihsan sa-siapa sahaja-lah kaum famili-nya dari jauh² yang mengirinkan wang belanja. Ini kejadian yang benar², Tuan Yang di-Pertua, harap-lah saya kalau pehak Menteri Muda Dalam Negeri ini akan dapat meninjau kembali chara² dasar Kerajaan ini supaya sesuai dengan selogan², dengan lambang² yang wujud dalam negara kita ini sa-bagai negara demokrasi, sa-bagai negara yang memegang kapada hukum—negara hukum, negara yang menjalankan ke'adilan.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentoh-lah sedikit berkenaan dengan Jabatan Anti-Corruption ini satu jabatan yang bagitu penting dalam menjamin kelichinan perjalanan pentadbiran dan dalam

menjamin kelichinan perjalanan negara kita ini berseh daripada rasuah, berseh daripada perkara² yang tidak baik. Sa-lama gerakan anti-corruption ini berjalan bagi saya sudah pun boleh di-berikan kepujian kepada Pengarah-nya dan anggota²-nya yang telah menjalankan kerja dengan baik.

Apa yang saya hendak sentoh pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah saya merasa bahawa wujud-nya didalam bentuk-nya sekarang ini—Badan Penchegah Rasuah yang wujud sekarang ini—maseh belum lagi sem-purna dan maseh sangsi.

Gerakan anti-corruption hendak-lah merupakan gerakan yang bebas, gerakan yang bebas dari politik, gerakan yang bebas dari tekanan² orang atas, gerakan yang bebas dari segala²-nya. Sudah sampai masa-nya, Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Anti-Corruption, atau pun Penchegah Rasuah ini, hendak-lah di-wujudkan sa-bagai satu jabatan yang langsung tundok di-bawah Yang di-Pertuan Agong yang di-lantek oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sa-bagai Jabatan Surohanjaya Perkhidmatan Awam atau pun Surohanjaya² yang lain yang di-letakkan terus di-bawah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Dengan chara Badan Anti-Corruption ini tidak tundok di-bawah mana² Jabatan, Kementerian, sama ada Kementerian Dalam Negeri atau pun Jabatan Perdana Menteri, maka saya kira gerakan anti-corruption ini dapat berjalan lebeh bebas dan lebeh maju. Tidak perlu takut kepada tekanan sebab sa-lagi dia dudok di-bawah mana² Jabatan, kemungkinan benda itu entah-lah sudah berlaku atau pun tidak itu, itu masaalah lain—tetapi kemungkinan akan berlaku bahawa Jabatan Anti-Corruption ini akan dapat di-jadikan alat untuk menekan gulongan yang lain atau dapat di-jadikan alat untuk mendapat shafa'at daripada mendapat menekan Pejabat ini. Jadi kedua²-nya itu ia-lah satu perkara yang tidak patut wujud di-dalam Jabatan Anti-Corruption untuk menekan gulongan yang lain, maka dia di-peralatkan oleh gulongan yang lain

oleh kerana kebetulan gulongan yang hendak memperalatkan itu gulongan yang di-atas yang berkuasa kapada Jabatan ini—itu pun niat tidak baik. Dan kadang² orang² yang berkuasa terhadap gulongan ini mempunyai kesalahan² tertentu, maka orang² itu menjadikan Badan Anti-Corruption ini sa-bagai satu Badan shafa'at untuk mendapatkan tempat berlindung daripada tindakan atau pun apa² langkah yang di-ambil oleh Badan ini—ini pun sangat² sangsi.

Jadi untuk menyelamatkan Badan itu, kalau pun belum pernah berlaku, tetapi kemungkinan akan berlaku, untok menyelamatkan Badan ini sudah tiba masa-nya Badan ini mesti-lah Badan yang bebas menjadi satu Badan yang tundok terus di-bawah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong saperti Badan² bebas yang lain yang tidak terta'alok di-bawah mana² Jabatan dan Kementerian dan Panglima bagi Penchegah Rasuah ini atau pun Pengarah bagi Penchegah Rasuah ini hendak-lah di-beri kuasa² yang lebeh dan meletakkan taraf-nya kapada taraf yang sama dengan taraf Hakim dalam negeri ini. Dengan demikian sahaja-lah baharu Gerakan Anti-Corruption itu lebeh memberi kesan, lebeh memberi menafa'at kapada gerakan penchegah rasuah yang di-lakukan sekarang ini.

Ini, apa yang di-sebutkan ini sudah tidak menafikan, tidak-lah pula saya menafikan kerja² yang telah di-lakukan oleh Badan Penchegah Rasuah ini sa-bagai kerja² yang begitu baik dan berkesan. Apa yang telah berlaku sa-lama ini dalam Gerakan Penchegah Rasuah tentang menangkap orang² yang makan suap, mengambil langkah bagi menangkap penyeludupan ganja dan sa-bagai-nya oleh kerana memandang bahawa di-bawah Jabatan Kastam itu ada racket berkenaan dengan rasuah ini, maka ini semua patut di-berikan kepujian dan penghargaan yang sa-tinggi²-nya.

Tuan Yang di-Pertua, sa-belum saya berhenti pada petang ini ada satu perkara lagi yang saya hendak sentoh mengenai soal pelajaran. Kita tahu bahawa dalam dasar pelajaran kita,

pelajaran agama itu menjadi mata pelajaran yang perlu dan wajib di-ajar dalam sekolah² di-mana ada pelajar² Islam, anak² Islam yang menjadi murid. Bila ada anak² Islam di-dalam kelas itu lebeh daripada 15 orang, maka guru, sa-orang guru daripada guru agama di-adakan dan di-beri pelajaran agama. Pada mula² langkah ini di-lakukan beberapa tahun yang lalu mendapat sambutan yang baik. Mata pelajaran Islam di-dalam peperiksaan L.C.E., M.C.E., H.S.C. mendapat sambutan yang baik daripada pelajar² sa-hingga pelajaran itu menjadi satu mata pelajaran yang begitu di-minati oleh pelajar² Islam, malah ada pelajar² yang bukan Islam pun yang mengambil mata pelajaran itu sa-bagai satu mata pelajaran untuk mendapat kelulusan sijil L.C.E., F.M.C. atau H.S.C. Tetapi apa yang menimbulkan keraguan pada masa² yang akhir² ini telah terdengar bahawa mata pelajaran agama ini tidak lagi di-berikan syarat untuk kelulusan di-dalam sijil sama ada L.C.E., F.M.C. atau H.S.C. Jadi dengan demikian menimbulkan perasaan di-kalangan pelajar² kita sendiri tidak begitu gemar menuntut, atau pun mengambil pelajaran agama. Mereka tidak begitu gemar mengambil, kerana mereka tahu kalau mereka mengambil pelajaran ini, ini mengganggu mereka untuk mendapatkan pelajaran² yang lain, sedangkan pelajaran agama tidak menjadi pelajaran yang pasti atau mata pelajaran untuk mendapat syarat kelulusan untuk mendapat sijil L.C.E., F.M.C. atau H.S.C. Ini soal-nya yang pertama yang timbul perkara ini.

Jadi dengan demikian sudah-lah berlaku pada masa sekarang ini kelas² pelajaran agama tidak lagi di-kunjongi oleh pelajar². Bila sampai masa-nya untuk mengadakan pelajaran agama, bila guru agama masuk sa-bahagian daripada murid² itu lari meninggalkan kelas-nya, masuk ka-Khutub Khanah (Library) untuk membacha atau mentela'ah buku² pelajaran lain, sebab mereka merasa pelajaran agama ini di-bacha di-rumah pun boleh, dia berasa, atau pun menanyakan ayah di-rumah pun boleh atau hendak tidak tanya, tidak bacha pun tidak apa. Soal-nya dia

menghendaki tiap² pelajaran yang di-ajar dalam sekolah itu hendak-lah pelajaran itu berguna bagi dia untuk mendapat sijil, bukan soal berguna lagi dia untuk menjadi alat untuk hidup pada masa akan datang, itu soal yang kedua bagi pelajaran sekarang, saya perhatikan—berguna untuk mendapat sijil. Jadi bila dia tahu pelajaran itu tidak dapat menolong dia mendapatkan sijil, maka banyak murid² yang begitu chuai terhadap mata pelajaran agama ini. Ini perkara yang wujud sekarang.

Yang kedua, ia-lah soal dasar di-lakukan oleh Kementerian Pelajaran sekarang ini dalam memberi nilai kepada guru² agama yang mengajar di-sekolah² Kerajaan, ia-itu sa-sudah timbul satu jadual baharu, satu kira² baharu tentang soal menempatkan jumlah guru kepada tiap² sekolah mengikut perhetongan darjah atau kelas supaya jangan berlebeh guru, maka dalam menilaikan guru bagi jumlah kelas bagi tiap² buah sekolah itu, maka guru² agama termasuk di-dalam nilai jumlah guru. Dengan demikian, Tuan Yang di-Pertua, kedapatan ada sekolah² yang kurang guru kerana guru² agama di-jumlahkan sa-bagai jumlah² guru yang termasuk di-dalam Schedule atau pun jadual itu sendiri. Oleh hal yang demikian kedapatan-lah di-dalam sa-bahagian besar sekolah² sekarang ini bukan sahaja di-Kelantan bahkan di-Negeri² lain pun ada guru² agama yang terpaksa mengajar mata pelajaran lain, ada guru² agama yang terpaksa mengajar mata pelajaran Bahasa Kebangsaan, bahasa Melayu, mengajar Ilmu Hisab bagi sekolah² rendah atau sa-bagai-nya; terpaksa, kerana guru² tidak cukup. Itu satu perkara, Tuan Yang di-Pertua.

Yang kedua, guru² agama sa-benar-nya bukan-lah guru² atau guru² agama di-sekolah rendah Kerajaan, sa-benar-nya bukan guru² yang tundok di-bawah Kementerian Pelajaran. Guru² itu ia-lah Pegawai atau kakitangan Kerajaan² Negeri, tetapi di-serahkan untuk mengajar mata pelajaran agama di-sekolah² Kerajaan. Maka timbul-lah pula soal-nya memegang kelas. Oleh kerana guru² kurang maka guru² agama pun terpaksa menjadi guru

yang memegang kelas; ini bertambah berat-lah kewajipan-nya. Dengan demikian apa-kah natijah yang di-dapati daripada kejadian itu? Natijah yang pertama guru² agama terpaksa mengajar mata pelajaran yang tidak menjadi mata pelajaran bagi-nya. Yang kedua, mata pelajaran agama yang di-ajar di-sekolah itu terpaksa di-kurangkan, sebab sa-bahagian daripada guru agama terpaksa mengajar di-sekolah itu.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, bila kurang mata pelajaran agama yang di-ajarkan, maka minat murid² kepada mata² pelajaran agama itu pun tidak begitu bersungguh. Sa-mentelah pula seperti yang tersebut pada mula² tadi bahawa mata pelajaran agama tidak lagi jadi mata pelajaran untuk kelulusan sijil² yang di-adakan didalam sekolah² kita ini seperti sijil L.C.E., F.M.C. atau H.S.C.

Pada pandangan saya elok-lah pehak Kementerian, atau pehak Kerajaan meninjau kembali akan hal ini supaya keadaan itu akan dapat menjadi sempurna dan terator kembali, meninjau kembali supaya mata pelajaran agama di-jadikan mata pelajaran untuk kelulusan sijil L.C.E., F.M.C. dan H.S.C. dan supaya guru² agama yang mengajar di-sekolah² Kerajaan itu tidak diberi tugas yang lain sa-lain daripada memberi pelajaran dan pendidekan agama. Kechuali kalau tugas ini pun tidak di-tunaikan, itu masaalah lain. Di-beri tugas khas-nya untuk mengajar agama dan pendidekan agama, sa-mentelahan pula gaji guru agama itu ada-lah lebeh rendah, jika di-bandingkan dengan gaji guru² lain, maka sangat-lah tidak adil hendak di-berikan tugas yang sama seperti guru² yang lain.

Gaji guru agama pernah di-sebut oleh Tuan Hakim Aziz sa-waktu mengulas tentang tugas²-nya untuk membuat penyata berkenaan dengan guru, gaji guru agama ini terlalu rendah, kadang² ada yang sama dengan tukang kebun, atau pun dengan peon, atau pun dengan office boy. Jadi inilah satu perkara yang perlu di-perhatikan oleh pehak Kementerian yang berkenaan.

Itu-lah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, yang saya sentoh pada petang ini dan saya bersama² dengan kawan² yang lain mengucapkan terima kasih atas Titah Uchapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu.

Sekian, terima kasih.

Orang Tua Mohammad Dara bin Langpad (Sabah): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun berucap ia-lah kerana menyokong dengan sa-penohnya atas Titah Uchapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 6 hari-bulan Jun berkenaan dengan pembukaan Parliament Penggal Yang Kelima pada tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, suka-lah saya menarek perhatian sedikit sa-banyak berkenaan tuntutan Filipina ka-atas Sabah. Di-sini saya menerangkan dengan jelas, ini sa-mata² tidak ada kena mengena Filipina hendak menuntut Sabah dan Filipina langsung tidak ada hak-nya di-Sabah. Kalau benar² Filipina ada hak atas Sabah asal tanah jajahan Filipina, mengapa di-masa penjajahan dahulu, atau bangsa² telah memerintah Sabah dan mena'alok Sabah, mithal-nya Kerajaan Jepun telah memerintah Sabah memakan masa hampir² lima tahun memerintah Sabah. Kemudian pula diperintah oleh British lagi sa-patut-nya Kerajaan Filipina di-masa itu mengeluarkan tuntutan-nya kalau benar² bahawa Filipina satu Kerajaan yang bijak dan sayang dan bimbang kepada Sabah berserta ra'ayat-nya supaya terlepas dari belunggu penjajahan.

Tuan Yang di-Pertua, hasrat ra'ayat Sabah yang berbilang bangsa banyak² menguchap jutaan terima kasih dan sa-tinggi² tahniah kepada Malaysia Barat yang mana berbagai² pertolongan dan kemudahan yang di-berikan kepada Sabah dan telah dapat membangkitkan dan melepaskan dari belunggu penjajahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya perchaya boleh jadi pada sangkaan Kerajaan Filipina bahawa Sabah merdeka menerusi Malaysia ada-lah dengan paksaan, atau pun pujokan atau hanya

kemahuan pemimpin²-nya sahaja; ini sa-mata² tidak betul, sebab, Tuan Yang di-Pertua, sa-tahu saya Sabah telah pun di-datangi oleh Perwakilan Bangsa² Bersatu ia-itu Cobbold Commission dan saya sendiri telah pun di-tanya, sama ada Sabah suka masok Malaysia ada-kah dengan paksaan atau pujokan pemimpin². Jawab saya ini ia-lah kehendak dan kemahuan kami sendiri, tidak ada siapa pemimpin yang berjumpa dengan kami. Ini ia-lah dengan keredzaan dan keikhlasan kami sendiri.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, Sabah telah pun mengadakan pilihanraya pada tahun 1967 dengan sa-chara langsung, sa-belum pilihanraya dijalankan Filipina dan Indonesia telah meminta kepada Bangsa² Bersatu supaya menghantar perwakilan dari beberapa buah negara sa-bagai pemerhati², kalau-lah benar² ra'ayat Sabah yang berbilang bangsa sama ada tetap di-dalam Malaysia mahu pun tidak, dan saya sendiri ada bertukar² pendapat dengan wakil dari Indonesia kata-nya pilihanraya Sabah chukup terator dan memuaskan. Ujar beliau lagi, "Saya menguchapkan berbanyak² terima kaseh atas pendapat saya di-masa saya melawat tempat² pemuangan undi. Saya berasa puas hati benar² ra'ayat Sabah bukan dengan paksaan ia-lah dengan kehendak dan kesukaan mereka sendiri merdeka masok Malaysia".

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia ia-lah sa-buah Kerajaan yang sentiasa berazam hendak mewujudkan perpaduan di-antara negara² yang lain, dan Malaysia suka bekerja sama dan bertolak ansor dengan negara² yang lain, bukti-nya Filipina meminta kepada Kerajaan Malaysia supaya smuggling dari Filipina ka-Malaysia di-tutup atau pun di-berhentikan kerana menimbulkan perselisihan di-antara dua buah negara dan ekonomi Filipina akan merosot lagi. Kerajaan Filipina meminta supaya dia menghantar Pejabat Kastam-nya ka-Malaysia Timor. Kerajaan Malaysia ber-setuju atas permintaan-nya.

Tuan Yang di-Pertua, belum ada satu Kerajaan dalam dunia ini sa-mata² menolak wang masok ka-dalam negara-

nya dan di-jaga kemasokan hasil-nya oleh negara² yang lain ia-lah negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Sabah akan menghantar tiga orang wakil untok menyertai Perwakilan Malaysia berkenaan rundingan di-Bangkok yang akan berlangsung pada 17 haribulan Jun ini. Oleh hal yang demikian diminta kepada Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini, mari-lah kita bersama² berdo'a semuga kedua buah negara akan dapat memainkan peranan bagi menchari jalan dengan sa-chara damai, agar Filipina menarek balek tuntutan-nya ka-atas Sabah.

Terima kaseh.

Tuan Tajudin bin Ali (Larut Utara):

Tuan Yang di-Pertua, minggu lepas Dewan ini dan negara kita telah menchatet satu sejarah baharu di-mana Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong telah berkenan melawat dan memberi Titah dalam Dewan yang mulia ini. Saya sa-bagai wakil Larut Utara dan pengundi² saya menguchapkan ribuan terima kaseh kepada Duli² Yang Maha Mulia agar kedua mereka itu dudok di-atas Takhta, bersemayam di-atas Takhta sa-lama²-nya.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita telah pun membuat bi-lateral agreement dengan negara² dalam dunia ini dan juga negara² yang berjiran dengan kita. Dari sa-masa ka-samasa saya lihat perkembangan politik dan juga kemushkilan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan juga Titah Baginda, saya minta kebenaran Tuan Yang di-Pertua, membachakan, "Tindak tandok yang tidak bertanggung-jawab dari sa-bilangan kecil ra'ayat negeri ini yang suka menimbulkan kekachauan".

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir besar sangat ma'ana ucapan ini dan saya harap orang² yang kecil ini memang menjadi duri dalam daging. Dengan ada-nya bi-lateral agreement, saya harap, Tuan Yang di-Pertua, supaya orang yang suka membuat kachau dan terus membuat kachau dalam negara

ini, dan tidak memberi ta'at setia kepada negara ini umpama-nya kita lihat seperti satu sejarah baharu, kita tengok kelmarin di-mana Duli Yang Maha Mulia telah berangkat merasmikan Parlimen ini, wakil² dari Batu tidak datang, wakil daripada P.P.P. pun tidak datang; ini menunjukkan ada-lah mereka² ini pandai sahaja berkokok dalam Dewan ini dan tempat² yang tertentu, tetapi memuji² negara yang asal. Saya mendatangkan perubahan dalam Parlimen ini, Tuan Yang di-Pertua, bagi orang² ini dengan adanya bi-lateral agreement mahu-lah Kerajaan kita berpakat dengan negara asal mereka supaya orang ini dapat di-pindahkan balek dan kita tukar umpama-nya satu doktor daripada sini kita hantar keluar, kita bawa balek sa-orang attendant pun tidak mengapalah, atau pun orang² yang memuji² Kerajaan Singapura, kalau kita hantar umpama-nya satu wakil, kita ambil pion pun tidak mengapa. Lebeh² lagi saya tengok daripada Kerajaan Singapura, Tuan Yang di-Pertua, selalu mengganggu Kerajaan kita. Kalau pepatah orang putih berkata, "chuba menumbok di-bawah tali pinggang" daripada satu masa ka-satu masa dan meminta ma'af. Saya mahu tegas di-atas perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, dan kalau Singapura membuat demikian di-atas ra'ayat kita, Malaysia, berma'ana-lah Singapura sedikit sa-banyak menyentoh kedaulatan negara kita dan saya harap Kerajaan kita jangan mendiamkan diri. Dengan adanya bi-lateral agreement, kalau Kerajaan Singapura menghantar balek satu, kita hantar balek tiga ka-Singapura. Saya rasa baharu-lah berpatutan dengan perkembangan masa.

Saya harap dengan adanya bi-lateral agreement, kita pakai sa-chara besar²an, kerana saya tengok ada satu negara banyak pada musim panas orang² kita ini pergi bertukar angin ka-sana dan di-sambut sa-chara besar²an pada satu negeri, dan dukachita saya mema'alumkan kepada Parlimen ini, ada pula dalam Parlimen negara itu mempunyai satu Kementerian yang khas berkenaan dengan orang² keturunan asal daripada negeri itu dan murid² kita daripada negeri ini pergi ka-

negeri itu tidak kurang daripada 3,800 orang mendapat pelajaran dan langsung tidak dapat visa daripada negeri kita, atau bantuan daripada negeri kita yang belajar di-situ. Saya dapati sa-chara sa-tengah rasmi, Tuan Yang di-Pertua, kadang² waktu chuti budak² ini dipaksa menundok dan memberi hormat menyanyi lagu negara kebangsaan negara itu dan berlatah tentera di-dalam negeri itu. Saya harap Kerajaan kita jangan berdiam diri di-atas perkara ini kerana murid² ini ia-lah seperti masa rebong lagi. Mereka mendapat pelajaran dan kalau perkara ini di-benarkan berjalan terus-menerus murid² ini apabila dapat pelajaran dan kembali ka-negara kita akan menjadi sa-olah² saya nyatakan tadi kepada Parlimen ini macham duri di-dalam daging dan ini akan mengancham keselamatan negara kita.

Saya harap, Tuan Yang di-Pertua, dalam Pejabat Imigeresen kita, kita adakan satu section yang lain di-mana section ini di-minta membuat penerangan besar²an ka-seluruh negara kita termasuk-lah Sabah dan Sarawak di-mana orang² yang membesar²kan, membanggakan negeri mereka yang asal sama ada Indonesia, sama ada negeri China, sama ada Singapura atau pun Ceylon, kita ambil chatetan dan laporan yang tertentu dan satu hari kita panggil buat interview. Ini-lah chakap mereka membangga²kan negeri asal. Apa kata kita beri satu tiket dengan satu jalan dan kita bawa dengan bi-lateral agreement ini dengan orang yang lain pula. Saya telah menyatakan tadi, kalau kita menghantar doktor, negeri ini bersukachita dan berbesar hati, kalau kita menerima kembali sa-orang peon atau pun sa-orang attendant, tetapi yang bertanggung-jawab.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa dukachita mendengar ucapan Ahli Yang Berhormat dari Ipoh menyatakan apa yang Kerajaan buat tidak ada satu yang betul. Begitu juga Ahli Yang Berhormat dari Batu dan juga Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh. Memang-lah kata pepatah Melayu, "lidah tidak bertulang". Kalau-lah pandai Ahli Yang Berhormat Pasir

Puteh menegor Senator Abdul Ghafar pergi ka-Russia dan sa-bagai-nya, apa pandai-nya, apa bokti-nya, apa-kah perkara² kemegahan dia sendiri membuat kepada orang² di-Kelantan, sa-lain daripada menjual atau menggadai satu per tiga daripada negeri Kelantan hak orang² Melayu kepada orang² China. Saya datang daripada negeri Perak, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Ipoh menyatakan mengapa tidak Pegawai Pelancongan kita membuat satu jurusan yang terator dan baik untuk menggalakkan pelanchong² datang ka-tanah ayer kita. Molek-nya perkara ini di-jalankan di-*Ipoh*. Sa-benar-nya, Tuan Yang di-Pertua, di-*Ipoh* kita tengok tidak lain, P.P.P. berkuasa di-sana di-buat sa-masa hujan, jalan² raya itu penoh dengan ayer dan boleh-kah kita menjalankan sampan dan sa-bagai-nya sa-olah² Venice of the East. Ta'payah motokar lalu bahkan motobot atau pun sampan² boleh-lah pada fikiran P.P.P. menggalakkan pelanchong. Ini-kah yang dinamakan satu perkara baru yang di-buat oleh P.P.P. di-*Ipoh*?

Tuan Yang di-Pertua, di-*Ipoh* juga kita tengok satu industrial estate yang di-jalankan oleh P.P.P. Asap yang keluar daripada Tasek Simen itu telah menyapu awan dan rumah² pun hitam kesemua-nya; sampai orang datang dari *Ipoh* pun hitam. Itu-kah kemajuan nama-nya? Tuan Yang di-Pertua, memang-lah hendak berchakap senang, tetapi hendak menjalankan sa-suatu perkara itu memberi faedah kepada ra'ayat jelata, ini ada-lah perkara yang lain, berbedza dengan perkara² yang telah di-jalankan oleh Kerajaan Perikatan kita.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan faham perindustrian, saya wakil dari Larut Utara kurang puas hati dan saya telah pun menyatakan kepada Rumah yang mulia ini, kita sudah halau penjajahan sa-chara colonial yang menekan kita beratus² tahun lama-nya dan sekarang datang pula satu chara penjajahan baru ia-itu dengan membawa wang tanah ayer kita ini dengan modal dan membuat industry dalam negeri kita ini. Hal ini, Kerajaan kita mesti-lah berhati².

Tuan Yang di-Pertua, barang di-ingat, modal dalam negeri kita pun sangat banyak, dan saya dapati modal negeri kita ini telah pun di-bawa oleh orang² yang kenamaan saperti Dato' dan sa-bagai-nya menanam modal ini di-Singapura, di-Hong Kong, Formosa dan di-negeri² lain dan saya sangat² dukachita di-atas hal ini kerana mereka itu sa-ketika dahulu dia-lah orang² yang miskin, dapat kekayaan² jadi hartawan dan jutawan dan sa-bagai-nya dan modal ini di-bawa ka-negeri lain walhal negeri kita memberikan segala galakan yang perlu untuk mengadakan perindustrian dalam negeri kita ini. Tetapi apa sebab? Tentu-lah ada sebab² yang lain. Barangkali dia boleh bawa lari banyak lagi emas daripada negara kita ini menerusi industri² yang di-tubuhkan di-Hong Kong, di-Formosa dan sa-bagai-nya. Boleh saya sebutkan sa-kali lagi, Tuan Yang di-Pertua, orang² kenamaan kita, Dato' dan sa-bagai-nya dan saya teringat pula, Tuan Yang di-Pertua, orang² ini, saya harap pihak C.I.D. kita memerhati dengan segala teliti-nya gerak-geri mereka itu, walau pun mereka mempunyai pangkat yang begitu tinggi, tetapi mengapa tidak mereka menamakan, membantu Kerajaan kita menubuhkan industry, sa-balek-nya mereka larikan wang daripada tanah ayer kita dengan kemudahan yang mereka ada itu ka-negeri² yang lain. Tentu-lah ada sebab² yang tertentu. Orang ini pun termasuk dalam gulungan yang saya kata tadi, kita adakan bilateral agreement dan suroh balek Dato', dan terus-lah beri satu tiket yang sa-hala pergi ka-negeri lain, lebeh baik dan senang kita memikirkan atas hal ehwal orang² ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat dukachita dengan telatah Kerajaan Filipina menuntut Sabah baru² ini. Hairan sangat saya memikir-nya kerana Kerajaan Filipina tidak berchakap sapatah pun manakala Sabah atau pun British North Borneo dalam genggamannya Kerajaan British. Saya katakan, Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi kumpulan² saperti Sulu, Midanao dan berpuluh² lagi kepulauan yang di-duduki oleh orang² Melayu. Saya na' katakan, Tuan Yang di-Pertua, dan mendatangkan shor kepada Dewan yang mulia ini,

kalau sa-kira-nya Filipina di-bawah pemerentahan Marcos mahu satu pungutan suara yang baru, saya mendatangkan shor di-sini katakan kita setuju—ini shor daripada saya, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita mahu pungutan suara sa-kali lagi, kita ber-setuju, tetapi jangan kita adakan di-Sabah sahaja bahkan kapada semua kepulauan² Melayu bersama ia-itu Minado, Sulu dan sa-bagai-nya dan berpuluh² lagi kepulauan Melayu. Kalau Sabah setuju di-bawah Malaysia, o.k. kita terima, dan kepulauan² itu kalau mereka itu ber-setuju masok di-bawah pentadbiran Malaysia, good-bye kapada Marcos dan orang² Filipina.

Berkenaan dengan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, saya sangat berbesar hati kapada Tuan Joo Majakil dan juga Ahli² Parlimen daripada Sabah yang memberi sokongan penoh atas perkara ini dan saya mendatangkan shor kapada Kerajaan bahawa Ahli² Yang Berhormat ini patutlah di-beri pergi ka-Bangkok untuk menjadi pemerhati apabila Marcos dan orang²-nya datang ka-Bangkok kelak.

Di-kawasan saya, Tuan Yang di-Pertua, banyak orang² yang menganggor tidak ada kerja. Surat datang bertalu² meminta kerja dan saya apa boleh buat sa-bagai sa-batang karah Ahli Parlimen tidak berkuasa langsung. Jadi timbul-lah satu kawasan industry kechil di-dalam kawasan saya di-Kemuning di-mana pada masa ini ada dua buah factory ia-itu satu Kemuning Textile dan lagi satu Cotton Factory dan memakai banyak pekerja. Sa-belum kilang² ini di-buka, orang² di-kawasan saya telah pun menjemput dengan segala hormat-nya Menteri Perdagangan dan Perusahaan pergi memberi sadikit cheramah di-kemuning. Menteri itu dengan baik hati dan dengan senang hati memberi akuan kapada penganggor² khas-nya di-dalam kawasan saya mengatakan apabila factory ini mula di-jalankan, beliau boleh-lah memberi pekerjaan kapada mereka itu. Dukachita saya kata di-sini, Tuan Yang di-Pertua, apabila factory itu siap, daripada 320 orang yang bekerja di-factory itu, chuma sa-orang sahaja datang daripada kawasan saya.

Mereka datang tidak puas hati dan saya kata, “saya tidak buat janji, tanya Menteri, Menteri yang buat janji kapada tuan², dan Che’ Puan tanya-lah kapada Menteri yang berkenaan”. Jadi perkara ini yang lebeh² lagi, Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang tidak di-ingini ia-itu dalam 320 itu chuma 5 orang Melayu sahaja yang bekerja. Sangat dukachita saya menyatakan perkara ini berbalek² dalam Dewan ini, kadang² sudah pun menjadi runsing Ahli² Parlimen dan terkadang pula menjadi pertelagahan antara sama sendiri.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya minta-lah jasa baik daripada Kerajaan jangan menjadi salah faham supaya semua pekerjaan di-perengkat atas, pertengahan dan di-bawah yang mana kosong itu kita serahkan; sa-umpama kita adakan Public Services Commission untuk mentadbirkan-nya. Kalau tidak, Tuan Yang di-Pertua, umpama-nya macham Kemuning Textile atau pun Volvo di-Batu Tiga itu, chapak bukan main sedap. Talivishen kita tengok berayer² di-mulut kita, tetapi satu pun tidak dapat. Jadi yang mendapat pekerjaan di-situ, Tuan Yang di-Pertua, orang² yang memegang saham banyak. Orang² yang saudara²-nya director dalam company itu. Director itu ma’alum-lah bukan-nya orang Melayu, bangsa lain yang banyak. Jadi, dia talipon sahaja umpama-nya saudara-nya hendak bekerja; dia kata O.K. dapat. Orang ini pula 10 orang masok, jadi apa chara orang Melayu kita hendak bekerja. Jadi untuk mengatasi seliseh faham antara sendiri, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak suka sangat bergadoh. Jadi biarlah ada satu Services Commission yang mentadbirkan hal ehwal jawatan yang kita hendak penohkan dalam mana² factory termasuk-lah factory kalau didirikan oleh Senator Ghafar bin Baba kita itu. Jadi, tidak ada apa² seliseh faham, senang sahaja di-tadbirkan oleh Services Commission semua orang puas hati. Jadi kalau kita ikut ini, tidak ada siapa yang sakit hati. Kita beri keutamaan 40 peratus mesti-lah ra’ayat bumiputra dan ini patut di-ikut dengan baik, saya rasa perkara ini patut-lah di-jalankan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentoh sedikit berkenaan dengan hal ehwal tanaman. Saya sangat puas hati juga berkenaan harga getah sangat naik sekarang, tetapi chara² tanaman Kerajaan kita, peratoran yang di-jalankan sangat memuaskan hati, chuma satu sahaja sambutan daripada pak² tani dalam kawasan saya peruntokan wang hendak membeli jentera, umpamanya jentera Kubota sekarang ma'alum-lah ra'ayat jelata sudah pun menyahut sungutan dan permintaan daripada Kerajaan supaya meninggalkan chara² pertanian chara² yang lama dan lapok itu memakai jentera. Mereka hendak jual kerbau, hendak beli jentera, nampaknya tak sampai kamana. Jadi mengapa tidak Kerajaan menerusi Pejabat Pertanian berkongsi membuat satu peruntokan sa-chara besar²an. Kalau hendak ada \$10,000 tak ada guna-nya, Tuan Yang di-Pertua, bahkan kita ada peruntokan dan wang ini akan di-kembalikan oleh ra'ayat dengan interest-nya bukan di-beri dengan free of charge,—tidak. Jadi perkara² ini kadang² lewat sedikit Kerajaan menjalankan-nya.

Saya harap dalam jurusan ini Kerajaan akan mengambil langkah yang chepat membantu pak² tani di-luar bandar. Barang di-ingat, Tuan Yang di-Pertua, sungutan menyatakan beras mahal dan sa-bagai-nya menyebabkan mereka berasa ta'berapa puas hati, tetapi kalau pak² tani kita sediakan payong sa-belum hujan, memang perkara ini tak berapa susah kapada orang² yang menaruh fikiran dan fahaman sedikit sa-banyak.

Akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Suffian Report ini, saya rasa di-sini juga orang² kita tak faham sa-bahagian kechil kita tak faham macham mana Kerajaan kita menjalankan demokrasi sa-chara berparlimen, atau pun mengikut pentadbiran suara ra'ayat yang terbanyak. Kalau kita perhatikan negara² yang maju, Tuan Yang di-Pertua, mereka membawa national issue di-atas sa-kali daripada issue² yang lain. Tuntutan gaji Suffian ini patut di-kaji apabila negara kita mewah dan ada duit di-bayar kapada pekerja² yang ber-

jawatan Kerajaan. Mereka tahu sekarang Kerajaan tidak ada duit, hendak paksa pada Kerajaan. Jadi saya katakan kalau hendak paksa, boleh. Kalau di-beri saya mendatangkan chadangan, Tuan Yang di-Pertua, saya katakan pada masa sekarang memikirkan penganggaran terlampau banyak, kalau saya buang 10 orang, saya akan membawa sa-ribu orang dengan gaji itu juga. Chukup senang, tetapi bergaduh-lah.

Oleh sebab itu saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, demokrasi mestilah kita ikut chara² yang di-perbuat oleh Amerika dan negeri² yang lebeh maju daripada kita. Tengok Amerika, President Johnson, demokrasi di-Washington lain, di-New York lain, mengebom Vietnam demokrasi juga. Itu-lah patut demokrasi ada charanya—di-tempat ini lain, di-tempat itu lain, baru-lah betul. Jadi kita pendek kata mesti-lah potong baju mengikut badan kita sendiri, jangan potong baju mengikut badan orang lain. Ini menjadi susah payah di-negara kita.

Jadi akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, barangkali ini-lah Titah Seri Paduka yang akhir dan pada kita sakalian ramai di-antara kita akan meninggalkan Parlimen ini, kerana tak lama lagi akan di-adakan pilehanraya. Saya, kapada Tuan Yang di-Pertua, khas-nya dan rakan² saya, kalau kita tak berjumpa lagi lebeh kurang saya minta ampun dan ma'af. Sekian, Terima kaseh.

Tuan Timbalan Yang di-Pertua:
Persidangan ini di-tempohkan sa-lama 15 minit.

Persidangan di-tempohkan pada pukul 5.15 petang.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 5.30 petang.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua
mempengerusikan Meshuarat

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Tuan Sim Boon Liang (Sarawak):
Mr Speaker, Sir, after listening to the Gracious Address of His Majesty the Yang di-Pertuan Agong to this House

on the 6th of June outlining the policies and projects of the Government, I feel that I should say something in this debate on several points.

First, I would refer to His Majesty's Speech on the Industrial Training Institute. I would, therefore, like to refer back to the talk made by the Honourable Minister of Labour two years ago when he visited the \$3.5 million Industrial Training Institute at Kuala Lumpur—this was published in the *Straits Times*—in which he said that the Central Government wanted to set up an Industrial Training Institute in the Borneo States. Sir, so far we have not seen any plan on the part of the Government to set up such an Institute in Sarawak, but when one reads the newspapers, one can always find out that the Government can say what they are going to say, but, in fact, I think it is just for propaganda purposes. Therefore, Sir, I urge the Government that they must always keep their word; otherwise people will say that they are only good for talking and building castles in the air. Now, Sir, I would suggest that an Industrial Training Institute in Sarawak is very necessary and should be built urgently to accommodate the growing number of school leavers and unemployed youths in order to train them as skilled workers which will help them to find employment to earn their livelihood in their adult years.

Touching on housing, Sir, His Majesty said that the policy of the Government was to provide a housing scheme in every town in Malaysia with a crash programme where there was as yet no low-cost housing scheme. Sir, if we go round to the towns in the rural districts and sub-districts of Sarawak, we cannot even see any housing scheme which has been built by the Government for the people's needs. We can still see the people living in huts that are not fit for human beings. But what has the Government done about it? The Government is always speaking of its policy where millions of dollars are being spent for housing schemes, but we can see that Government has done practically nothing yet as far as housing is concerned in the towns of the

rural districts and sub-districts of Sarawak. If the Government has the interests of the people of the rural towns in Sarawak, this should be taken into consideration.

Regarding the medical and health services, it is a matter of great concern to the people of Sarawak especially those who are living in the rural and ulu areas, and they will ask whether their urgent need for travelling dispensaries and medical facilities will be taken into consideration by the Central Government or not. This is a service that the rural and *ulu* people need in order to improve their health in the *ulus*. Two years ago, when I raised this question in this House, the Honourable Minister of Health replied that there would be travelling dispensaries for Ulu Oya, Ulu Balingian and Ulu Mukah. In fact, nothing has been done yet as promised. Sir, I do not consider it at all a good answer that the Government is handicapped by lack of money and lack of trained Hospital Assistants to effect immediate implementation of schemes of establishing more travelling dispensaries for the *ulu* people in Sarawak.

Now, I come to development, Sir. To achieve quick development it does not mean only the building of roads, but attention must also be paid to deal quickly with the applications and requests from the public. Decisions by the Government must be prompt, so that the public, such as farmers, fishermen and so on, who make requests do not have to wait and wait indefinitely with no news of whether or not their requests have been approved or otherwise. Sir, I am particularly speaking about Sarawak. So, anything which the Government could do to lessen the time in dealing with the requests by the public would help in nation building and development.

Touching on industries, I would like to say if there is a sincere and honest intention on the part of corporations and banks to finance industries in Sarawak, then they must offer more attractive terms to business for investment in Sarawak. Investment opportunities comparatively are not attractive

in Sarawak when compared to West Malaysia.

Therefore, Sir, better inducement must be offered. Has the Government given serious thought to this? It is time now that the Government should think of Sarawak to take positive and aggressive action in this direction. Sir, if we want industries to come to invest in Sarawak, we must provide the right climate and inducement. If the Government will do this, we may have more investments. This will help to increase national production and provide employment to the thousands of jobless youths in Sarawak too.

Speaking on agriculture, Sir, I would like to say that agricultural diversification for export depends on a liberal land policy. Many of our people are always crying out for land. If the Government could liberalise land alienation, expansionist forces in the private agricultural sector will play their part to bring about new products for export and to bring about greater crop production. Sir, if we have such a liberal land policy greater revenue could be derived by the Government through increased crop production and through new exports. Sir, a dynamic land policy through its productivity could generate a good revenue; at the same time, more important still, it will relieve the surplus employment capacity for the people in the rural areas and help to increase rural income for our rural people. Not only this, Sir, the Government will get more revenue very soon too.

Finally, Sir, I would emphasise that the Government ought to take into serious consideration the thousands and thousands of jobless people in Sarawak, the high standard of living of the people, their difficulties and the decrease in the price of all local products; in other words, Sir, I hope that the Government would always ensure a wise and proper expenditure without making the people at large suffering too much by way of heavy taxation year after year. Thank you, Sir.

Tuan Haji Rahmat bin Haji Daud (Johor Bahru Barat): Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong

Ucapan Terima Kaseh di-atas Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya suka juga berchakap sedikit dalam perkara buroh. Sudah dua hari tiap² pagi kita berbincangkan berkenaan dengan buroh yang bukan warganegara Malaysia, terutama sa-kali warganegara Singapura yang bekerja di-dalam Malaysia.

Saya suka menerangkan lagi sedikit dalam perkara ini oleh kerana Tentera Commonwealth akan berundur sa-penoh-nya sa-lepas 1971. Sa-belum sampai masa-nya Kerajaan kita patut bersedia bagi menempho masa yang sangat sulit itu. Kita mesti kenakan work permit bagaimana yang telah di-janjikan oleh Menteri yang berkenaan tadi kepada orang² yang bukan warga negara Malaysia dan kita jangan ambil lagi orang² yang bukan warga negara Malaysia bekerja di-dalam negara kita melainkan ia mendapat kebenaran bagaimana yang di-terangkan oleh Menteri yang berkenaan tadi dan juga semua kerja² kosong mesti-lah di-utamakan kepada warganegara kita, kalau tidak ada, baharu-lah boleh di-berikan kepada orang² yang bukan warganegara Malaysia baik perengkat apa pun. Kerajaan hendak-lah tegas dalam perkara ini kerana keselamatan negara kita dan ra'ayat kita. Kita jangan bertolak ansor lagi kepada mereka itu oleh kerana kita telah bermurah hati dan bersabar, tetapi kalau terlampau sabar, kita takut, kita akan jadi susah.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya telah mendapat khabar² angin, sebab saya dudok di-Johor Bahru, ia-itu warganegara Malaysia yang bekerja dengan Tentera² Commonwealth di-Singapura yang akan di-berhentikan tidak lama lagi kata-nya wang² bonos atau wang² Provident Fund akan di-bayar melalui Kerajaan Singapura. Kerajaan Singapura kata-nya akan menahan wang itu sampai masa-nya mereka itu berumur 55 tahun. Ini saya perchaya boleh menyusahkan orang² yang berhenti kerja dengan Tentera² Commonwealth di-Singapura, sebab warganegara Malaysia tidak ada kena-mengena dengan Kerajaan Singapura bahkan mereka itu

bekerja dengan Tentera² Commonwealth. Dari itu saya harap sa-bagai wakil ra'ayat di-sana minta pertolongan Kerajaan melihatkan dalam perkara ini supaya wang² bonos dan Provident Fund akan di-bayar terus oleh pihak yang berkenaan Tentera² Commonwealth tidak-lah melalui Kerajaan Singapura.

10 bulan dahulu ada beberapa pekerja² Tentera Commonwealth yang telah di-berhentikan, oleh kerana mereka warganegara Malaysia bekerja di-Singapura, maka kad² pengenalan mereka telah di-tukarkan dengan kad pengenalan Singapura, tetapi sijil keraya'ayatan mereka itu ada.

Apabila mereka itu telah di-berhentikan mereka balek ka-Johor Bahru dengan memohon kad pengenalan Malaysia sa-lama 10 bulan hingga hari ini belum dapat lagi kad pengenalan Malaysia. Oleh kerana mereka itu tidak ada kad pengenalan Malaysia, maka sangat sukar bagi mereka itu mendapat kerja dalam negara-nya sendiri. Dari itu saya berharap kepada pejabat yang berkenaan supaya dapat di-lekaskan memberi kad pengenalan Malaysia sebab mereka itu hendak bekerja, kalau tidak menjadi kesusahan besar kepada mereka itu. Ini-lah harapan saya supaya dapat pejabat yang berkenaan mengeluarkan kad pengenalan Malaysia kepada orang² yang berpindah dari Singapura balek ka-tanah ayer-nya sendiri.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya berpindah berkenaan dengan Tabong Haji. Saya suka juga menerangkan ia-itu pada tahun ini saya baharu sahaja menunaikan fardhu haji, nazar saya dan saya sengaja belayar dengan kapal "Kuala Lumpur" kerana saya hendak mengetahui dengan pandangan saya sendiri keadaan ra'ayat jelata yang belayar dengan kapal "Kuala Lumpur" ka-Mekah dan saya ucapkan sa-tinggi² tahniah dan terima kaseh kepada Pengurus Hal Ehwal Haji dan pegawai²-nya atas layanan dan pertolongan yang di-beri kepada bakal² haji terutama sa-kali pada rombongan² perubatan. Hanya sedikit patut diperbetulkan berkenaan dengan pela-

yan mereka itu di-dalam kapal haji yang tersebut.

Tentang ration yang di-beri di-dalam kapal itu sangat memuaskan. Beras-nya pun baik, ikan pun boleh di-katakan sangat baik, daging yang baik, telur pun bagus, ayam sahaja ayam tua—tidak patut di-berikan kepada orang² haji yang belayar sangat tua. Kalau dimasak empat jam baru lembut. Jadi ini-lah satu patut di-perbetulkan. Hanya masakan-nya daripada tukang masak kapal itu, saya sangat hairan, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana apabila saya belayar daripada Singapura sampai ka-Pulau Pinang masakan ration ini chukup bagus, tetapi apabila lepas Pulau Pinang, saya sangat dukachita memikirkan oleh kerana boleh di-katakan masakan-nya itu 60% semua pergi ka-perut laut, bukan kerana mabok kapal—tidak. Mutu dan keadaan masakan-nya itu sangat kurang dan tidak baik. Jadi perkara itu saya menyiasat, apa sebab-nya menjadi bagitu? Sa-waktu saya belayar menghala balek, saya menchari sebab²-nya mengapa masakan-nya itu dalam tengah² pelayaran menjadi kurang baik. Kemudian saya dapat sebab²-nya itu barangkali pendapat saya salah, tetapi saya berpendapat boleh jadi betul. Oleh kerana tukang² masak itu di-benarkan menjual barang² makanan di-dalam kapal. Oleh kerana ini sahaja-lah, barangkali kerana hendak melakukan penjualan makanan di-dalam kapal, maka mereka itu dengan sengaja atau dengan tidak sengaja mengurangkan mutu makanan itu dan terpaksa-lah jema'ah² haji membeli makanan yang di-jual yang lebeh baik daripada makanan² yang di-sediakan oleh kapal²—baik kelas satu apa-tah lagi kelas pelanchong. Dari itu saya shorkan jangan di-benarkan tukang² masak menjual makanan di-dalam kapal.

Berkenaan dengan layanan—chukup baik dan puas hati hanya satu sahaja pelayaran daripada Singapura ka-Jeddah memakan masa 19 hari, Tuan Yang di-Pertua. Dan daripada Pulau Pinang 17 hari masa pergi, boleh di-katakan kapal itu belayar hanya 10 batu sampai 12 batu satu jam. Saya perchaya kerana kapal sudah tua, pada

hal keadaan kapal itu chukup bagus, hanya bagi kelas² pelanchong sahaja kurang udara, kalau kita naik, basikal lebeh laju lagi. Kadang² bila engine-nya rosak satu laju turun 6 batu-lah, sampai 4 batu. Kalau kita berjalan kaki chepat, lebeh laju lagi dari perjalanan kapal itu, kalau berjalan chepat pun dapat enam tujuh batu—sa-jam. Patut-lah kapal ini di-ganti dengan kapal lain, atau di-tukar engine-nya, saya tahu kapal ini sudah berumur 40 tahun sudah sa-patut-nya di-scrap atau di-pechahkan. Saya tahu Kerajaan akan menerima dua buah kapal daripada Kerajaan Jepun.

Saya harap supaya kapal² ini di-jadikan kapal haji dan apabila tidak musim haji kapal ini boleh belayar ka-India, atau ka-pulau² yang dekat di-sini. Saya shorkan kalau tidak dapat kapal pada tahun ini atau tahun hadapan untuk bakal² haji Kerajaan keluarkan tender kapada semua sharikat kapal mudah²an kita dapat tambang yang murah dan kapal yang laju. Saya perchaya banyak sharikat² kapal akan memasoki tender itu. Tiap² tahun, Tuan Yang di-Pertua, tidak kurang daripada 7,000 orang ra'ayat jelata kita mengambil haji dan 5½ juta ringgit yang di-bayar untuk tambang kapal sahaja. Kalau di-kirakan keuntungan tidak kurang dari 1½ million ringgit. Oleh itu saya harap bagi pehak Kerajaan mengambil berat dalam perkara ini.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mendapat khabar angin ia-itu Rumah Sakit Kusta di-Johor Bahru hendak di-pindahkan ka-satu pulau sa-belah timor Johor. Saya menyokong, tetapi tempat-nya itu saya sangat tidak setuju. Kalau hospital itu hendak di-pindahkan ka-pulau² sa-belah timor, saya minta supaya di-pertimbangkan sa-mula, jangan-lah di-pulau di-pindahkan di-sa-belah Pantai Timor Negeri Johor, Pantai Timor Negeri Johor itu tempat yang molek untuk Rumah Sakit Kusta, terutama sa-kali di-tepi laut dapat-lah orang² sakit itu menangkap ikan dan tempat yang ada lapang boleh menanam pokok sayoran² dan membela ternakan, saperti ayam dan lain². Ini akan

menambahkan mata pencharian-nya mereka itu. Kalau-lah mereka itu di-penchildkan ka-satu pulau, tentu-lah sangat sukar. Saya harap bagi pehak Menteri yang berkenaan menchari satu tempat yang sesuai di-Mersing atau Endau, atau di-Tanjong Lembu. Ini lebeh baik lagi daripada pulau yang jauh daripada Pantai Malaysia. Dan tempat yang ada sekarang ini memang-lah tidak sesuai lagi, sebab Hospital Kusta sudah dudok di-dalam kawasan bandar Johor Bahru. 20 tahun dahulu Hospital Kusta itu dudok-nya di-luar bandar dan Town Board limit pada masa itu hanya-lah tiga batu, sekarang Town Council limit sudah naik sampai enam sa-tengah batu. Jadi Hospital Kusta ada di-dalam kawasan Bandar Johor Baharu. Kalau-lah hendak di-pindahkan ka-tempat lain saya menyokong, sungguh pun orang² sakit Hospital Kusta itu menjadi pengundi saya, tetapi memandangkan keadaan keselamatan mereka itu kita mesti timbangkan terlebeh dahulu. Tuan Yang di-Pertua terlebeh ma'alum-lah keadaan mereka itu.

Saya suka memberi sa-tinggi² tahniah kapada Tabong Darah dan terima kaseh kapada pasokan sukarela Tabong Darah dan perkhidmatan pemberian darah. Saya berharap kira-nya apabila mereka menyusun sa-mula perkhidmatan itu harap-lah supaya rombongan itu datang ka-Parlimen ini barangkali ada Ahli² Yang Berhormat hendak menderma darah, dan saya bersedia menderma darah bila² masa pun, sebab ini satu derma yang mulia, kapada orang² yang mendapat chedera.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpindah pula kapada Kementerian Penyiaran dan Penerangan. Selalu saya ikut penyiaran radio terutama sa-kali pada pagi hari lepas pukul enam biasa-nya membacha Quran dan memberi sharahan agama dan sa-belah petang-nya pula di-waktu Maghrib di-siarkan bang, baharu dua tiga hari ini saya dengar lepas bang ada sharahan agama sadikit saya shorkan, lepas bang siarkan sembahyang Maghrib yang di-rekodkan sa-lepas itu di-adakan sharahan agama sampai habis waktu maghrib ia-itu

pada pukul tujuh suku atau tujuh sa-tengah, lepas itu boleh-lah siarkan lagu apa pun tidak-lah molek di-waktu Maghrib di-siarkan lagu² ranchak atau sa-umpama-nya sebab orang² Islam pada waktu itu kita mesti menghormatkan ugama-nya dalam ranchangan radio kita bagi siaran Melayu memang-lah bersendirian, tidak bersama² dengan bangsa² lain. Dari itu tidak menjadi halangan sa-kira-nya siaran ugama di-siarkan sa-kurang²-nya sa-tengah jam.

Dan juga berkenaan Talivishen Malaysia, tayangan ugama hanya di-benarkan satu minggu sa-kali sahaja pada malam Juma'at, tidak lebeh daripada 20 minit. Patut-lah berkenaan tayangan ugama ini di-tambah satu minggu sa-kurang²-nya dua kali dan masa-nya biar-lah sa-tengah jam sa-kali ugama Islam sa-bagai ugama rasmi patut-lah di-beri masa lebeh sadikit. Ini banyak peminat² kita orang² Melayu mengikuti ranchangan² ugama. Mudah²an ada ranchangan ugama, maka anak² muda kita akan berbalek sa-mula kapada jalan Allah subhana-huwata'ala. Kadang² dengan 20 minit tadi bila ada forum ugama, tengah² berjalan forum itu berhenti, tidak tahu apa keputusan-nya. Kalau sa-tengah jam, saya fikir itu sangat molek. Jadi saya minta-lah bagi pehak Kementerian yang berkenaan supaya tayangan ugama itu di-beri satu minggu satu jam, tiap² kali sa-tengah jam.

Tuan Timbalan Yang di-Pertua:
Panjang lagi?

Tuan Haji Rahmat bin Haji Daud:
Tidak, pendek sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Saya suka berchakap sadikit berkenaan dengan keselamatan di-jalan raya. Tiap² kali saya ka-Kuala Lumpur dan balek ka-Johor saya berjumpa dengan accident, bukan-lah minor accident bahkan major accident, terutama sa-kali lori² yang membawa kayu boleh membahayakan, orang yang di-langgar pun habis mati. Yang melang-garkan pun habis juga. Driver-nya pun habis semua sa-kali, berkechai. Dari itu patut-lah Kerajaan mengambil berat di-atas masaalah keselamatan jalan raya dan kemalangan yang sentiasa berlaku di-jalan menyebabkan beberapa kechederaan dan kematian.

Dengan ini saya suka mengeshorkan supaya Highway Patrol mesti di-ada-kan sa-mula sa-bagaimana tiga empat tahun dahulu untuk menjaga keselamatan ra'ayat jelata terutama sa-kali menjaga lori² besar² yang melarikan lori itu sangat-lah laju, antara 50 dengan 60 batu sa-jam. Bagitu juga bas² dari Kuala Lumpur sampai ka-Seremban, padahal di-belakang lori dan bas itu tertulis 25 dan 35 batu sa-jam. Bukan itu sahaja Highway Patrol boleh juga menjaga perkara² jenayah, berkenaan dengan perompakan dan rampasan di-jalan² raya. Driver² yang mendapat lesen membawa motorkar mesti-lah di-taroh di-dalam pemandangan sa-kurang²-nya sa-tahun dengan di-taroh "P" ma'ana-nya pandangan dan mesti di-hadkan laju-nya membawa kereta²-nya apabila mereka lulus sahaja yang pertama mereka tidak boleh memandu kereta lebeh daripada 40 batu sa-jam, sebab kebanyakan orang² yang baharu bawa kereta ini tidak mempunyai kereta sendiri Mereka itu sewa kereta dan memandu kereta tersebut dengan tidak betul. Ini sangat merbahaya bukan sahaja kapada diri-nya bahkan kapada orang lain juga, dari itu mesti di-hadkan mereka itu. Tidak boleh memandu kereta lebeh daripada 40 batu sa-jam, melainkan sudah dapat kelulusan yang kedua, baharu-lah tidak di-hadkan lagi. Dengan ada-nya Highway Patrol itu, mudah²an kemalangan akan berkurangan, sebab Highway Patrol ini mesti di-adakan dari satu border ka-satu border, umpama-nya Selangor mempunyai Highway Patrol sampai ka-Negeri Sembilan Melaka, Melaka sampai Johor dan sa-terus-nya. Dengan ada-nya bagini satu sama lain berchantum keselamatan jalan² raya dan keselamatan ra'ayat akan terkawal.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka berchakap sadikit lagi berkenaan dengan tanah. Kalau kita lihat negara² yang telah merdeka, umpama-nya negeri India, Burma, Indonesia dan juga Thailand, orang² yang bukan warganegara tidak di-benarkan membeli tanah di-dalam negara-nya. Kita tidak tahu siapa yang dia beli tanah di-sini. Jadi saya harap supaya Kerajaan

kawal ia-itu bukan-nya boleh beli tanah² dalam negara kita melainkan mereka itu warganegara Malaysia, supaya harta nenek moyang kita dapat terkawal tidak di-mileki oleh orang² yang tidak bertanggung-jawab. Kalau boleh di-pajakkan sahaja, sa-lama 99 tahun-kah, 66 tahun-kah 26 tahun dan sa-umpama-nya supaya dapat kita kawal negara kita jangan sampai kelak negara kita punya, tanah orang yang bukan warganegara punya. Ini-lah yang sangat di-takuti. Bukan pada masa ini, kita akan memandangkan masa 100 atau 200 tahun yang akan datang, anak chuchu kita yang patut-lah kita kawal daripada masa sekarang supaya tanah² negara kita, kebun halaman apa juga harta tetap tidak boleh di-jual melainkan kepada warganegara kita sendiri.

Dan juga saya telah berchakap berkenaan mata wang negara kita yang bebas di-antara Singapura dengan Malaysia. Saya meminta kepada Kerajaan supaya di-adakan kawalan bagaimana wang keluar ka-negara lain, kita mesti adakan Foreign Exchange. Jadi kita tahu berapa banyak wang kita keluar ka-Singapura dan berapa banyak wang Singapura masuk kamari. Sekarang kita tidak tahu, berapa banyak wang Singapura di-sini pun kita tidak tahu berapa banyak wang kita ka-Singapura pun kita tidak tahu. Boleh jadi wang di-sini bawa ka-Singapura dia bawa keluar negeri dan wang Singapura pun di-sini boleh jadi begitu juga. Jadi dengan ada-nya kawalan ini, kita tahu berapa banyak wang Singapura di-sini dan berapa banyak wang kita di-Singapura. Dengan ini saya perchaya akan terselamat. Kalau ada-lah satu² melapetaka menimpa bagaimana telah lalu di-masa wang Sterling jatuh, kita tahu wang kita berapa banyak ada di-sana dan berapa banyak wang Singapura di-sini. Sekarang kita tidak tahu. Barang di-jauhkan Allah kalau di-bandingkan Singapura dengan Malaysia 1/10 pun tidak sama keadaan-nya. Masa ini ia-lah sama, akan datang wallahu'alam, sebab negara kita mempunyai hasil daripada raw material pun dah chukup, tetapi kalau kita pandang Singapura, sa-bagai broker sahaja. Jadi kalau tidak ada benda

mentah yang hendak di-jual-nya. Sekarang boleh-lah, sebab, barangkali dia ada reserve fund. Kita takut pada satu masa kelak wang Singapura jatuh dengan tidak sengaja, kita akan terjerumus sama². Jadi saya minta-lah bagi pehak yang berkenaan supaya meneliti dan menyiasat sa-kurang²-nya enam bulan atau sa-tahun sa-kali, jangan sampai kita terkena pisang berbuah dua kali.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan pelabohan di-Johor Bahru. Saya sangat²-lah berharap kepada pehak Kementerian yang berkenaan supaya di-adakan satu pelabohan yang kecil pun jadi-lah untuk membawa barang² dari Johor Bahru ka-pulau² atau pun ka-tempat yang lain dan sadikit demi sadikit pelabohan itu boleh di-besarkan. Kita chuba-lah dahulu macham mana. Dengan ini saya perchaya Johor Bharu akan bertambah baik daripada masa² yang telah sudah. Kalau boleh Tambak Johor di-pechahkan lebeh baik, Singapura sudah merdeka dan tidak ada kena mengena dengan kita, patut-lah kita buka sahaja Tambak Johor itu dan kita biar ber-sendirian terus dan tidak ada kena mengena lagi dengan Singapura. Sekian-lah terima kaseh.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Hussin (Lipis): Tuan Yang di-Pertua, dengan izin tuan, saya berchakap pada petang ini dalam masa yang pendek bagi menghormati hasrat tuan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersama² menguchapkan ucapan terima kaseh di-atas Uchapan di-Raja yang telah di-uchapkan di-Parlimen ini beberapa hari yang lalu. Tetapi walau macham mana pun sudah terang dan nyata daripada ucapan titah itu telah menyebutkan di-dalam masa 10 tahun ini negara kita telah mewujudkan satu keadaan politik, ekonomi dan sosial yang tegoh di-negara Malaysia ini di-bawah pimpinan Tengku Perdana Menteri. Saya suka bersama² mengalu²kan tetapi tidak-lah juga saya melupakan bahawa ketegohan ekonomi dan politik dan pentadbiran negara ini ia-lah dengan sokongan daripada pegawai² dan kaki-tangan Kerajaan yang setia dan jujur kepada negara, dan juga tidak lupa keadaan

tenteram jiwa dan hati tiap² ra'ayat dalam negeri ini dalam membentok sa-buah negara dan satu bangsa. Peranan yang di-ambil dan di-lakukan oleh pehak akhbar dalam negara kita ini, yang harus kita akui dan menerima pujian.

Jadi sa-bagaimana yang saya kata tadi, kita bersama² mengucapkan tahniah di-atas ucapan Duli Yang Maha Mulia itu maka sa-kali lagi saya menyeru kepada semua pegawai kerajaan baik pada perengkat Negeri atau pun Pusat supaya memahami hakikat negara kita dan keadaan negara kita dan juga sokongan yang kuat bagi membentok fikiran ra'ayat negara kita ini ia-itu sokongan yang saya mohonkan daripada pehak² akhbar dan penulis yang setia dan ikhlas kepada negara. Dengan jalan yang demikian dapat-lah kita membentok keadaan jiwa ra'ayat negara ini supaya senang memahami keadaan yang berlaku di-tanah ayer kita pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak menyentuh sedikit masalah negeri Timor Tengah, sebab saya juga baharu² ini mengunjongi Timor Tengah, juga negara² Arab. Saya dapati, Tuan Yang di-Pertua, kekosongan Duta Besar kita di-negeri Arab yang sa-patut-nya sudah lama di-penohi maseh belum di-penohi. Saya merojok kepada Dewan yang mulia ini, kepada Kerajaan sendiri, supaya mengisi kekosongan Duta kita di-tanah Arab, Duta kita di-Saudi Arabia. Pada masa ini di-pangku oleh Kuasa Usaha, sa-orang pegawai dari Jabatan Kedutaan itu sendiri.

Pada satu ketika dahulu, Tuan Yang di-Pertua, pada masa kita tengah berkonfrantasi dengan jiran kita, kita pehoh harap sokongan daripada negara Afro-Asia bagi mendapatkan sokongan daripada Negeri² Africa-Asia, tetapi bila keadaan ini sudah berlaku, kita maseh tidak memenohi kedudukan Duta Besar dalam sa-buah negara sahabat, maka ini mungkin menyinggong perasaan sa-kali pun tidak disebutkan tetapi pada hakikat-nya mengapa negara yang bersahabat maseh belum di-penohkan kerusi Duta itu sendiri.

Menteri Ta' Berjabatan (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah pun memutuskan untuk mengisi kekosongan jawatan Duta Malaysia di-Negara Saudi Arabia.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Saya berterima kaseh, Tuan Yang di-Pertua, Menteri tanpa Jabatan telah menjawab-nya dengan berasa suka Dewan ini dan saya sa-kali lagi mengucapkan terima kaseh. Tetapi kalau tidak di-jolok masakan buah gugor dengan chepat.

Tuan Yang di-Pertua, pada satu ketika negara kita telah menghantar Kuasa Usaha kita dan kita telah menghantar Duta kita ka-negeri Indonesia, tetapi Indonesia belum menghantar Duta kita ka-negeri kita. Kita mempunyai perasaan yang menyayat hati tetapi oleh kerana kita satu darah, kita tidak bukakan rahsia hati kita tetapi rasa jantung hati telah pun ada pada ra'ayat negeri ini dengan sebab lambat-nya Indonesia sendiri meletak Duta Besar di-negeri kita. Tetapi apa yang saya chakap ini, Tuan Yang di-Pertua, kalau sudah ada akan jadi ingatan pada masa yang akan datang. Sebab saya katakan bagitu, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap sedikit masalah di-negeri Arab ini, beberapa banyak perkara yang patut kita perbaiki terutama sa-kali berkenaan dengan kebajikan orang² haji. Sahabat saya dari Johor telah berchakap di-atas kebajikan ra'ayat kita yang pergi haji dalam masa pelayaran pergi dan balek.

Saya suka mengambil peluang berchakap pada masa ra'ayat kita di-negeri Arab dalam masa kita hendak menunaikan fardhu haji, apa yang berlaku dan apa yang telah berlaku yang boleh menyayat hati, yang boleh membusokkan nama negara kita. Per-kara yang saya chakap, Tuan Yang di-Pertua, pertama sa-kali sangat malu sa-bagai sa-buah negara yang tinggi perekonomian-nya, tegak, stabil politik-nya tidak membuat apa yang telah di-buat oleh jiran kita kepada jumaah haji yang datang daripada Indonesia. umpama pembayaran wang deraf-nya

di-bayar oleh orang atau dari kedutaan, sedang jumaah haji dari Malaysia ini deraf² bank itu di-serahkan kepada sheikh² haji-nya. Saya tidak menyatakan sheikh² haji ini semua ular tetapi tidak kurang ular-nya daripada sa-tengah² mereka ini. Ada lagi dua hari kapal hendak belayar baru di-pulangkan wang itu balek. Saya tidak suka hendak menyatakan nama sheikh itu, Tuan Yang di-Pertua, tetapi kalau saya di-kehendaki, saya sendiri berhadapan memberi kenyataan. Apa yang perlu kita buat saya menyarankan tiga peranan, tiga perkara, pertama sa-kali deraf bank itu mesti di-bayar oleh kedutaan atau Pegawai Urusan Haji. Kalau kurang pegawai harus di-tambah pegawai. Jadi Kedutaan kita atau pegawai urusan haji kita sendiri membayar chukai Kerajaan Saudi dan bahagian sheikh. Baki-nya di-pulangkan balek kepada jumaah. Habis perkara dalam masaalah wang.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya menyarankan supaya kita menyiasat kedudukan sheikh² yang ada 110 atau 120 sheikh di-Mekah itu bagaimana keadaan layanan, rumahnya dan sa-bagai-nya. Kita listkan sheikh haji ini 1, 2, 3, 4, 5, 6, atau 20,30 atau 50 yang di-benarkan ra'ayat dari Malaysia ini bersheikh dengan-nya. Yang lain kita tidak benarkan. Kita beri maalum kepada semua Pegawai² Daerah bahawa sheikh haji ini sahaja yang kita izinkan. Jikalau kita berbuat begitu, Tuan Yang di-Pertua, kita ada competition—perlawanan di-antara sheikh haji dengan sheikh haji bagi melayani jumaah haji. Kalau ini tidak di-buat, Tuan Yang di-Pertua, akan berulang-lah cherita lama, dari sa-tahun ka-sa-tahun walau pun beberapa orang Menteri kita sendiri menunaikan fardhu haji, kejadian tidak akan dapat di-pulehkan—dengan perubahan yang baik. Menteri² kita datang dengan layanan istimewa sa-bagai V.I.P. treatment, akan di-beri kereta yang berbunyi. Empat rantai lagi sudah dengar bahawa Tetamu Negara telah tiba maka bersiap-lah segala jumaah haji. Kalau Menteri kita sa-orang daripada-nya mendapat layanan V.I.P. treatment,

maka tidak ada kesukaran kepada mereka itu. Jadi, pada tahun ini, Tuan Yang di-Pertua, Menteri tanpa Jabatan sendiri ada bersama² di-Mekah mengalami roti keras Arab itu dan pada masa itu dia belum lagi menjadi Menteri. Sama² kita berenjut kaki pergi ka-masjid sa-bagaimana susah-nya kalau kita hendak jumpa orang Malaysia didalam Masjid Al-Haram yang chuma 6,000 orang sahaja. Kita akan mendengar beberapa berita yang sedeh, peraniayaan daripada beberapa sheikh² haji. Saya tidak menyatakan semua sheikh haji ini semua ular sawa, tetapi tidak kurang daripada-nya jadi ular sawa. Tuan Yang di-Pertua, bila kapal haji sampai di-Pulau Pinang, lapan lori kelapa di-masokkan ka-dalam kapal atas nama orang penompang haji. Captain kapal sendiri hairan mengapa sampai lapan lori kelapa di-masokkan ka-dalam kapal, konon-nya, itu kelapa orang haji. Ayer keroh baung bermain tuan, sheikh² haji ini berniaga di-antara-nya pada masa pergi dan balek.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, saya sarankan supaya kita menambah Pegawai² kesihatan bagi melawat tiap² rumah sheikh² haji itu. Kemudian hendak-lah sheikh² haji itu membuat daftar berapa jumlah yang sakit, yang sehat dan yang mati. Kalau kita boleh perentahkan hotel² melakukan pada tiap² malam—pukul 12.00 malam mengapa sheikh kita tidak boleh diperentahkan sedang mereka tetap untong, kalau dia tidak mahu nama-nya di-gugorkan daripada senarai yang kita iktirafkan. Perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, di-buat oleh Kerajaan, jiran kita, Indonesia.

Tuan Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta tahu daripada sahabat saya Yang Berhormat, ada-kah tidak baik-nya sheikh² haji itu terhadap bakal haji kita?

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Yang di-Pertua, biar sahaja-lah yang lalu itu lalu dengan tidak berjawab. Kalau sa-kira-nya Yang Berhormat hendak tahu maka sila-lah naik haji tahun hadapan. Tinggalkanlah Dewan ini pada masa itu. Akan

ketahui mana yang baik dan mana yang tidak baik.

Tuan Yang di-Pertua, tiga chadangan yang saya kemukakan dalam Dewan ini mudah²an Tuhan bukakan pintu hati Menteri² kita menerima chadangan ini bagi kebajikan enam ribu ra'ayat yang datang ka-tanah suchi dan saya mengalu²kan chadangan Kerajaan supaya menyatukan Perbadanan Tabong Haji dengan Urusan Haji ini di-dalam satu Badan Kebangsaan. Saya berterima kaseh kapada Badan ini dapat di-zahirkan dengan sa-berapa segera-nya sa-belum menjelang musim haji pada tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil sedikit masa sahaja lagi sa-lain daripada itu ia-itu kita patut berterima kaseh dan saya bersetuju berterima kaseh kapada Pegawai Keselamatan kita atas usaha-nya bagi mengamankan negeri ini. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, maseh ada rumah² Pegawai Keselamatan kita khas-nya Polis Negara kita yang maseh patut di-baiki. Maseh ada rumah² yang mereka diami berandanya empat kaki bagi Pegawai Polis kita. Pada suatu masa dahulu rumah itu juga di-dudoki oleh Ketua Polis Negara kita pada masa itu ia menjadi Pegawai Rendah, maseh ada lagi dalam negara pada hari ini. Maseh ada lagi, Tuan Yang di-Pertua, dapur-nya tidak bersambong daripada ibu rumah. Kalau masa hujan, masa ribut, anak isteri Pegawai² Rendah Polis ini sendiri memasak dan sa-bagai-nya akan tempias dan kena hujan. Ini patut di-beri perubahan, bagi kebajikan mereka itu. Saya tidak menyangkal bahawa ada usaha² membaiki rumah² Pegawai² Rendah Polis, tetapi usaha² ini amat kecil bila di-bandingkan dengan nilai terima kaseh yang kita beri kapada-nya. Maka saya mengambil peluang pada hari yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru sa-kali lagi kapada Kerajaan supaya memikirkan perkara yang sa-umpama itu dan di-baiki dengan sa-berapa chepat yang boleh.

Saya sa-kali lagi, Tuan Yang di-Pertua, mengucapkan tahniah kapada Kerajaan Johor yang telah menguntokkan \$1,200,000 kerana peruntokan

Lembaga Letrik Negara Negeri Johor bagi membantu penambahan letrik yang di-peruntokkan oleh Kerajaan Pusat. Kalau chontoh yang di-buat oleh Kerajaan Johor dapat di-buat atau di-chontohi oleh Kerajaan² di-negeri lain dan rasa saya usaha membanyakkan letrik atau jentera letrik bagi kawasan² luar bandar akan dapat menolong. Sebab saya kata bagitu keadaan tahun lepas chuma \$2,000,000 sahaja peruntokan yang di-sediakan bila di-bandingkan 10 buah negeri chuma \$200,000 sahaja pada tiap² sa-buah negeri. Jadi usaha yang di-buat oleh Kerajaan Johor ini patut sangat di-chontohi dan kalau boleh pehak² yang boleh mempengaruhi, membisekkan kapada Kerajaan Negeri supaya mengikut chontoh yang baik ini.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, yang akhir sa-kali saya mengucapkan tahniah kapada Filem Negara kerana Filem Negara ini terutama sa-kali Filem Pertandingan Membacha Quran yang telah di-edarkan kapada Negeri² Arab mendapat sanjongan yang tinggi daripada Negara² Arab. Mereka lebeh mengenali daripada filem ini sendiri keadaan stability politik ekonomi negara kita. Mereka lebeh kenal "Abdul Rahman" daripada "Malaysia" sendiri. Kalau saya kata saya datang daripada Malaysia mereka kurang faham, tetapi bila kata "Abdul Rahman" ia mereka menjawab "quis, quis"—maksud-nya "baik, baik".

Saya pernah pergi ka-Lebanon dan Syria, Tuan Yang di-Pertua, saya diperkatakan Indonesia, marah juga hati kecil saya sebab saya orang Malaysia di-katakan orang Indonesia. Saya kata saya dari Malaysia, anak dari Malaysia. Mereka tidak kenal itu Malaysia, Tuan Yang di-Pertua, tetapi bila saya sebut "Abdul Rahman", "Abdul Rahman", "Sukarno", "lak-lak", "Abdul Rahman". Bila di-sebut "Abdul Rahman", dengan sendiri-nya di-ketahui bahawasa-nya ini Malaysia. Jadi sekarang ini dengan usaha yang di-buat oleh Filem Negara menayang wayang gambar Peraduan Quran maka ini lebeh menolong memperkenalkan negara kita. Saya mengalu²kan Filem Negara ini lagi sa-kali kalau boleh mempertunjukkan gambar² yang boleh memberi

pengenalan negara kita ka-luar negeri, maka usaha²-nya saya mengucapkan terima kaseh.

Yang akhir sa-kali, Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab negeri kita ini Semenanjung Tanah Melayu, Brunei dan Indonesia ini mengikut kaji 'alam, sambong-menyambong pada awal-nya, hanya kawasan² yang terendah di-liputi ayer maka dengan sebab itu terputuslah di-antara Malaysia dengan pulau² Brunei, Sumatra dan sa-bagai-nya. Negeri² yang saya katakan itu, Tuan Yang di-Pertua, umpama Brunei, mempunyai minyak dan menyebabkan negeri itu kaya. Maka usaha chari gali minyak ini patut di-lakukan di-Malaysia ini. Memandang kapada keadaan 'alam, saya katakan tadi sambong-menyambong pada asal-nya maka tidak shak dan tidak waham lagi mungkin minyak ada di-negeri kita ini, tetapi usaha menchari minyak ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak di-galakkan dengan sa-kuat² dan dengan sa-penoh²-nya dengan sebab itu mungkin kita tidak mengetahu² isi bumi kita ini. Kalau kita dapat hasil minyak yang lebeh baik di-negeri kita ini, kita boleh menambahkan lagi

usaha membanyakkan bahan memperkayakan negeri kita itu sa-lain daripada getah dan bijeh.

Pada hakikat-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan perchaya di-tanah ayer kita ini mempunyai minyak. Dengan sebab itu saya mendesak Kerajaan, khas-nya Menteri yang berkenaan, supaya mengusahakan chari gali minyak ini lebeh² lagi di-perkuatkan. Jadi, dengan itu mudah²an kita dapat sumbar kewangan sa-lain daripada hasil yang telah saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengakhiri ucapan saya, saya menyokong Usul Uchapan Terima Kaseh atas ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda pada Rumah yang mulia ini dan akhir-nya saya minta ma'af, kalau saya menyenggong hati tuan², khas-nya Tuan Yang di-Pertua, terima kaseh.

Tuan Timbalan Yang di-Pertua: Meshuarat ini di-tanggohkan hingga pukul 10 pagi besok.

Dewan di-tanggohkan pada pukul 6.30 petang.

**JAWAPAN BERTULIS KA-
PADA PERTANYAAN²**
(WRITTEN ANSWERS TO
QUESTIONS)

KEMENTERIAN BUROH

Act Perhubungan Perusahaan, 1967

1. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Labour to state what amendments he is proposing to make to the Industrial Relations Act, 1967, and when, in view of the abuse of the Industrial Court award on Estate workers wages recently.

Menteri Buroh (Tuan V. Manickavasagam): I have requested the employers and the workers' Groups of the National Joint Labour Advisory Council to submit any proposal for amendments which they consider desirable but, to date, no such proposal has been received. In the meantime, my Ministry is taking action to remedy a few minor weaknesses which have come to light in the course of the operation of the Act during the last few months. There has been no abuse of the Industrial Court Award.

2. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Labour to state whether he agrees that the use of the word "court" in reference to the Industrial Court, is a misnomer as it is in reality an administrative tribunal not independent but subservient to the Minister and it is beyond the pale of the judiciary in the country, if so, would he introduce suitable amendments to the Act.

Tuan V. Manickavasagam: I do not agree that the term "court" in reference to the Industrial Court is a misnomer. The term "court" is used in reference to industrial arbitration bodies in several countries including France, New Zealand, Pakistan, Trinidad and Tobago, Ceylon, Philippines and Singapore. The establishment of the Industrial Court in Malaysia is under the provisions of an Act of Parliament and the Industrial Court is an independent body.

3. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Labour to state why unions are not given the right under the Industrial Relations Act to refer disputes to the Industrial Court, and whether he would amend the Act to provide for such a right in view of the fact that several small unions have not been able to have their disputes settled due to the dilatoriness and lack of sympathy of his Ministry's officials.

Tuan V. Manickavasagam: There is a specific provision in the Industrial Relations Act for the parties in dispute to get their dispute referred to the Industrial Court on a joint request in writing to the Minister. It is not considered consistent with the principles of collective bargaining for any one party to have the right on its own to refer a matter to the Industrial Court unless it is a question arising as to the interpretation of any award or collective agreement taken cognizance of by the Court.

4. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Labour to state whether he is aware, that whilst the Industrial Relations Act prohibits employers or a trade union of employers from locking out the employees, it has given them the unrestricted right to circumvent the provisions by dismissing the workers thus doing indirectly what they, the employers, are prevented from doing directly, as in the case of Dolomite Industries and Sincere Match Factory, and if so, whether he would take steps to plug this loop-hole; if not, why not.

Tuan V. Manickavasagam: The Industrial Relations Act does not totally prohibit employers from locking out their employees and the restrictions on lock-out apply only in certain specific circumstances. The "lock-out" is clearly defined in the Act and I am satisfied there are sufficient provisions in the Act to deal with the employers who are found circumventing the law.

5. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Labour to state:

- (a) whether any action has been taken under the 1965 Act to cut down the number of small unrepresentative unions and whether his

Ministry has ever been able to reduce the 304 small unions as listed by them to 67 as suggested by them to the T.U.C. or to 10 as suggested by the T.U.C. to them, if not, why not;

- (b) whether this is in the interest of the Government to keep the unions weak and divided, so that it can be the tool of employers.

Tuan V. Manickavasagam: The number of registered trade unions has now decreased to 268 and several other unions are now in the process of being amalgamated to form into national unions.

The responsibility of re-grouping trade unions rests with the trade union movement itself.

It is the policy of the Government to encourage the formation of democratic, strong and responsible trade unions.

6. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Labour to state why no provision is made in the Industrial Relations Act, for the extension and application of any award made by the Industrial Court in regard to the industry concerned to similar or related industries.

Tuan V. Manickavasagam: It is considered that the making of a provision in the Industrial Relations Act for the extension and application of any award made by the Industrial Court beyond the parties to the dispute and those to whom the award relates is inconsistent with the principles of freedom of association and collective bargaining.

7. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Labour to state why no provision is made in the Industrial Relations Act to provide for the back-dating of awards to beyond six months to the date when the disputes arose in view of the dilatoriness of both the employers and his Ministry, as a result

of which the settlement of a dispute has been prolonged to beyond six months, to a couple of years or more.

Tuan V. Manickavasagam: A period of 6 months as provided in the Act is considered reasonable time within which a collective agreement by the parties could be concluded or in case of a reference to the Industrial Court for the decision to be made. It should be noted however that this limit does not apply to a decision of the Court under section 30.

8. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Labour to state whether the word "strike" as defined in Section 2 of the Industrial Relations Act, 1967, includes refusal even to work overtime, if so, is it the intention of Government to compel people to devote even their leisure hours to the service of their employers; if not, whether he will give an undertaking to amend the definition accordingly.

Tuan V. Manickavasagam: The term "strike" as defined in the Industrial Relations Act, 1967 does not include refusal to work overtime, provided working overtime does not form part of any term of any contract of employment.

9. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Labour to state whether he is aware that the Industrial Court as at present constituted comprising a President and 3 members gives a virtual and complete power to the President because of his casting vote, and if so, whether he would amend the Act to provide for an odd number in the composition, as is usual in most tribunals the world over.

Tuan V. Manickavasagam: I do not agree that the constitution of the Industrial Court comprising the President and 3 other members give a virtual and complete power to the President. Under the Act the decision of the Court is taken by a majority of members but only in the event of the votes being

equal the decision is made by the President.

10. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Labour to state whether any, if so what, provision is made in the Act for sanctions against an employer who:

- (a) refuses to recognise a union; and
- (b) refuses to implement an award of the Industrial Court.

Tuan V. Manickavasagam: Refusal by an employer to recognise a trade union is not at the first instance deemed to be an offence punishable under the Act. But any dispute over recognition of a trade union shall be referred to the Industrial Court and in the event of the Court deciding that recognition be accorded, this decision shall be binding.

Under section 53 any non-compliance of an award of the Court, whether in connection with union recognition or any other matter the Minister shall, unless the parties concerned comply with any term of the award within such period as he may specify, refer the matter to the Court. The Court may upon such reference make an order directing the party concerned to comply with any term of the award. Section 55 provides for general penalties for any contravention or failure to comply with such order.

11. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Labour to state whether under powers vested in him under Section 23 of the Industrial Relations Act, 1967, he has compelled certain large unions to refer disputes to the Industrial Court, much to the disadvantage of the unions and the Workers they represent, when such unions could have induced and persuaded the employers to agree to their terms under the usual time-tested and democratic principles of collective bargaining, and if so, whether he is aware of the adverse repercussions that such arbitrary acts have produced in the country.

Tuan V. Manickavasagam: The question is not understood. I have not compelled any union, large or small to refer its dispute to the Industrial Court. However, Section 23 (2) of the Industrial Relations Act empowers me to refer any trade dispute to the Industrial Court if I am satisfied that the conditions laid down therein apply.

12. Tuan C. V. Devan Nair asks the Minister of Labour whether his Ministry would introduce amendments to the Industrial Relations Act to effectively protect workers and union officials from victimisation, intimidation and dismissal for union activities.

Tuan V. Manickavasagam: The provisions of the Industrial Relations Act, 1967, provide for such protection.

13. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Labour to state if the proposed pilot social security scheme would include workers employed in the two largest industries, namely, plantations and mining.

Tuan V. Manickavasagam: Yes.

14. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Labour to state what measures he contemplates taking to bring plantations and mine workers within the scope of the pilot social security scheme.

Tuan V. Manickavasagam: In the light of the reply above the question does not arise.

15. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Labour if he would consider exclusion of plantations' and mine workers in the pilot social security scheme would constitute a grave injustice to these workers.

Tuan V. Manickavasagam: This question does not arise.

Bayaran Pakar, Pembedahan dan X-ray

16. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Labour to state if he is aware that employers have disclaimed responsibility for the payment of

specialist, surgical and X-ray fees to workers entitled to hospitalisation in a 3rd class ward at the expense of employers for a maximum period of 30 days (section 183 of Labour Code, F.M.S. Cap. 154) when such workers have been admitted to second class wards in Government hospitals and that this has placed a heavy burden on the workers concerned, if so, what action he has taken or contemplates taking to alleviate their hardships.

Tuan V. Manickavasagam: I am not aware of any case when an employer failed to discharge his obligation in payment of hospitalisation charges.

17. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Labour if he would amend sections 183 to 188 of the Labour Code, F.M.S. Cap. 154 to provide for the exemption from payment of surgical, specialist and X-ray fees of workers as defined in the First Schedule to the Employment Ordinance, No. 38 of 1955, whether such workers are treated in second class or third class wards in Government hospitals.

Tuan V. Manickavasagam: Under the provisions of section 183 and 184 of the Labour Code, an employer is obliged to pay the expenses for the maintenance and treatment of the estate worker or his dependants for a maximum period of 30 days. No additional charges are payable for medicine, X-ray, operation, etc., as ordered by the Medical Officer.

By and large the majority of employers in other industries also defray such expenses and therefore I do not consider the necessity of making amendments to the sections as suggested.

18. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Labour what plans he has evolved for providing alternative employment to some 3,000 Penang water front workers rendered redundant when the main port activities shift to Butterworth in the second half of 1968.

19. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Labour if he would consider, in consultation with the appropriate Ministry, to place some of the redundant Penang water front workers in F.L.D.A. Schemes.

Tuan V. Manickavasagam: A survey is being made to ascertain the extent of displacement and/or redundancy among Penang water front workers which may arise when the Wharf in Butterworth begins to function. Action to be taken by the Ministry is dependant on the result of the survey.

Lembaga Buroh Pelabohan Pulau Pinang

20. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Labour to give brief details of the operations of this Penang Port Labour Authority showing number of workers over which it has control, the wages earned and the future prospects of these workers.

Tuan V. Manickavasagam: The Port Labour Board, Penang, has registered 1,400 stevedores who are directly employed by six employers registered by the Port Labour Board. Under the Wages Regulations (Penang Stevedores, Cargo Handlers and Lightermen) Order, 1966, minimum remuneration payable to stevedores is as follows:

Head serang—\$7.00 for each shift;

Serang—\$6.25 for each shift;

Winchman, crane drivers, signalmen—\$5.60 for each shift;

Hatchman—\$5.00 for each shift.

The above Order also requires employers of stevedores to provide them with work for not less than 20 shifts in a calendar month. The average monthly earnings of stevedores are \$150.97. The workers and the employers are organised. The future terms and conditions of employment of these workers would normally be determined either by Wages Regulation Orders to be made from time to time or by any collective agreements reached between the Trade Union representing these workers and their employers.

21. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Labour whether he would cause the Penang Port Labour Authority to publish a report of its work for 1967 and table it early in the Dewan Ra'ayat.

Tuan V. Manickavasagam: The Penang Port Labour Board will shortly publish its First Report. This will be tabled in the Dewan Ra'ayat.

Tanah Runtuh

22. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Labour to state in view of the increasing incidence of landslides on mines resulting in the death of unfortunate workers, what action he has taken or contemplates taking to reduce this incidence.

Tuan V. Manickavasagam: There has been no increase in the incidence of landslides in mines. The Mines Department has always and will continue to take strict measures to minimise accidents in Mines.

Kesatuan Pekerja² Kejenteraan Sri Jaya (P.T.M.)

23. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Labour why the Registrar of Trade Unions had not taken action to de-register splinter Kesatuan Pekerja² Kejenteraan Sri Jaya (P.T.M.) following the passage of the Trade Unions Act No. 81 of 1965 when there is in existence an established Transport Workers Union, Federation of Malaya.

Tuan V. Manickavasagam: The Registrar of Trade Unions was not satisfied that it was in the interests of the workers of Sri Jaya Transport Co., Ltd., to cancel the registration of the Kesatuan Pekerja² Kejenteraan Sri Jaya (P.T.M.).

24. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Labour to give a list of collective agreements filed with the Industrial Court since 7th August, 1967 to date indicating the parties involved and the nature of dispute in each case.

Tuan V. Manickavasagam: Please see list as follows:

COLLECTIVE AGREEMENTS DEPOSITED WITH THE INDUSTRIAL COURT FROM 7TH AUGUST, 1967 TO 30TH APRIL, 1968

Parties	Matters covered
1. Royal Exchange Assurance and National Union of Commercial Workers	Terms and/or Conditions of Employment
2. Associated Pan Malaysia Cement Sdn. Bhd. and the Cement Industry Employees Union	" "
3. Chartered Bank, Kuching and Sarawak Bank Employees' Union	" "
4. Associated Battery Manufacturers (M) Sdn. Bhd. and Electrical Industry Workers Union of Malaya	" "
5. Colgate-Palmolive (Malaya) Ltd, Colgate-Palmolive (Far-East) Ltd, Colgate-Palmolive (Asia) Ltd and Chemical Workers' Union of Malaya	" "
6. Redifussion (Malaya) Ltd and the Redifussion Workers' Union of Malaya	" "
7. Malayan Commercial Banks Association and National Union of Bank Employees	" "
8. Malaysia-Singapore Airlines Ltd and Malaysia-Singapore Airlines Employees Union (Sarawak)	" "
9. A.S. Watson & Co. (Chemicals) Ltd and Chemical Workers' Union of Malaya	" "
10. Chemical Co. of Malaysia Berhad and National Union of Petroleum and Chemical Industry Workers	" "
11. Culture Press Ltd, Salak South and National Union of Employees in the Printing Industry, F. of M.	" "
12. Austral Ltd and Sibu Commercial Employees Union ...	" "
13. Tacam Ltd and Metal Industry Employees Union ...	" "

Parties	Matters covered
14. Straits Times Press (M) Ltd and the Times Packaging Co. Ltd and the National Union of Employees in the Printing Industry	Terms and/or Conditions of Employment
15. Borneo Motors (Borneo) Ltd and Sabah Commercial Employees' Union	,, ,,
16. Dunlop Malayan Industries Ltd and National Union of Employees in Companies Manufacturing Rubber Products	,, ,,
17. Sharikat Perkapalan Kris Tanah Melayu Ltd and Sharikat Perkapalan Kris Tanah Melayu Ltd Dockyard Employees' Union	,, ,,
18. Esso Standard Malaya Bhd. and National Union of Petroleum and Chemical Industry Workers	,, ,,
19. Hongkong & Shanghai Banking Corporation and Sarawak Bank Employees' Union	,, ,,
20. Far East Oxygen & Acetylene Co. and Chemical Workers' Union of Malaya	,, ,,
21. Peat, Marwick Mitchell & Co. and National Union of Commercial Workers	,, ,,
22. Sin Lee & Co. and Transport Workers Union, F. of M. ...	,, ,,
23. Swift Transport Co. Ltd and Transport Workers' Union, F. of M.	,, ,,
24. Malayan Cables Bhd. and Metal Industry Employees Union	,, ,,
25. Guinness Malaysia Bhd. and National Union of Drink Manufacturing Industry Workers	,, ,,
26. Tien Wah Press (Malaya) Sdn. Bhd. and National Union of Employees in the Printing Industry, F. of M.	,, ,,
27. Federal Paint Factory Sdn. Bhd. and Chemical Workers' Union of Malaya	,, ,,
28. Kuala Selangor Omnibus Co. Bhd. and Transport Workers' Union, F. of M.	,, ,,
29. Guinness Malaysia Bhd. and National Union of Drink Manufacturing Industry Workers	,, ,,
30. Qantas Airways Ltd and Airlines Employees Union, States of Malaya	,, ,,
31. The Selangor Club and the Club Employees Union, Selangor	,, ,,
32. Oversea-Chinese Banking Corporation Ltd and Sarawak Bank Employees Union	,, ,,
33. Van Leer Containers (Malaysia) Sdn. Bhd. and Metal Industry Employees Union of Malaya	,, ,,
34. Wilkinson Process Rubber Co. Bhd. and National Union of Employees in Companies Manufacturing Rubber Products	,, ,,
35. P.A.R. Malayan Paintworks (Fed.) Ltd and Chemical Workers' Union of Malaya	,, ,,
36. Glaxo-Allenburys (Malaysia) Sdn. Bhd. and Chemical Workers Union of Malaya	,, ,,
37. British Broadcasting Corporation and B.B.C. (Malaya) Staff Association	,, ,,
38. Federal Auto Co. Ltd and the National Union of Commercial Workers	,, ,,
39. Otis Elevator Co. and National Union of Commercial Workers	Recognition

25. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Labour to give a list of any variation orders made by the Industrial Court on collective agreements from 7th August, 1967 to 30th April, 1968.

Tuan V. Manickavasagam: Nil.

26. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Labour to give a list of disputes referred to the Industrial Court from 7th August, 1967 to 30th April, 1968, showing the parties involved and the awards made in each in a brief form.

Case No.	Date referred	Name of Parties	Issues in dispute	Date award handed down	Award No.	Remarks
17. M.P.17/67	7-11-67	Sharikat Coliseum Teksi, Bhd, Kuala Lumpur and Kesatuan Pekerja ² Pengangkutan, P.T.M.	Union Recognition	1-12-67	14/67	—
18. M.P.18/67	16-11-67	Sharikat Pengangkutan Bhd, Bedong and Kesatuan Pekerja ² Pengangkutan, P.T.M.	(i) Dismissal of 3 employees .. (ii) Union's claims for increase in wages, overtime pay, annual leave, public holidays and sick-leave	19-2-68 10-4-68	3/68 (1st Award) 12/68 (2nd Award)	—
19. M.P.19/67	27-11-67	University Malaya and General Staff Union, University Malaya	Condition of Employment ..	—	—	Hearing pending
20. M.P.20/67	4-12-67	Lian Hin Kongsi, Kulim and Kesatuan Pekerja ² Pengangkutan, P.T.M.	(i) Union Recognition (ii) Dismissal of 2 employees	18-3-68	6/68	—
21. M.P.21/67	14-12-67	Malayan Zoological Society, Kuala Lumpur and Union of Employees in Community Services Organisations	Union Recognition	—	—	Adjourned <i>sine die</i>
22. M.P.22/67	18-12-67	Malayan Tiles Manufacturers Ltd, Batu Arang and Non-Metallic Mineral Products Manufacturing Employees' Union	Dismissal of an employee ..	2-4-68	11/68	—
23. M.P.23/67	21-12-67	Sungei Chinoh Estate, Trolak and Kesatuan Kakitangan Ladang ² Seluruh Tanah Melayu	Dismissal of an employee ..	22-4-68	14/68	—
24. M.P.24/67	27-12-67	Sharikat Straits Trading (Penang Smelting Works), Butterworth and Kesatuan Kebangsaan Pekerja ² Perusahaan Peleboran Logam sa-Malaya	Dismissal of an employee ..	25-4-68	15/68	—
25. M.P.25/67	28-12-67	Shaw Brothers (Penang) Ltd (Kedah/Perlis Office), Alor Star and Kesatuan Kebangsaan Pekerja ² Wayang Gambar dan Taman Hiboran Malaysia Barat	Dismissal of 2 employees ..	26-4-68	17/68	—
the part of the police to control crime and in order to enable the police to achieve a 100% success in their work the co-operation of the members of the public, particularly property owners themselves, is most essential.

In regard to preventive steps taken by the police to control crime, it will not be in the public interest to disclose the details and techniques. However, action to restrict the movement and residence of known gangsters and Secret Society members is one of such preventive measures. So is the new system lately introduced in Petaling Jaya whereby policemen performing beat on patrol duties in a particular area are encouraged to live within the community of that area instead of in their barracks.

Kerafayatan

209. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Home Affairs to state the number of persons deprived of citizenship since Merdeka Day, 1957, and of these how many have been deprived due to the recent racial disturbances in North Malaya, giving the number separately for each year up to the end of 1967.

Tun Haji Abdul Razak: The total number of persons who have been deprived of citizenship since Merdeka Day, 1957, up to the end of 1967 is 14,724. The breakdown of this figure, year by year, is as follows:

1957 ...	Nil
1958 ...	18
1959 ...	586
1960 ...	597
1961 ...	571
1962 ...	7,811
1963 ...	2,047
1964 ...	1,058
1965 ...	717
1966 ...	1,092
1967 ...	227
Total ...	14,724

No person has yet been deprived of his Citizenship due to the recent racial disturbances in North Malaya.

210. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Home Affairs to state the number of persons who have applied for citizenship but have not been granted as at 31st May, 1968.

Tun Haji Abdul Razak: The number of persons who have applied for Citizenship but have not been granted Certificates as at 30th April, 1968 is 29,501. (Figures for the month of May 1968, will not be available till the end of May 1968).

Bekas Orang² Tahanan

211. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Home Affairs to state the names of persons in the States of Malaya who having been released from detention are still under restrictive conditions and the date when these conditions were first imposed.

Tun Haji Abdul Razak: At present 111 persons released from detention are still subject to restrictive conditions. It is not considered to be in the public interest, or in the interest of the persons concerned for their identities to be divulged.

212. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Home Affairs to state why Dato' Kampo Radjo has not been freed from the restrictive conditions to which he was subjected on his release from detention.

Tun Haji Abdul Razak: The conditions imposed on Dato' Kampo Radjo have been lifted.

Rusohan² di-Pulau Pinang, Province Wellesley dan Utara Tanah Melayu

213. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Home Affairs to state whether any persons were prosecuted for the recent disturbances in Penang and Province Wellesley and North Malaya. If so, to state the offence for which they were charged and the results of the prosecution, if not, to state the reasons for the use of the Internal Security Act and not the ordinary law of the land.

Tun Haji Abdul Razak:

	Prosecuted	Convicted	Acquitted/ Discharged	Pending
Curfew Breakers ..	1,052	979	56	17
Abetment of murder ..	2	2	—	—
Possession of offensive/ dangerous weapons ..	94	6	17	71
Rioting	15	—	—	15
Unlawful assembly ..	3	—	7	3
Arson	12	—	—	5
V.C.H. with dangerous weapon	1	—	—	1
Thefts (Sec. 380 P.C.)	1	—	—	1
Thefts (Sec. 379 P.C.)	2	1	—	1
Fraudulent possession of property	1	1	—	—
Housebreaking and Theft	8	3	—	5
Provoking public peace in proclaimed area under POPO	3	3	—	—
Criminal Intimidation	5	—	5	—

It must be emphasised that the ISA has been used only in cases where the security interests of the country would be seriously jeopardised by proceedings under the ordinary law of the land. Of a total of 188 persons arrested in Kedah/Perlis, Penang and Perak, only 24 persons were served with orders of Detention under ISA. 28 others were permitted to return to their areas with certain restrictions. A total of 136 persons were released after due enquiry.

"Tentera Sabilullah"

214. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Home Affairs to state whether any members of the "Tentera Sabilullah" "Holy War Army" were prosecuted, if so who, if not, why not.

Tun Haji Abdul Razak: No, they were not prosecuted for security reasons.

Enche' Syed Hassan Aljefri

215. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Home Affairs to state categorically whether in this country, an arrested person has a right to be defended by a counsel of his choice, and if so, why are counsel prevented from seeing persons arrested by the police, as in the case of Enche' Syed Hassan Aljefri, counsel for one Lew Soo Ha, who complained to the Court that he was prevented from seeing the accused for a fortnight.

yang sah dan pengembalian itu tidak mungkin mengancam keselamatan dan ketenteraman 'awam.

223. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sa-hingga sekarang berapa banyak-kah senjata api yang di-benarkan penggunaan-nya kepada penduduk² Negeri Kelantan 'am-nya dan penduduk² Bachok khas-nya dengan menyatakan bilangan:

- (a) pistol; dan
- (b) senapang.

Tun Haji Abdul Razak: Bilangan senjata api yang di-benarkan penggunaan-nya bagi seluroh negeri Kelantan ia-lah:

- (a) pistol—21 puchok.
- (b) senapang patah—2,709 puchok.

Bagi Daerah Bachok bilangan-nya ia-lah:

- (a) pistol—4 puchok.
- (b) senapang patah—57 puchok.

224. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dalam tahun 1968 ini berapa ramai-kah orang² yang berikut mempunyai kebenaran mengguna pistol dan berapa ramai pula yang mempunyai kebenaran mengguna senapang penabor di-Daerah Bachok, Kelantan:

- (a) Guru Ugama.
- (b) Penyelia Kelas Dewasa.
- (c) Pemandu kereta sewa.
- (d) Wakil Ra'ayat.
- (e) Penggawa.
- (f) Penghulu.
- (g) Pembantu rumah sakit.
- (h) Guru bukan guru ugama.
- (i) Jaksa Pendamai.
- (j) Taukeh perniagaan.
- (k) Lain² jika ada.

Tun Haji Abdul Razak: Bagi tahun 1968, bilangan orang yang telah diberi kebenaran menggunakan senapang

patah dan pistol di-Daerah Bachok ada-lah seperti berikut:

- (a) 3 orang telah di-benarkan menggunakan senapang patah. Dua orang daripada-nya petani dan sa-orang lagi ia-lah kakitangan Kerajaan.
- (b) Sa-orang sahaja telah di-beri kebenaran menggunakan pistol ia-itu sa-orang Pembantu Rumah Sakit.

Kewarganegaraan

225. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berapa ramai-kah orang² bukan Melayu telah menjadi warganegara Negeri ini pada tahun²:

- (a) 1957 (Sebelum Merdeka);
- (b) 1963 (Sebelum Malaysia); dan
- (c) 1968.

Tun Haji Abdul Razak: Pejabat Pendaftaran tidak menyimpan rekod permohonan mengikut bangsa keturunan pemohon. Jumlah warganegara yang telah di-daftarkan ada-lah seperti berikut:

(a) Sebelum Merdeka ...	660,053
(b) Dari Hari Kemerdekaan hingga Hari Malaysia ...	1,695,249
(c) Dari Hari Malaysia hingga April 1968 ...	295,587
Jumlah ...	<u>2,650,889</u>

226. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hingga masa ini berapa banyak-kah permohonan² dari orang² bukan Melayu untuk menjadi warganegara di-Negeri ini.

Tun Haji Abdul Razak: Jabatan Pendaftaran tidak menyimpan rekod permohonan² untuk kewarganegaraan berdasarkan kepada bangsa pemohon. Sa-hingga April, 1968, 2,686,914 permohonan² telah di-terima kesemua-nya.

227. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, apa-kah syarat²

wajib bagi sa-saorang penduduk Jajahan Bachok, Kelantan, untok mendapat kebenaran mengguna senjata api.

Tun Haji Abdul Razak: Undang² yang di-kenakan ka-atas sa-orang penduduk Jajahan Bachok, Kelantan, untok mendapatkan lesen atau permit senjata api ada-lah sama dengan apa di-kenakan kapada sa-orang pemohon dari tempat² lain di-negeri ini.

Di-bawah sekshen 4 (2) Act Senjata Api 21/60, Ketua Pegawai Polis sebelum mengeluarkan lesen atau permit senjata api mustahak-lah berpuas hati (satisfied) bahawa si-pemohon itu mempunyai alasan² yang menasabah untok memileki atau mengguna senjata api itu dan di-samping itu pengeluaran lesen atau permit kapada-nya tidak akan menganchamkan keselamatan dan ketenteraman 'awam.

228. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, (a) apa-kah sebab-nya wakil Parlimen Bachok telah di-tolak permohonan-nya untok mendapat kebenaran menggunakan pistol, (b) apa-kah syarat² yang wajib ada pada-nya jika ia hendak memileki senjata api.

Tun Haji Abdul Razak:

- (a) Mengikut sekshen 4, Act Senjata Api 21/60, Ketua Pegawai Polis boleh mengeluarkan lesen senjata api apabila ia-nya berpuas hati ia-itu sa-orang pemohon itu ada sebab² yang munasabah untok mempunyai senjata api dan juga pengeluaran senjata api itu kapada si-pemohon tidak akan menganchamkan keselamatan dan ketenteraman 'awam.
- (b) Syarat² Undang² yang tersebut di-atas ada-lah juga mustahak di-kenakan kapada sa-orang wakil Parlimen jika ia-nya berkehendakkan senjata api. Jika permohonan-nya di-tolak ini berma'ana ia-itu Ketua Pegawai Polis berkenaan tidak berpuas hati untok mengeluarkan-nya dari segi alasan penggunaan atau pun dari segi keselamatan.

229. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, ada-kah benar bahawa sa-orang guru bernama Sarkan bin Abdul Rahman dan sa-orang pembantu hospital di-Jajahan Bachok, Kelantan, telah di-beri lesen mengguna pistol walhal wakil Parlimen Bachok yang juga sa-orang Jasa Pendamai di-Jajahan tersebut telah tidak di-beri kebenaran saperti ini.

Tun Haji Abdul Razak: Memang-lah benar bahawa sa-orang guru bernama Sharban dan sa-orang pembantu rumah sakit di-Bachok telah di-beri lesen memileki senjata api jenis pistol. Mereka telah di-beri lesen oleh kerana penyiasatan Polis telah menunjukkan bahawa nyawa mereka berdua telah di-ancham oleh anasir² jahat tempatan dan dengan itu bagi keselamatan diri mereka, mereka perlu-lah memileki senjata api. Jika Ahli Parlimen dari Bachok tidak di-beri lesen, ini berma'ana Ketua Pegawai Polis, Kelantan, tidak berpuas hati atas sebab² yang di-kemukakan oleh Ahli itu untok menggunakan senjata api itu atau pun dari segi keselamatan dan ketenteraman 'awam.

Chandu

230. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada-kah Kerajaan Perikatan yang berkuasa sekarang akan mengamalkan shor yang di-buat didalam sidang belanjawan tahun 1965 oleh Y.B. Tuan Ahmad bin Arshad dan pada tahun 1968 oleh Y.B. Tuan Tajudin bin Ali masing²-nya supaya Kerajaan mengeluarkan lesen perniagaan chandu untok menambahkan hasil negara; jika ya, bila; dan jika tidak, mengapa.

Tun Haji Abdul Razak: Tidak. Apabila menimbangkan soal bagaimana hendak menambahkan lagi hasil dalam negeri, mana² juga Kerajaan yang bertanggung-jawab mesti memikirkan juga akibat²-nya ka-atas masha-rakat apabila membuat sa-suatu langkah yang bagini. Dalam hal menjual chandu, tidak payah-lah saya menerangkan lagi kapada Ahli Yang Berhormat itu apa akibat² burok yang akan

menimpa masyarakat jika Kerajaan menghalalkan jualan chandu.

No. When considering the question of increasing State revenue, any responsible Government must also take into account such factor as the effect of such a step on the welfare of the community. In the case of opium, it is needless for me to explain to the Hon'ble Member the disastrous effect on the community of a Government measure to legalise its sale.

Pelachoran

231. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada-kah Kerajaan Perikatan yang berkuasa sekarang akan mengamalkan shor yang di-buat dalam sidang belanjawan tahun 1965 oleh Y.B. Tuan Karim bin Abu dan pada tahun 1968 oleh Y.B. Tuan Haji Ahmad bin Saaid masing²-nya supaya Kerajaan mengeluarkan lesen² pelachoran dan dengan demikian negara ini akan dapat menambahkan hasil-nya dan mengawal pelachoran dengan terator; jika ya, bila; dan jika tidak, mengapa.

Tun Haji Abdul Razak: Tidak. Langkah menghalalkan pelachoran dalam negeri ini bukan sahaja bertentangan dengan pendapat seluruh dunia dan orang ramai malahan merupakan satu langkah yang rendah akhlak, oleh kerana banyak negeri², yang pada suatu masa dulu menganggap pelachoran sebagai satu puncha mendapatkan hasil dalam negeri, telah pun memberhentikan amalan seperti ini sekarang.

No. Such a step as to legalise prostitution in this country would not only be contrary to world and public opinion but would also be a retrograde step, as many countries which at one time had treated prostitution as a source of revenue have now discontinued such practice.

Paspot

232. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengapa-kah ra'ayat Malaysia dari Malaya wajib mengambil paspot untuk memasoki

Sabah dan Sarawak tetapi tiada wajib berbuat demikian untuk berulang alek masok dan keluar ka-negeri² di-dalam Malaya pada hal semua negeri² dan wilayah² tersebut sa-benar-nya ada-lah menjadi sa-bahagian daripada Malaysia.

Tun Haji Abdul Razak: Peratoran yang berkehendakkan paspot bagi ra'ayat Malaysia dari Malaysia Barat untuk masok ka-Sabah atau Sarawak ia-lah hasil laporan "Inter-Governmental Committee" yang kemudian di-chatetkan ka-dalam Imigeresen Act, 1963. Memang chara ini boleh di-kaji semula oleh Kerajaan Pusat dan Kerajaan² Negeri² Sabah dan Sarawak. Tetapi patut juga di-sebut di-sini ia-itu walaupun peratoran sekarang di-man-sokhkan ra'ayat Malaysia Barat atau Malaysia Timor maseh lagi berkehendakkan paspot oleh kerana dalam perjalanan mereka dari Malaysia Barat ka-Malaysia Timor atau pun sebalek-nya, mereka itu mustahak singgah di-Singapura. Jika tidak mempunyai paspot, mereka terpaksa tinggal di-Bilek Persinggahan (Transit Lounge) sahaja dan sekira-nya ada apa² perubahan kepada jadual penerbangan mereka terpaksa terkurong di-dalam Bilek Persinggahan (Transit Lounge).

Jumlah Penduduk² Malaysia

233. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berapa jumlah warganegara² Malaysia pada masa ini (1968) dan berapa-kah bilangan mereka²:

- (a) dari Negeri² Sabah, Sarawak dan Malaya masing²-nya; dan
- (b) berapa bilangan orang² Melayu dan bukan Melayu di-tiap² Negeri dalam Malaya (Malaysia Barat).

Tun Haji Abdul Razak:

- (a) Jumlah warganegara Malaysia hingga bulan April 1968 ia-lah 2,650,889 orang yang mendapat kewarganegaraan dengan chara pendaftaran (registration) dan masokan (naturalization). Bilangan mereka² di-Negeri² Sabah,

Sarawak dan Negeri² Tanah Melayu ada-lah seperti berikut:

Sabah	29,719
Sarawak	42,093
Negeri ² Tanah Melayu	2,579,077
Jumlah	<u>2,650,889</u>

- (b) Jabatan Pendaftaran pada masa ini tidak menyimpan daftar warganegara² Malaysia berdasarkan bangsa mereka.

Kekachauan² dan Huru-hara di-Pulau Pinang

234. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berhubung dengan kekachauan² dan huru-hara di-Pulau Pinang dalam tahun 1967, nyatakan:

- bila-kah kekachauan dan huru-hara sa-benar-nya bermula;
- negeri² lain yang terlibat;
- negeri² yang langsung tidak terlibat;
- keadaan negeri Kelantan pada masa itu;
- jumlah orang² yang mati akibat huru-hara tersebut;
- jumlah orang² Melayu yang mati;
- jumlah orang² yang di-tembak mati oleh Polis;
- jumlah orang² yang di-tahan dan kemudian di-bebaskan;
- jumlah orang² yang maseh dalam tahanan; dan
- sebab² yang membawa kepada kekachauan² tersebut.

Tun Haji Abdul Razak:

- 24hb November, 1967.
- Perak dan Kedah.
- Negeri² yang langsung tidak terlibat ia-lah Kelantan, Trengganu dan Pahang (seperti jawapan kepada soalan lisan Y.B. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah sendiri pada 19hb Januari, 1968, dalam persidangan Meshuarat Dewan Ra'ayat yang lepas).
- Kelantan termasuk ka-dalam bilangan negeri² yang langsung tidak terlibat.

(e) 29 orang telah mati akibat rusohan² yang berlaku itu, termasuk 4 orang terbunuh oleh Pasokan Keselamatan kerana melanggar syarat² perintah berkurong (menurut jawapan yang telah pun di-beri kepada soalan lisan yang di-kemukakan oleh Y.B. Tuan Ahmad bin Arshad pada 29hb Januari, 1968, dalam persidangan Meshuarat Dewan Ra'ayat yang lepas).

(f) Demi kepentingan memelihara "harmony" antara kaum, tidaklah di-fikirkan bijak mengumumkan bilangan orang² yang mati menurut kaum.

(g) Tiada.

(h) Dari jumlah 773 orang² yang di-tangkap 587 di-bebaskan.

(i) 16 orang maseh lagi dalam tahanan.

(j) Sa-telah berlaku penaksiran semula mata wang lama, beberapa chawangan Parti Buroh di-dalam negeri ini telah mengadakan penentangan terhadap langkah Kerajaan itu. Gerakan hartal telah di-anjorkan oleh Parti Buroh Malaya, chawangan Pulau Pinang pada 24hb November, 1967. Apabila ahli² Parti Buroh chuba menguat kuasakan hartal dengan jalan paksa yang menggunakan kekerasan, lalulah meletus rusohan yang terus pula merebak menjadi pergaduhan yang menyebabkan kematian dan kerosakkan harta benda. Perkhabaran kejadian² di-Pulau Pinang itu sampai ka-tanah besar Semenanjung. Anasir² sabversib dan puak² pelampau mengambil kesempatan dari keadaan ini lalu merebak-lah kekachauan ka-Negeri² lain di-mana chawangan Parti Buroh dan Parti Ra'ayat telah meranchangkan tunjok perasaan dan bantahan menyokong rakan sa-perjuangan mereka di-Pulau Pinang itu.

Penduduk² Jajahan Bachok

235. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal

Asrama

244. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, berapa buah-kah asrama khas telah di-bena bagi menem-patkan anak² anggota Pasokan Polis yang bersekolah apabila ayah² bertukar dari satu tempat ka-satu tempat yang lain.

Tun Haji Abdul Razak: Tiga buah asrama khas telah di-tubuhkan untuk mengatasi kesulitan² tempat tinggal bagi anak² anggota Polis yang ber-sekolah apabila ayah² mereka bertukar dari satu tempat ka-tempat lain. Asrama² itu ia-lah:

- (a) Asrama Anak² Polis di-Pusat Latehan, Kuala Lumpur.
- (b) Asrama Anak² Polis di-Kuala Krai.
- (c) Asrama Anak² Polis Tanah Merah.

Aduan² kepada Polis

245. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berapa-kah jumlah aduan² yang di-buat kepada Polis Bachok, Kelantan tiap² tahun dari 1964 sampai tahun 1968 berkenaan kesalahan² berikut:

- (a) Bunoh.
- (b) Chuba bunoh.
- (c) Samun.
- (d) Pechah rumah.
- (e) Rogol.
- (f) Melarikan orang.
- (g) Tipu.
- (h) Pechah amanah.

- (i) Bunoh diri.
- (j) Rasuah.
- (k) Mengguna kekerasan terhadap orang lain.
- (l) Melakukan luka parah.

Tun Haji Abdul Razak: Bilangan aduan² yang di-buat kepada Polis Bachok pada tiap² tahun semenjak tahun 1964 hingga tahun 1968 mengikut kesalahan² tertentu ia-lah saperti berikut:

	1964	1965	1966	1967	1968
(a) Bunoh	1	1	2	1	—
(b) Chuba bunoh ..	1	1	—	—	—
(c) Samun	1	—	3	—	—
(d) Pechah rumah ..	5	—	—	3	1
(e) Rogol	—	—	1	—	1
(f) Melarikan orang ..	—	—	1	—	—
(g) Tipu	—	—	1	—	—
(h) Pechah amanah ..	—	—	—	2	—
(i) Tiada kejadian bunoh diri semenjak tahun 1964 hingga 1968					

	1964	1965	1966	1967	1968
(j) Rasuah	—	—	—	—	1
(k) Mengguna kekerasan ..	4	2	1	1	4
(l) Luka parah	2	5	5	7	5

Polis di-Raja Malaysia

246. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:

- (a) mengikut pangkat masing² berapa ramai-kah Polis di-Raja sekarang; dan
- (b) ada-kah Kerajaan berchadang hendak menambah lagi bilangan ini.

Tun Haji Abdul Razak:

- (a) Keanggotaan dan kekuatan Polis di-Raja Malaysia mengikut pangkat masing² ia-lah saperti berikut:

I—MALAYSIA BARAT

Pegawai² yang di-wartakan:

	KPN	T/KPN	TPJP	PKPP	PPJP	PP	TPP	PPP	PPP/W	Jumlah
Keanggotaan (Establishment)	1	1	3	12	31	73	122	311	1	555
Kekuatan	1	1	3	8	26	49	112	304	1	505

Inspekter²:

		K/Insp.	Insp.	Insp. P.	Insp. Kon.	Insp. W.	Insp. Sem.	Jumlah
Keanggotaan	...	1,134				35	5	1,174
Kekuatan	361	559	145	43	33	17*	1,158

* 12 Inspekter² Sementara memenohi jawatan Inspekter² biasa.

Anggota Polis pangkat Rendah:

		Insp. Kechil	Sarjan Mejar	Sarjan	Kopral	MM	Jumlah
Keanggotaan (Establishment)	...	83	179	1,421	2,898	15,983	20,564
Kekuatan	77	178	1,373	2,658	16,163	20,458
Kekosongan	6	1	48	240	—	115
Berlebehan kekuatan	—	—	—	—	—	180 (mengisi jawatan Kopral sa-bagai pemangku)	

II—MALAYSIA TIMOR

Sabah:

	PJP	TPJP	PPJP	PP	TPP/PPP	Insp.	Insp. Kechil	Sjn. Mejar	Sjn.	Kpl.	MM	Jumlah
Keanggotaan	... 1	1	2	10	43	132	14	24	164	337	2,068	2,797
Kekuatan	... —	—	1	7	27	126	12	24	135	250	2,001	2,583

Sarawak:

Keanggotaan	.. 1	1	3	11	53	175	9	23	170	407	2,604	3,457
Kekuatan	... —	—	3	4	31	154	6	19	140	391	2,591	3,340

- (b) Dengan bertambah²-nya kemajuan dalam pembangunan Negara yang menimolkan beberapa kesulitan keselamatan dan ketenteraman 'awam semang-lah mungkin di-tambah anggota Polis. Tetapi, di-sebabkan kedudukan kewangan Negara yang sedemikian maka tindakan kearah ini terpaksa-lah di-tanggohkan. Walau bagaimana pun sekira-nya kesulitan keselamatan dan ketenteraman 'awam membesar lagi dan menjadi ta' dapat tiada anggota Polis perlu di-tambah.

Buat sementara waktu segala kekosongan dalam Pasokan akan di-isi.

- KPN = Ketua Polis Negara
T/KPN = Timbalan Ketua Polis Negara
PJP = Pesuruhjaya Polis
T/PJP = Timbalan Pesuruhjaya Polis
PKPP = Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis
PPJP = Penolong Pesuruhjaya Polis
PP = Penguasa Polis
TPP = Timbalan Penguasa Polis
PPP = Penolong Penguasa Polis
PPP/W = Penolong Penguasa Polis Wanita
K/Insp. = Ketua Inspekter
Insp. P = Inspekter dalam Perchoba'an
Insp. Kon. = Inspekter Konterek
Insp. W = Inspekter Wanita
Insp. Sem. = Inspekter Sementara

KEMENTERIAN TANAH DAN GALIAN

Ranchangan Tanah Pinggir

247. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Lands and Mines to state whether, in view of the unsatisfactory conditions of some fringe land settlement schemes as pointed out by the Auditor General in his report for 1965, he would consider allotting these lands to other persons who might be able to cultivate the lands more satisfactorily; if not what steps he proposes to take to see that the vast amount of money spent in land settlement schemes is not allowed to go to waste.

Tuan Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Kerajaan Negeri masing² telah pun mengambil tindakan terhadap tanah² dalam Ranchangan² Tanah Pinggir yang tiada di-jaga dengan memuaskan. Tindakan² yang di-ambil terhadap peserta² yang chuai ia-lah mengambil balek tanah² mereka setelah di-beri amaran. Tanah² mereka kemudian-nya di-beri kepada peserta² lain yang sanggup menjaga-nya dengan sempurna. Ini-lah tindakan yang di-ambil oleh Kerajaan² Negeri yang mana bertanggung-jawab atas pelaksanaan segala Ranchangan² Tanah Pinggir.

Pegawai Daerah Kulim

248. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Lands and Mines to state whether he agrees with the statement by the District Officer Kulim, as reported in *Straits Times* on 2nd January, 1968, that 50% of the families allocated land to cultivate had failed to make good, and if so, what steps he is taking to remedy this lack of interest and to prevent wastage of public funds.

Tuan Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Pertanyaan ini ada-lah mengelirukan. Kedudukan yang sa-benar-nya ia-lah ucapan Pegawai Daerah itu ditunjukkan kepada peserta² Ranchangan Tanah Terkawal, Karangan, Kulim sa-masa lawatan beliau ka-situ. Uchapan-nya ada-lah berupa amaran supaya mereka mengusaha bersungguh² ladang² mereka, jika tidak ladang² mereka akan di-rampas dan di-beri kepada peserta² lain. Mengikut Pegawai

Daerah Kulim beliau tiada pernah membuat kenyataan mengatakan 50% daripada peserta² yang di-beri tanah tiada mengusaha tanah mereka. Peserta² yang enggan menjaga ladang² mereka dengan memuaskan akan di-rampas ladang-nya. Ini-lah tindakan yang di-ambil terhadap peserta² yang chuai.

Sa-bagai Ranchangan Terkawal peserta² dalam ranchangan ini tiada di-beri bantuan baik oleh Kerajaan Persekutuan maupun Kerajaan Negeri. Dengan demikian tuduhan membazir wang orang ramai itu tiada patut timbul.

Anak² Pokok Getah

249. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Lands and Mines to state whether he is aware that the young rubber plants at the Land Development Scheme at Mambang, Seberang Mukim Penyor, Pekan, are often destroyed by elephants; if so why no action has been taken to prevent this.

Tuan Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Ada-lah di-aku² bahawa anak² getah di-Ranchangan Mambang Seberang Mukim Penyor yang luas-nya 120 ekar telah di-musnahkan oleh gajah² hutan pada satu malam hari sahaja dan bukan-nya kerap kali sa-bagaimana di-katakan oleh Yang Berhormat itu. Ranchangan ini letak-nya berhampiran dengan hutan² besar, dengan demikian kedatangan gajah² itu tiada-lah di-ketahui dan tiada-lah apa² persediaan di-ambil. Pada masa sekarang langkah² sedang di-ambil untuk mengelakkan gajah² itu daripada merosakkan anak² getah di-masa² depan.

Membahagi²kan Ladang

250. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Lands Mines to state whether Government would reconsider its adverse decision to accept the minority report on fragmentation of estates in view of the continuing deterioration in the output and quality of rubber from fragmented estates and the accelerated rate of fragmentation, and the continuing hardship suffered by the workers on these estates.

Tuan Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Keputusan Kerajaan mengenai

pemecahan ladang tiada akan berubah pada masa sekarang oleh kerana keputusan ini ada-lah keputusan yang sebaik²-nya sa-telah di-timbang dengan halusi dari berbagai segi. Dengan demikian sikap Kerajaan terhadap "minority report" itu tiada perlu di-timbang samula. Sa-panjang yang di-ketahui tiada bukti menunjukkan pengeluaran dan mutu getah daripada ladang yang di-benar di-pechah telah meningkat turun saperti yang di-da'awa. Begitu juga tiada bukti menunjukkan bilangan pemecahan telah bertambah dengan pesat (accelerated rate). Pekerja² yang terlibat dalam mana² pemecahan adalah di-beri segala kemudahan yang manasabah. Tudohan² Yang Berhormat itu tiada-lah tepat. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Bill Pindaan kapada peratoran pemindahan hak milek tanah dalam Undang² Tanah Kebangsaan telah siap dan akan di-kemukakan kapada Juma'ah Menteri untuk kelulusan. Pindaan² ini akan mengetatkan lagi undang² bagi mengelakkan segala "pseudo-subdivision" yang membawa akibat² burok.

Lengkok Duta, Kuala Lumpur

251. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Lands and Mines to state:

- (a) what has become of the land acquired and developed by the Central Government for a Diplomatic Enclave at Jalan Duta and whether it is true that a co-operative society has been formed to purchase land there.
- (b) If so, who are the members of that co-operative society, and the size and cost of the land that has been sold to each and every member.

Tuan Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub:

- (a) Tanah di-Diplomatic Enclave akan di-keluarkan (disposed) kapada Kedutaan² Asing dan untuk kediaman rasmi Ketua² Negeri (Head of State) sahaja. Kerajaan tiada pernah berhajat hendak menjual tanah ini kapada mana² Sharikat Kerjasama.
- (b) Tiada timbul dengan keterangan di-atas.

JABATAN PERDANA MENTERI

Mahkamah Shari'ah

252. Dr Tan Chee Khoon asks the Prime Minister to state whether in view of the fact that Islam is the state religion of Malaysia, he would take steps to amend the constitution to bring the Shari'ah Courts under the judicial system of the country in order to prevent abuses if any, and to enable justice to be done fairly and justly. If not, whether he would take steps to see to it that provision for appeals to a judicial tribunal are made in the Shari'ah Court Laws.

Perdana Menteri: Although Article 3 (1) of the Federal Constitution declares Islam as the religion of the Federation, all matters of Muslim religion are State matters and the Ruler of each State is the Head of the Muslim religion. It is not possible to implement your proposal to amend the Federal Constitution without amending the State Constitution and getting the agreement of each Ruler. Further, this Government see no reason why the present arrangements under the Constitution should be disturbed as it is untrue that there has been abuses, unfairness and injustice in the Shari'ah Courts. The law and practice applicable to these Courts are in accordance with Muslim law and precepts. There are sufficient provisions in the Shari'ah Court system for appeals to higher tribunals to deal with decisions of the Shari'ah Courts.

CUEPACS

253. Dr Tan Chee Khoon asks the Prime Minister to state what action Government has taken on the call by CUEPACS to start negotiation for fair wages for especially Division Four officers and those in industrial and manual grades.

Perdana Menteri: The Government has already made a decision on the Report of the Suffian Salaries Commission and this decision has been conveyed to the Staff Side and is contained in the press statement issued on 30th May, 1968. The total cost to the Government to implement wholly the

Suffian Report will amount to about \$100 million a year. It is impossible for the Government to meet this commitment in view of the grave financial difficulties which the Government is facing. However, negotiation to achieve understanding with the Staff Side is still open.

Elaun

254. Dr Tan Chee Khoon asks the Prime Minister to state why officers in Division one and other higher posts are given wife's and children's allowances while the same are denied to officers in the lower grades, who should be the ones most in need of such allowances and whether he agrees that such a practice is discriminatory.

Perdana Menteri: Officers in Division I and other higher posts serving in West Malaysia are not receiving wife's and children's allowances referred to. Children's allowance is payable to an officer posted to serve overseas, who has children below the age of 17 years or who has children over 17 years but below 21 who are receiving full-time educational instruction. Children's allowance is also payable to officers in Division I, II and III who are posted from West Malaysia for service in Sabah and Sarawak if such officers have children below the age 17 or between 17 and 21 who are receiving full-time educational instruction. No officers in Division IV are posted to serve in Sabah or in Sarawak. Therefore, the practice of paying the children's allowance is not discriminatory.

Saraan

255. Dr Tan Chee Khoon asks the Prime Minister to state whether Government would introduce legislation to empower courts to order maintenance out of the estates of deceased persons for wives and children of such persons who make little or no provision for their dependants, on the lines of the Inheritance (Family Provision) Act in England.

Perdana Menteri: Action is being taken on this matter but it is not yet finalised.

Penanaman Padi

256. Dr Tan Chee Khoon asks the Prime Minister to give details of his statement of the Government's intention to open up 450,000 acres of land for padi cultivation in East Malaysia, what work has been done and what will be done to make East Malaysia the granary for Malaysia.

Perdana Menteri: Preliminary survey in East Malaysia indicated the following areas which may be suitable for cultivation of padi:

	Acres
(1) Sg. Sarawak near Santubong	30,000
(2) The Lower Rejang Delta in Sarawak ...	150,000
(3) Kinatatanan, Sabah ...	250,000
Total ...	430,000

A detailed soil survey of the Sg. Sarawak area is now being undertaken and details of the drainage and irrigation works for the area will be prepared soon.

In respect of Sabah, the State Government has established a Padi Development Board and the Central Government will be assisting the Board by way of secondment of technical staff and advice on the development of padi areas.

Subject to the suitability of soil and the availability of staff and funds to develop these areas for cultivation of padi, East Malaysia may well become the granary of Malaysia.

Umor Bersara

257. Dr Tan Chee Khoon asks the Prime Minister if Government has considered, in consultation with the two National Whitley Councils, the possibility of reducing the retiring age for Government employees from 60 years to 55 years to meet the growing demands of young persons leaving schools with adequate qualifications flooding the unemployment market and the result.

The figures speak for themselves and bear out the statement made by the Honourable the Deputy Prime Minister.

Rumah² Ibadat

265. Tuan C. V. Devan Nair asks the Prime Minister to state whether he is aware that to mix religion and politics is a highly explosive combination, and whether it is the policy of the Alliance Government to give grants to the construction of temples on the condition that they share the building with M.C.A. branches.

Perdana Menteri: As I have stated in this House, religion is separated from politics, one is food for thought and the other for the spirit. The Alliance Government agrees that it is wrong to use religion merely as a political instrument in the interest of party politics. It has never been the policy of the Government to give grants for the construction of places of worship on condition that they be used by members of certain political parties or to share the use of any building with political party, but places of worship such as mosques and temples can also be used for welfare and other purposes when the objective is humane. Any condition making places of worship a political Headquarters or to share its use with political party is contrary to the policy of the Alliance Government.

266. Tuan C. V. Devan Nair asks the Prime Minister whether he is aware that in Batu Pahat, the Pantai M.C.A. Branch shares the same premises at the new Tien Hou Kong Temple, which was built partly from a \$5,000 Government grant; and to state whether he would take immediate action to get the M.C.A. branch to vacate the premises so that the Temple do not become an M.C.A. branch.

Perdana Menteri: I am aware that the M.C.A. Batu Pahat Divisional Branch makes use of a separate wing with its own entry and exit of the premises not of the Tien Hon Kong Temple but of the Ah Mah Kong Temple. The use of this wing was in fact offered by the Temple Committee to the M.C.A.

Divisional Branch in gratitude for the efforts and initiative taken by that M.C.A. Divisional Branch to obtain a grant to rebuild the old Ah Mah Kong Temple and to contribute funds for the building of an extension to the temple. As the temple committee is a private authority, the Government is in no position to interfere with its affairs. However I can take the matter up with the M.C.A. Headquarters.

Mahasiswa² Ranchangan Colombo

267. Tuan C. V. Devan Nair asks the Prime Minister to give the total number of Colombo Plan graduates who have bought themselves out before the completion of their contracts, giving a breakdown of reasons given, with separate figures for each year since 1957.

Perdana Menteri: Ramai-nya siswa-zah² Malaysia yang telah mungkir janji dan keluar dari perkhidmatan Kerajaan dengan membayar denda sa-belum tamat konterek berjumlah 57 orang.

Di-bawah ini di-turunkan butir² yang di-kehendaki mengikut tahun :

Tahun	Bil. mungkir janji	Sebab mungkir janji
1957 ...	—	—
1958 ...	—	—
1959 ...	1	Kahwin
1960 ...	3	1 kahwin; 2 tidak di-ketahui
1961 ...	1	Tidak di-ketahui
1962 ...	2	1 kahwin; 1 tidak di-ketahui
1963 ...	5	1 melanjutkan pelajaran; 4 tidak di-ketahui
1964 ...	6	1 kahwin; 3 tidak di-ketahui; 1 menchari kerja lain; 1 pergi luar negeri
1965 ...	14	1 kahwin; 3 melanjutkan pelajaran; 2 pergi luar negeri; 1 tidak mahu melanjutkan pelajaran Dip. Ed.; 7 tidak di-ketahui
1966 ...	13	4 melanjutkan pelajaran; 1 kahwin; 1 menchari kerja lain; 7 tidak di-ketahui
1967 ...	12	1 melanjutkan pelajaran; 7 menchari kerja luar; 4 tidak di-ketahui

Siswazah² itu tidak-lah di-mustahakan memberitahu Kerajaan kenapa mereka memungkir janji dan angka² di-atas termasuk angka² dari Sabah dan Sarawak.

The number of Malaysian graduates who have bought themselves out of Government service before the expiry of contract is 57.

The necessary particulars by year are as follows:

Year	No. of breaches of contracts	Reasons for breaches of contracts
1957 ...	—	—
1958 ...	—	—
1959 ...	1	Married
1960 ...	3	1 married; 2 not known
1961 ...	1	Not known
1962 ...	2	1 married; 1 not known
1963 ...	5	1 went for further studies; 4 not known
1964 ...	6	1 married; 3 not known; 1 sought employment elsewhere; 1 went abroad
1965 ...	14	1 married; 3 went for further studies; 2 went abroad; 1 refused to further studies in Dip. Ed.; 7 not known
1966 ...	13	4 went for further studies; 1 married; 1 sought employment elsewhere; 7 not known
1967 ...	12	1 went for further studies; 7 sought employment elsewhere; 4 not known

57

The graduates are not required to notify the Government as to the reasons for their breaches of contracts and the above figures include those from Sabah and Sarawak.

Kenaikan Pangkat

268. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad bertanya kepada Perdana Menteri:

- (a) ada-kah beliau sedar bahawa menurut peratoran biasa untuk naik pangkat dalam jawatan Kerajaan, apabila jawatan Timbalan Setia-usaha kepada Ke-

menterian Kewangan kosong, pengganti-nya ia-lah Pengawal Perbekalan, sebab pegawai ini (Pengawal Perbekalan) melakukan tugas, malahan bertanggung-jawab merangkakan belanjawan negara, dan oleh itu beliau ada-lah di-anggap sebagai sa-orang yang paling berkebolehan untuk mengisi jawatan sa-bagai Timbalan; tetapi dalam kejadian yang baharu berlaku, prinsip yang dipatohi sa-lama ini telah di-chabul dan sa-orang yang sangat rendah kedudukan-nya yang tidak pernah belajar Ekonomi sa-umor hidup-nya, ia-itu Setia-usaha Rendah kepada Kementerian itu telah di-naikkan pangkat ka-jawatan Timbalan pada hal pengganti-nya patut diambil dari sa-orang yang chekap dan lojik;

(b) Jika ya, boleh-lah beliau memberitahu Majlis ini—

(i) menurut dasar apa-kah kenaikan pangkat ini di-jalankan—ada-kah berdasarkan kebolehan atau pileh-kaseh;

(ii) mengapa-kah Setia-usaha Rendah ini di-lantek menjadi Timbalan, dan tidak sa-orang Setia-usaha Rendah yang lain yang pernah menjadi sa-orang penuntut Ekonomi yang utama di-Cambridge, yang kemudian-nya mengikuti pengajian pos-graduate dalam Kewangan Awam (Public Finance) di-Oxford—sakingkurang²-nya Setia-usaha Rendah ini dari segi akademik ada-lah lebeh tinggi daripada pegawai yang di-tugaskan pada masa ini;

(c) boleh-kah di-anggap bahawa di-Perbendaharaan, kenaikan pangkat bukan-lah berdasar kepada kebolehan dan kelayakan, tetapi berdasar kepada perhubungan peribadi dan warna kulit.

Perdana Menteri:

- (a) Bukan satu kebiasaan atau peratoran kenaikan pangkat yang biasa bagi Pengawal Bekalan di-naikkan pangkat-nya ka-jawatan Timbalan Setia-usaha Perbendaharaan jika jawatan itu kosong. Kedua² jawatan Pengawal Bekalan dan Timbalan Setia-usaha Perbendaharaan itu termasuk dalam Perkhidmatan Dalam dan Luar Negeri Malaysia. Benar ada sa-kali berlaku yang Pengawal Bekalan telah di-naikkan pangkat-nya ka-jawatan Timbalan Setia-usaha, tetapi hal yang hanya sa-kali berlaku itu tiada boleh di-kira sa-bagai satu dasar yang di-pakai untuk selama²-nya.
- (b) (i) Kenaikan pangkat pegawai² dalam perkhidmatan 'awam, sa-bagai yang termaktub dalam Perintah² 'Am 38 Bab A, ada-lah berdasarkan kelayakan, pengalaman dan kebolehan resmi. Hanya apabila dua orang chalun di-timbang mempunyai sama kebolehan-nya maka keutamaan di-beri kepada yang terkanan. Dalam menimbangkan kebolehan, hal sesuai atau tidak-nya sa-orang pegawai itu pada 'am-nya memegang jawatan yang ia di-timbangkan memegang-nya ada-lah di-ambil kira. Berkenaan dengan pegawai yang telah di-naikkan pangkat-nya menjadi Pemangku Timbalan Setia-usaha Perbendaharaan (Gred II), Lembaga Kenai-kan Pangkat yang tertentu telah memutuskan bahawa mengikut kelayakan, pengalaman dan kebolehan-nya yang resmi dan mengambil kira pengalaman-nya yang banyak mengenai pentad-biran dan pengetahuan-nya yang dalam mengenai selok belok dan tugas² Perben-daharaan maka pegawai itu-lah yang sesuai sa-kali

di-naikkan pangkat ka-jawa-tan itu. Dengan yang demikian ia mendahului pegawai² lain di-luar Perbendaharaan yang kanan daripada-nya. Walau bagaimana pun ia tiada mendahului Pengawal Bekalan sekarang ini. Oleh itu soal pilih kaseh tiada timbul.

- (ii) Ada-lah di-anggap bahawa Setia-usaha Rendah yang di-sebut itu ia-lah Setia-usaha Rendah (Ekonomi) dalam Perbendaharaan. Ia ada-lah sa-orang pegawai yang sangat muda dan baharu sahaja di-sahkan dalam Gred VI oleh Lembaga Kenaikan Pangkat kira² sa-masa dengan ketika Lembaga itu menimbangkan hendak melantek Timbalan Setia-usaha sekarang yang pada masa itu dalam Gred IV dan memangku jawatan dalam Gred III. Untuk menaikkan pangkat pegawai yang tertentu itu dengan berdasarkan kelulusan akademik-nya sa-mata² akan menyentoh moral lain² pegawai yang layak dalam jurusan itu dan berlawanan dengan dasar² kenaikan pangkat yang telah di-pakai.
- (c) Kenaikan pangkat pegawai² dalam perkhidmatan 'awam ada-lah satu perkara yang ter-pulang kepada Lembaga Kenai-kan Pangkat yang tertentu dan anggapan "bahawa dalam Perbendaharaan, kenaikan pangkat tiada berdasarkan kebolehan dan kelayakan, tetapi berdasarkan perhubungan peribadi dan warna kulit" itu tiada timbul.

Akauntan

269. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad bertanya kepada Perdana Menteri bilakah Kerajaan akan mengambil langkah² untuk mengi'tiraf kelayakan² dari I.C.W.A., United Kingdom, Persatuan Akauntan² Antarabangsa, United Kingdom dan Persatuan Akauntan² Malaya yang di-Persatukan

(Malayan Society of Incorporated Accountants) mengikut Undang² Akauntan tahun 1967.

Perdana Menteri: Kerajaan akan sedia menimbangkan pengitirafan kelayakan² dari I.C.W.A. (Institute of Costs and Works Accountant), United Kingdom, Persatuan Akauntan² Antarabangsa, United Kingdom dan Persatuan Akauntan² Malaya yang di-Persatukan (Malayan Society of Incorporated Accountants), sebagai mengikut kehendak seksyen 12 (1) Undang² Akauntan tahun 1967, jika badan² tersebut dapat memuaskan Kerajaan bahawa peperiksaan² yang di-selenggarakan oleh mereka dan pengalaman yang di-kehendaki daripada ahli² badan² ini ada-lah sa-taraf dengan yang di-dapati daripada badan² yang telah pun di-itiraf.

270. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad bertanya kepada Perdana Menteri adakah Kerajaan akan menimbang menggesa Persatuan Akauntan² Perbadanan Australia di-Malaya (Malayan Association of Australian Society of Accountants) supaya memohon kepada Majlis 'Am Perbadanan Akauntan Australia di-Melbourne supaya menanggahkan peperiksaan Persatuan itu di-Malaysia sa-hingga tahun 1971, khas-nya Peperiksaan Peringkat I supaya di-tanggahkan kepada akhir tahun 1969 dan tidak pada akhir tahun 1968 sa-laras dengan di-Australia, sa-belum Majlis ini berhenti mengadakan peperiksaan²-nya di-Malaysia menjelang tahun 1970.

Perdana Menteri: Kerajaan, menerusi Kementerian Pelajaran, hanya menyelenggarakan peperiksaan² tersebut dan tidak bertanggung-jawab mengenai dasar² berkaitan dengan-nya.

Terpulang-lah kepada Persatuan Akauntan² Perbadanan Australia di-Malaysia untuk merundingkan perkara ini dengan Perbadanan Akauntan Australia di-Melbourne.

Rupa-bangsa

271. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Perdana Menteri adakah benar bahawa Kerajaan Per-

ikatan yang berkuasa sekarang tidak mahu menjadikan "Melayu" sa-bagai rupa-bangsa negeri ini kerana takut terluput "Hak² istimewa" orang² Melayu yang terchatit di-dalam Perlembagaan Malaysia sekarang.

Perdana Menteri: Tidak benar.

"Hak² Istimewa"

272. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Perdana Menteri:

- (a) dapat-kah beliau menerangkan dalam Bab yang ke-berapa-kah dari Perlembagaan Malaysia ada tersebut "Hak² istimewa orang Melayu" kerana sa-tahu saya apa yang tersebut di-dalam Perlembagaan kita ia-lah "Kedudukan istimewa" (Special position)—bukan "Hak istimewa" (Special rights); dan
- (b) dapat-kah Kerajaan menghurairkan mengapa-kah Kerajaan mengguna perkataan² yang tidak tersebut di-dalam mana² Bab atau Fasal di-dalam Perlembagaan Negara.

Perdana Menteri:

- (a) Sa-benar-nya-lah dalam Perlembagaan tiada tersebut perkataan² "Hak² istimewa orang Melayu". Apa yang di-sebutkan dalam fasal 153 ia-lah "Kedudukan istimewa orang² Melayu".
- (b) Kerajaan tidak menggunakan perkataan² yang tidak tersebut dalam Perlembagaan dengan rasmi saperti yang di-tuduh itu.

273. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Perdana Menteri adakah benar bahawa Kerajaan Perikatan akan memansokhkan "kedudukan istimewa" (special position) orang² Melayu dari Perlembagaan apabila sampai tempoh 15 (lima belas) tahun dari tarikh hari kemerdekaan.

Perdana Menteri: Saperti yang telah di-nyatakan, kedudukan istimewa orang² Melayu ada-lah di-peruntukan di-bawah Perkara 153 Perlembagaan

dan Fasal 5 Perkara 38 menyatakan bahawa:

"The Conference of Rulers shall be consulted before any change in policy affecting administrative action under Article 153 is made."

dan Fasal 5 Perkara 159 menyatakan lagi bahawa—

"A law making an amendment to Article or 153 shall not be passed without the consent of the Conference of Rulers."

Kerajaan tidak ada tujuan hendak memansokhkan "kedudukan istimewa" orang² Melayu di-dalam tempoh yang tersebut pada masa ini.

274. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Perdana Menteri:

- (a) apakah perkara² yang besar yang di-buat oleh Kerajaan Perikatan dengan jalan "Kedudukan istimewa" orang² Melayu sejak kita mencapai kemerdekaan; dan
- (b) ada-kah perkara² tersebut benar² di-lakukan dengan berkat "Hak Istimewa" atau pun di-lakukan dengan jalan² biasa seperti rancangan kemajuan luar bandar dan sa-bagai-nya.

Perdana Menteri:

- (a) Sejak kita mencapai kemerdekaan, Kerajaan telah mencapai tujuan Perkara 153 dengan menentukan ada-nya di-khaskan untuk orang² Melayu kadar bilangan jawatan² dalam Perkhidmatan 'Awam, biasiswa², dermasiswa dan lain² hak² istimewa dan kemudahan² dalam pelajaran dan latihan termasuk permit² dan lesen² untuk menjalankan perniagaan, seperti di-fikirkan berpatutan oleh Kerajaan.
- (b) Kejayaan² ini telah di-perolehi mengikut dan berdasarkan kepada peruntukan² dalam Fasal 153 itu.

275. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Perdana Menteri sejak merdeka (1957) hingga sekarang (1968) berapa banyak-kah "hak istimewa" yang telah di-berikan kepada orang² Melayu berbanding dengan yang

di-berikan kepada orang² bukan Melayu ia-itu dalam perkara² yang berikut:

- (a) Biasiswa² pelajaran;
- (b) Lesen² kenderaan;
- (c) Lesen² lombong;
- (d) Lesen² perusahaan taraf perintis; dan
- (e) Lesen² perkapalan.

Perdana Menteri: Oleh sebab pertanyaan yang telah di-kemukakan ini ada-lah meliputi tempoh yang panjang dan beberapa bidang yang berlainan, di-dapati sukar sedikit jika bilangan² yang tepat dan lengkap hendak di-dapati dan di-berikan dalam tempoh yang singkat ini. Oleh hal yang demikian, jawapan yang sempurna kepada pertanyaan ini tidak dapat di-berikan di-sini dan akan di-sampaikan kepada Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah sa-telah sahaja jawapannya di-sediakan.

Orang Melayu

276. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Perdana Menteri ada-kah benar beliau pernah berkata bahawa "Orang Melayu sendiri mestilah kerja kuat, menggunakan kemudahan yang Kerajaan beri itu, mesti-lah usahakan sungguh², jangan ada nama sahaja. Sekarang ini saya tengok nama saja orang Melayu tapi orang lain buat kerja" seperti yang tersiar di-dalam majallah Dewan Masyarakat, keluaran 15hb April, tahun 1968 dan jika ya, terangkan perkara² yang di-maksudkan oleh beliau dari kata²-nya itu.

Perdana Menteri: Apa yang saya maksudkan ia-lah hendak mengingatkan orang² Melayu supaya bekerja lebih kuat untuk mendapat faedah² dari kemudahan² yang telah di-beri oleh Kerajaan dengan sepenoh-nya kerana telah di-ketahui ada orang² Melayu yang tidak menjalankan perusahaan dengan sendiri-nya tetapi telah menjualkan kamudahan² yang telah di-beri kepada-nya seperti lesen teksi, lesen membalak dan sa-bagai-nya kepada orang² bangsa asing yang telah meng-untungkan mereka itu.

"Bumiputra"

277. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Perdana Menteri:

- (a) apa-kah dia ta'arif rasmi dari segi undang² Perlembagaan bagi perkataan "bumiputra" yang selalu di-gunakan oleh pihak Kerajaan Perikatan; dan
- (b) ada-kah benar bahawa Kerajaan mengguna perkataan "bumiputra" itu tanpa menghiraukan nilai undang²-nya.

Perdana Menteri:

- (a) Dalam undang² Perlembagaan perkataan "bumiputra" tiada di-gunakan bagi Negeri² Tanah Melayu. Semenjak Malaysia perkataan "native" (yang boleh diterjemahkan kepada perkataan "bumiputra") ada-lah di-gunakan bagi Negeri² Borneo dan dita'arifkan dalam Perkara 161A Perlembagaan Malaysia.

Kalau ada perkataan "bumiputra" di-gunakan oleh pihak Kerajaan mengenai perkara² dalam Negeri² Tanah Melayu, perkataan itu, dengan tidak rasmi-nya, boleh-lah di-ertikan orang² Melayu dan orang² Asli Semenanjung.

- (b) Tidak benar.

Rundingan Pertahanan

278. Dr Tan Chee Khoon asks the Prime Minister whether he would make a statement regarding the defence talks to be held in the early part of June 1968 in Kuala Lumpur.

Perdana Menteri: Perhaps the Member for Batu is not aware of the statement I made in this House on the 21st August, 1967, regarding the five-power defence talks. For his benefit I shall

repeat what I have said earlier on this subject:

"The five-power defence conference would be confined to discussion on the problems of British withdrawal, so that the Commonwealth countries concerned could identify more clearly the type of assistance required to fill the gap and the source of assistance to be obtained."

I have further elaborated on this subject, again in this House on 26th January, 1968, and what I said was:

